

# JAWAPAN

## BAHASA MELAYU

### Tema 1 ANDA BERSIH, ANDA SIHAT

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Perkataan	Makna	Contoh ayat
para	Rak tempat meletakkan barang-barang di dalam rumah	Ibu meletakkan periuk-periuk di atas para.
	Kata yang mendahului kata-kata lain untuk menyatakan banyak	Para peserta diminta duduk di tempat masing-masing kerana acara akan bermula sebentar lagi.
dalam	Jauh ke bawah dari permukaan	Perigi itu sangat dalam.
	Berkenaan dengan	Dia memang pakar dalam hal itu.
bersih	Tidak kotor	Pakaiannya sentiasa bersih.
	Jujur dan ikhlas	Hatinya yang bersih sering mendapat pujian.
kecil	Mudah atau tidak penting	Usaha ini nampak kecil tetapi hasilnya berlipat ganda.
	Sempit atau tidak luas	Kami terpaksa bersesak-sesak melalui jalan yang kecil.
baik	Berfaedah	Bersenam baik untuk kesihatan tubuh badan.
	Tidak jahat	Tabiat abang yang baik dan rajin itu disukai oleh keluarganya.
mereka	Kata ganti nama diri ketiga	Mereka berjaya kerana mereka rajin dan berusaha.
	Membuat mencipta	Bell ialah orang Amerika yang mereka cipta telefon.

meliputi	Menjadi sebagai tutup	Air meliputi kebanyakan permukaan bumi.
	Merangkumi beberapa perkara	Tugas polis wanita meliputi seluruh tugas polis lelaki.
dewasa	Sudah berumur 21 tahun ke atas	Orang dewasa dikenakan bayaran masuk yang lebih tinggi daripada kanak-kanak.
	Pada masa, ketika dan waktu	Adat seperti itu tidak sesuai lagi dengan keadaan dewasa ini.

#### Kemahiran Membaca Praktis 1

- 1 Kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar daripada pencemaran udara adalah untuk mengekalkan kestabilan ekosistem, kesihatan manusia terjamin, habitat flora dan fauna terpelihara, menjamin bekalan sumber alam, meningkatkan ekonomi negara melalui aktiviti pelancongan, dan demi kelangsungan hidup generasi akan datang.
- 2 Langkah terbaik bagi memastikan udara lebih bersih untuk anak-anak dan keluarga ialah elakkan pembakaran terbuka, jimatkan penggunaan elektrik, mengamalkan kitar semula, menanam pokok di persekitaran, mendidik masyarakat melalui kempen kesedaran, menggunakan sumber yang boleh diperbaharui, menyertai aktiviti sukarelawan membersihkan alam sekitar dan sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar.
- 3 Pencemaran udara memberi kesan kepada kesihatan manusia terutamanya sistem pernafasan, penipisan lapisan ozon, mengganggu keseimbangan ekosistem, hujan asid, kesan rumah hijau dan pemanasan global.

#### Praktis 2

- 1 Maksud impak positif ialah kesan/implikasi baik.
- 2 Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, antara kebaikan ketawa bagi seseorang individu ialah senaman yang baik untuk melancarkan pengedaran udara ke paru-paru, otot, saraf dan jantung. Selain itu, ketawa menjadi penawar terbaik dalam mengurangkan tekanan.
- 3 Pada pendapat saya, kesan-kesan sekiranya seseorang itu mengabaikan masa gembira bersama-sama keluarga dan rakan-rakan ialah kegelisahan atau kemurungan dan mempunyai imej diri yang kurang baik.

- 4 Sebagai rakan yang prihatin, cara untuk menggembarakan rakan saya selain senyuman ialah menceritakan kepadanya sesuatu yang lucu serta menarik. Selain itu, membawa rakan berjumpa kaunselor atau pakar motivasi. Seterusnya, memintanya mengingati sesuatu yang lucu atau kenangan silam yang menggembarakannya.

### Praktis 3

- 1 Maksud semakin singkat ialah menjadi lebih sekejap/pendek/ tidak lama.
- 2 Punca pembiakan Aedes, sekali gus menyumbang kepada kes denggi:
  - cuaca panas, kering dan suhu tinggi akibat fenomena El Nino yang melanda negara ini dikatakan menyumbang kepada peningkatan kes denggi
  - kemarau akibat El Nino pula memaksa masyarakat menaung air bagi menampung bekalan air harian sekali gus meningkatkan tempat pembiakan nyamuk Aedes
  - tabiat dan sikap yang tidak menyelenggara persekitaran
- 3 Kesan sekiranya kes demam dan kematian akibat denggi meningkat setiap tahun:
  - kerugian sumber manusia dalam pelbagai sektor di seluruh negara
  - kualiti hidup akan terganggu
  - beban ekonomi bagi pesakit demam denggi
- 4 Cara untuk terus berusaha membendung pembiakan Aedes yang boleh menyumbang kepada kes denggi:
  - perlindungan daripada gigitan nyamuk dengan menggunakan penghalau nyamuk, memakai pakaian berwarna terang dan lengan panjang dan seluar panjang ketika berada di luar rumah, memasang skrin serangga di pintu dan tingkap, penggunaan kelambu atau penggunaan racun serangga
  - elakkan melawat atau berkunjung ke kawasan berisiko tinggi pada siang hari
  - memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes iaitu tempat air bertakung secara konsisten
  - memastikan kawasan kediaman dan persekitaran sentiasa bersih

### Kemahiran Menulis

#### Praktis 1

##### Pendahuluan

- kebersihan diri perlu diamalkan oleh setiap individu, penting untuk kesihatan
- dipupuk oleh ibu bapa sejak kecil, melentur buluh biarlah dari rebungunya
- kebersihan sebahagian daripada iman

##### Isi 1

- kuman atau bakteria tidak menjangkiti orang yang menjaga kebersihan diri
- kerap mandi dan basuh tangan sebelum makan
- mengelakkan penyakit kulit, masalah pernafasan, asma dan batuk
- sudah terhantuk baru terngadah

##### Isi 2

- tiada masalah kesihatan membolehkan seseorang fokus ketika belajar
- memberikan tumpuan penuh dan sentiasa bertanya kepada guru mata pelajaran sukar, Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik, boleh cemerlang dalam peperiksaan
- akal yang sihat ada pada badan yang cergas

##### Isi 3

- badan bersih, tidak berbau, penampilan sentiasa kemas
- mudah bergaul dan mendapat kerjasama untuk melakukan aktiviti
- bersukan, bersenam dan berkelah bersama-sama dapat mengeratkan silaturahim
- bagai aur dengan tebing

##### Isi 4

- badan yang sihat dan cergas, mudah bergerak ke mana-mana
- dapat menjalankan pembelajaran dan bersosial, tidak menyukarkan orang lain
- belajar di sekolah, kelas tambahan dan solat di masjid
- dapat menjalani kehidupan yang lebih tenang dan selesa
- badan sihat otak cerdas

### Kesimpulan

- sentiasa mendapatkan maklumat tentang kebersihan diri
- menasihati rakan yang tidak menjaga kebersihan diri
- banyak kebaikan yang diperoleh

### Praktis 2

#### Pendahuluan

Rumusan/petikan membincangkan kesan-kesan/impak/akibat bencana banjir dan usaha/cara/strategi/pendekatan/kaedah penjagaan kesihatan semasa banjir di Malaysia/di negara ini.

##### Isi

#### Bahan 1: Kesan-kesan/impak/akibat bencana banjir

- penduduk tidak sempat menyelamatkan barang keperluan, perabot, pakaian serta kenderaan sehingga kerugian boleh dianggarkan jutaan ringgit
- banyak harta benda yang musnah
- binatang ternakan dan tanaman mati
- para petani akan mengalami kerugian besar
- banjir juga boleh mengancam nyawa
- ramai yang lemas kerana bermain dengan air banjir yang alirannya deras dan dalam apatah lagi jika mereka tidak tahu berenang
- air banjir yang keruh boleh membawa pelbagai benda yang berbahaya
- air banjir juga tercemar dengan pelbagai kotoran
- terpaksa mengharungi banjir dan pascabanjir, mangsa terpaksa menyelamatkan diri, keluarga dan harta benda
- kesan psikososial iaitu tekanan perasaan, kegelisahan, kebimbangan, kemurungan serta perubahan pada tingkah laku dan perasaan
- kesan sosioekonomi
- kesan sosiopolitikal
- mengancam kesihatan
- kegagalan fungsi hospital dan farmasi
- penularan penyakit-penyakit berjangkit
- menjejaskan kebersihan makanan, minuman dan persekitaran
- kesesakan di pusat-pusat pemindahan mangsa banjir

#### Bahan 1: Usaha/cara/strategi/pendekatan/kaedah penjagaan kesihatan semasa banjir

- janganlah mengambil air banjir untuk diminum
- elakkan makan makanan mentah

## Bahan 2

- segera bersihkan badan yang terkena air banjir dengan air bersih
- sentiasa bersihkan pusat pemindahan sementara supaya alat dan tikus tidak berhurung
- cuci tangan dengan betul dan sentiasa jaga kebersihan diri
- dapatkan rawatan segera sekiranya demam dalam tempoh 30 hari selepas kerja pembersihan
- jangan guna air banjir untuk bersihkan diri, peralatan atau makanan

## Kesimpulan

Kesimpulannya, semua pihak perlu menitikberatkan keselamatan dan kesihatan semasa banjir agar masyarakat hidup sejahtera.

## Aspek Tatabahasa

- 1 orang ramai
  - Orang awam/masyarakat
  - Ayat: Isu itu mendapat perhatian daripada orang ramai.
- 2 kraf tangan
  - Perusahaan yang memerlukan daya cipta dan kemahiran menggunakan tangan
  - Ayat: Sektor ekonomi negara memberi tumpuan kepada perusahaan kraf tangan yang sering menarik minat pelancong.
- 3 Perdana Menteri
  - Ketua menteri sesebuah negara/ketua kabinet negara/ketua jemaah menteri
  - Ayat: Perdana Menteri Malaysia telah berlepas ke Kota London untuk menghadiri Majlis Persidangan Antarabangsa.
- 4 antarabangsa
  - Melibatkan dua atau lebih negara
  - Ayat: Perkhidmatan penerbangan antarabangsa Kota Bharu ke Bangkok ditangguhkan kerana keadaan cuaca yang buruk.
- 5 tanah air
  - Negara tempat seseorang dilahirkan
  - Ayat: Sebagai rakyat Malaysia, kita harus bangga dengan kemakmuran tanah air.

## SOALAN SEBENAR SPM


- 1 • Rasa ketakutan yang amat sangat akan sesuatu boleh menyebabkan fobia.
  - Sebelum berjaya menyembuhkan penyakit, penderita fobia memerlukan beberapa sesi kaunseling.
  - Sebagai ahli keluarga, kita perlu membantu penderita fobia.
- 2 • Sarapan tidak gemar diambil oleh segelintir rakyat Malaysia.
  - Dengan bersarapan, pelbagai aktiviti harian dapat kita lakukan secara cekap dan efisien.
  - Sarapan perlulah anda ambil kerana nutrien yang secukupnya sangat perlu kepada tubuh badan.

## Tema 2

## SUKAN DAN REKREASI

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

#### Contoh Aktiviti Riadah dan Rekreasi yang Menarik serta Menyeronokkan



### Kemahiran Membaca

Faedah Beriadah sambil Meneroka Alam Semula Jadi	Faedah Bersukan Di Taman
<b>Persamaan</b>	
<ol style="list-style-type: none"><li>1 Pilihan cara untuk bersenam mengikut keselesaan masing-masing.</li><li>2 Kesejahteraan mental.</li><li>3 Aktiviti beriadah memberikan kesejahteraan mental kerana kita ditemani tumbuh-tumbuhan hijau dan udara segar.</li><li>4 Aktiviti beriadah merupakan cara yang baik untuk ahli keluarga meluangkan masa bersama-sama.</li></ol>	
<b>Perbezaan</b>	
<ol style="list-style-type: none"><li>1 Menyihatkan badan.</li><li>2 Aktiviti beriadah membolehkan individu meneroka, mencipta dan mengubah cara berfikir.</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1 Bersenam dalam keadaan yang tenang mampu merehatkan minda dan menambah kecergasan badan.</li><li>2 Melakukan aktiviti fizikal sambil melihat kehijauan tumbuhan dan pokok segar boleh meningkatkan tahap kesihatan individu.</li><li>3 Kesihatan diri juga bertambah baik apabila terdedah dengan sinaran matahari terutama pada waktu pagi yang kaya dengan vitamin D serta oksigen yang sememangnya amat diperlukan oleh badan.</li><li>4 Boleh meneroka taman dan laman baharu di sekitar Malaysia di samping dapat memaksimumkan senaman yang dilakukan.</li></ol>

## Kemahiran Menulis

### Praktis 1

#### Pendahuluan

- senaman ialah pergerakan badan yang dilakukan secara berulang-kali secara terancang dan berstruktur
- bertujuan untuk meningkatkan atau mengekalkan satu atau lebih komponen kecergasan fizikal
- hakikatnya dengan melapangkan sedikit masa, tenaga dan komitmen banyak faedah yang diperolehi daripada aktiviti bersenam ini

#### Isi 1

- dapat mencergaskan dan menyihatkan tubuh badan
- boleh mengeluarkan peluh apabila kita berjoging atau berjalan kaki
- peluh menerusi perkumuhan dalam badan dapat menyingkirkan sisa toksik
- selain itu dapat mengawal suhu badan kita
- dapat melawan penyakit-penyakit yang berbahaya

#### Isi 2

- dapat mengisi masa lapang
- tidak akan terlibat dalam gejala sosial apabila kita bersenam kerana kita dapat membezakan aktiviti yang sihat dengan aktiviti yang tidak sihat
- dapat mematangkan minda dan tubuh badan
- jika kita bersenam, kita sedang mengamalkan gaya hidup yang sihat

#### Isi 3

- dapat bantu mengawal berat badan/mengatasi masalah obesiti
- bersenam akan meningkatkan metabolisme badan, bakar lemak dan kalori
- bersenam adalah cara terbaik untuk menurunkan atau mengawal berat badan
- pelbagai penyakit berbahaya yang berpunca daripada kegemukan seperti sakit jantung, darah tinggi dan kencing manis dapat dielakkan
- mencegah lebih baik daripada merawat

#### Isi 4

- apabila kerap bersenam badan akan betah melakukan aktiviti-aktiviti fizikal
- tidak mudah penat dan lebih cergas dalam menjalankan aktiviti harian
- minda akan menjadi lebih cerdas dan dapat berfikir dengan baik
- penting untuk murid/pelajar dapat memikirkan idea-idea yang tuntas dan bernas

#### Kesimpulan

- banyak manfaat yang kita dapat dengan bersenam
- banyak kesan positif yang dapat kita nikmati
- lakukan aktiviti senaman sekurang-kurangnya 30 minit sehari, dua atau tiga kali seminggu
- bersenam demi kesihatan atau cara hidup yang lebih sihat
- jagalah masa sihat kamu, sebelum datang masa sakit kamu, petikan hadis

### Praktis 2

#### Pendahuluan

- kegemilangan sukan sesebuah negara bergantung pada rakyatnya
- setiap negara berlumba-lumba untuk mengharumkan nama negara masing-masing
- negara kita juga mempunyai ramai atlet yang hebat tetapi bakat mereka tidak dapat diketengahkan

#### Isi 1

- mengumpulkan semua atlet dalam pelbagai acara
- latihan pusat yang lebih sistematik
- program latihan di peringkat sekolah terutama di sekolah-sekolah sukan
- jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya

#### Isi 2

- menyusun jadual latihan, makan makanan seimbang dan rehat yang mencukupi
- membentuk disiplin dan mengekalkan stamina sebelum pertandingan berlangsung
- menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala
- melakukan latihan tanpa gangguan kesihatan kerana mencegah lebih baik daripada merawat

#### Isi 3

- melatih atlet dengan menggunakan cara dan teknik yang sesuai
- memilih jurulatih berdasarkan pengalaman, pencapaian dan kejayaan
- mendapat khidmat jurulatih luar negara
- melatih ayam tambatan negara

#### Kesimpulan

- atlet yang berjaya dapat mengharumkan nama negara
- bakat atlet harus dicungkil sejak di bangku sekolah
- dengan slogan 'Malaysia Boleh', atlet kita dapat bersaing dengan atlet dari luar negara

#### Aspek Tatabahasa

- (i) keselamatan
  - Ayat: Pengawal keselamatan di sekolah itu sentiasa beramah mesra dengan murid-murid dan guru-guru.
- (ii) mencapai
  - Ayat: Perniagaan tudung Aida berjaya mencapai sasaran keuntungan yang lumayan.
- (iii) dihargai
  - Ayat: Cikgu Kamsiah berasa sangat dihargai oleh seluruh warga sekolahnya sempena majlis persaraan beliau.

## SOALAN SEBENAR SPM

### 1 Pendahuluan

Kewujudan pelbagai gajet dan teknologi terkini, sukan rakyat dilihat sudah tidak diminati oleh rakyat terutamanya generasi muda – Walaupun hanya memerlukan kos yang rendah untuk bermain sukan rakyat, masyarakat kita lebih memilih permainan moden seperti e-sukan – Pelbagai pihak perlu berganding bahu untuk mempopularkannya bagi mengekalkan identiti negara ini – Banyak kelebihan yang boleh dimiliki daripadanya sama ada dari aspek budaya, sektor pelancongan dan ekonomi.

**Isi 1**

Langkah mempopularkan sukan rakyat mampu memastikan tradisi tersebut tidak ditelan zaman – Ramai generasi muda sudah tidak mengenali sukan rakyat seperti chaptch, tujuh selipar, kabadi, dan pelbagai permainan sukan rakyat yang terkenal suatu ketika dahulu – Menerusi festival yang dijalankan secara besar-besaran dan menyasarkannya kepada generasi muda, usaha tersebut dapat memperkenalkan sukan tradisi itu kembali – Biar mati anak jangan mati adat

**Isi 2**

Usaha menyemarakkan sukan rakyat juga mampu menjadi daya tarikan pelancongan – Sukan rakyat ini merupakan khazanah tidak ternilai kepada negara kita yang sukar ditemui di negara luar – Pelancong akan memilih negara Malaysia apabila mengetahui terdapat keunikan – Permainan boleh dipopularkan menerusi Program Tahun Melawat Malaysia yang dianjurkan oleh pihak kerajaan. – Pelancong menjadikan permainan gasing, galah panjang dan timbang bola sebagai aktiviti pelancongan.

**Isi 3**

Langkah mempopularkan sukan rakyat juga membuka jalan kepada penggiat industri untuk menjana pendapatan – Lebih banyak produk berasaskan sukan rakyat dapat dihasilkan menerusi industri kecil dan sederhana (IKS) – Produk yang dihasilkan bukan sahaja boleh dijual secara tempatan malah berpotensi menembusi pasaran antarabangsa – Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu

**Kesimpulan**

Usaha yang digagaskan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk mempopularkan sektor permainan ini sememangnya banyak memberi faedah kepada masyarakat dan negara – Perlu mendapat sokongan daripada masyarakat tanpa mengira pangkat dan usia – Tanpa mengetepikan arus kemodenan pada masa ini, sukan rakyat juga sepatutnya dibanggakan oleh pelbagai pihak. –Yang lama dikelek, yang baharu didukung

**2 Pendahuluan**

- Bersukan sering diperkatakan
- Buktinya selepas kemenangan Malaysia dalam sukan SEA
- Juara keseluruhan – 47 butir pingat – menjadi kebanggaan
- Persoalannya – apakah kebaikan-kebaikan bersukan?

**Isi**

- Dapat memupuk perpaduan kaum
- Dapat melahirkan masyarakat yang cergas dan sihat
- Dapat mengharumkan nama negara di persada dunia
- Dapat dijadikan sebagai kerjaya
- Dapat mengeratkan hubungan dan semangat setia kawan
- Mengisi masa senggang
- Membanteras gejala tidak sihat
- Mengurangkan stres

**Kesimpulan**

- Terdapat banyak kebaikan bersukan
- Semua lapisan masyarakat digalakkan menyertai aktiviti bersukan
- Mengangkat martabat rakyat dan negara
- Mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara lain

**Kemahiran Mendengar dan Bertutur**

**1 Membentuk disiplin yang tinggi**

- menguruskan masa dengan baik melalui sikap yang sentiasa menepati masa
- melaksanakan setiap tugas pada waktu yang ditetapkan
- pengurusan masa dapat membentuk disiplin yang tinggi dalam diri seseorang kerana masa itu emas

**2 Dapat menyusun aktiviti secara terancang**

- bertukar-tukar pandangan dengan rakan-rakan tentang jadual harian yang telah disediakan untuk dibuat penambahbaikan
- mengikuti perancangan yang telah dijadualkan
- pengurusan masa dalam kehidupan seharian dapat diuruskan dengan baik dan terancang melalui langkah pengisian masa lapang yang mencukupi

**3 Dapat meluangkan masa berkualiti bersama-sama keluarga**

- pengurusan masa amat penting untuk menjamin kepelbagaian aktiviti dapat dijalankan terutamanya meluangkan masa bersama-sama keluarga yang tersayang
- perancangan masa yang berkualiti juga dapat menghindarkan masyarakat hari ini yang terlalu leka melayari laman sosial yang tidak berfaedah sehingga mereka alpa akan masa yang perlu diluangkan bersama-sama keluarga

**Kemahiran Membaca**

<b>W – Who – Siapa?</b>	Siapakah watak utama dalam cerita ini?	Encik Saiful
<b>W – What – Apa?</b>	Apakah kejadian yang menimpa watak utama?	Keadaan kesihatan yang semakin kritikal akibat kemalangan. Beliau terpaksa mengambil keputusan untuk menamatkan kerjayanya sebagai seorang tukang gunting rambut profesional dan menutup salun rambutnya yang telah beroperasi hampir lima tahun lamanya.
<b>W – When – Bila?</b>	Bilakah kejadian itu berlaku?	Kemalangan yang menimpanya berlaku ketika beliau dalam perjalanan dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur kerana diundang untuk menyampaikan kursus berkaitan seni dandan rambut di sebuah kolej swasta di ibu kota.
<b>W – Where – Di mana?</b>	Di manakah kejadian itu berlaku?	Dalam perjalanan dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur

<b>Why – Mengapa?</b>	Mengapakah kejadian itu berlaku?	Keadaan hujan lebat dan jalan yang licin serta sikap terburu-buru Encik Saiful untuk segera berada di lokasi tersebut mengakibatkan berlakunya kemalangan jalan raya.
<b>H – How – Bagaimana?</b>	Bagaimanakah kejadian itu dapat diselesaikan?	Sesungguhnya malang tidak berbau. Sikap berhati-hati ketika memandu mungkin dapat mengelakkan kemalangan. Encik Saiful perlu membuat keputusan terbaik dan menyelesaikan masalah yang berlaku. Keputusan untuk menamatkan kerjayanya sebagai seorang tukang gunting rambut profesional dan menutup salun rambut yang telah beroperasi hampir lima tahun lamanya merupakan pilihan terakhir dan perlu dilakukan berdasarkan pilihan-pilihan terbaik yang ada.

### Kemahiran Menulis Praktis 1

<b>Pendahuluan</b>	Setiap orang mempunyai aspirasi kerjaya masing-masing. Kerjaya yang dipilih akan menentukan kejayaan dalam hidup seseorang. Demi mencapai kejayaan dalam kehidupan, seseorang itu perlu berusaha untuk merealisasikannya. Untuk memastikan hasrat ini tercapai, usaha-usaha menyiapkan diri dengan persediaan-persediaan yang lengkap perlu dilakukan dari semasa ke semasa untuk mencapai kerjaya impian kerana yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang.
--------------------	--

### Isi-isi Penting

<b>Ayat Topik – Isi 1</b>	Persediaan untuk memenuhi kerjaya impian yang pertamanya perlu dilakukan ialah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang mendalam berkaitan kerjaya yang ingin diceburi.
<b>Mengapa (Ayat Huraian Topik)</b>	Hal ini penting untuk memastikan nekad dan tekad seseorang itu tidak mudah rapuh kerana ketinggian ilmu yang dimiliki.
<b>Bagaimana (Ayat Contoh)</b>	Sebagai contoh, banyakkannya membaca bahan bacaan dan mengeksplorasi sumber pengetahuan yang bertemakan bidang kerjaya yang ingin diceburi.

<b>Kesan (Ayat Menghuraikan Contoh)</b>	Percayalah bahawa membaca itu jambatan ilmu, ilmu pengetahuan dapat memantapkan diri untuk menguruskan kehidupan.
<b>Ayat Penegasan Isi</b>	Oleh hal yang demikian, kita sewajarnya meningkatkan ilmu pengetahuan dan keyakinan diri bagi merealisasikan cita-cita dan impian.

<b>Ayat Topik – Isi 2</b>	Selain itu, setiap individu perlu melengkapkan diri dengan kemahiran sosial.
<b>Mengapa (Ayat Huraian Topik)</b>	Kemahiran sosial ini penting supaya seseorang itu mampu menjadi modal insan yang kamil dan yakin pada diri sendiri apabila berhadapan onak dan duri.
<b>Bagaimana (Ayat Contoh)</b>	Sebagai contohnya, kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran bahasa, dan kemahiran menyelesaikan masalah.
<b>Kesan (Ayat Menghuraikan Contoh)</b>	Libatkanlah diri secara aktif dalam kegiatan kokurikulum di sekolah, program kemasyarakatan, dan sebagainya kerana ini merupakan peluang untuk diri seseorang itu mengaplikasikan kemahiran-kemahiran tersebut.
<b>Ayat Penegasan Isi</b>	Sesungguhnya usaha untuk memiliki kemahiran sosial sangat mustahak untuk menceburkan diri dalam kerjaya yang diimpikan.

<b>Ayat Topik – Isi 3</b>	Jika dilihat dari perspektif yang lain pula, sewajarnya seseorang itu perlu mempunyai jati diri yang mantap untuk berjaya dalam kerjaya.
<b>Mengapa (Ayat Huraian Topik)</b>	Jati diri yang mantap akan menghindarkan seseorang itu daripada terjebak dalam perkara yang boleh menjejaskan imej negara serta mengganggu gugat kesejahteraan negara.
<b>Bagaimana (Ayat Contoh)</b>	Sebagai contohnya, rasuah, pecah amanah, melakukan kerosakan terhadap alam sekitar dan sebagainya.
<b>Kesan (Ayat Menghuraikan Contoh)</b>	Jati diri yang mantap mampu menangani masalah-masalah yang bakal ditempuhi pada masa hadapan kelak. Kesannya, seseorang itu mampu berfikir secara rasional dalam menghasilkan keputusan yang tepat dan berkualiti serta menjaga maruah negara.
<b>Ayat Penegasan Isi</b>	Sesungguhnya tepuk dada tanya minda mampu memberikan nilai tambah kepada diri seseorang yang mengimpikan kerjaya dalam hidupnya.

<b>Kesimpulan</b>	
<b>Penegasan Tajuk</b>	Konklusinya, usaha dan persediaan perlu dilakukan oleh seseorang untuk mencapai cita-cita dan impian sejak di bangku sekolah lagi.

<b>Cadangan</b>	Kita perlu sentiasa menitikberatkan kemajuan diri dalam aspek intelek, jasmani, rohani, emosi dan sosial sepanjang masa. Sokongan dan dorongan daripada pelbagai pihak terutamanya keluarga amat diperlukan oleh seseorang itu untuk menggapai cita-cita dan impian dalam kehidupan.
<b>Harapan</b>	Semoga hasrat murni ini terlaksana kerana tiada kejayaan tanpa usaha dan kesungguhan.

## Praktis 2

### Pendahuluan

- kata alu-aluan kepada hadirin mengikut protokol dan ucapan tahniah
- ringkasnya TVET adalah proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri
- program yang amat bermanfaat
- tujuan utama pelaksanaan TVET adalah untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompetensi dan efektif dalam bidang-bidang yang tertentu
- memacu minat murid-murid terhadap TVET
- mengubah paradigma murid-murid terhadap kerjaya mereka pada masa hadapan

### Isi 1

- dapat menyediakan latihan dan kemahiran teknikal di institusi pendidikan awam
- didedahkan dengan latihan dan kemahiran teknikal
- melengkapi diri mereka dengan kemahiran terkini
- lulusan program TVET mampu menguasai pengetahuan dan kemahiran praktikal dengan lebih baik berbanding lulusan program akademik
- melahirkan individu yang mahir dalam pelbagai kemahiran teknikal
- TVET adalah bidang pembelajaran yang bukan sahaja tertumpu kepada mereka yang cemerlang dalam akademik sahaja tetapi juga kepada semua individu yang meminati bidang kemahiran teknikal

### Isi 2

- murid-murid lepasan SPM juga dapat memilih pelbagai kursus kemahiran disokong kerajaan
- mengharmonikan sistem akreditasi
- menjalinkan rantaian pemasaran yang kukuh kepada pelanggan mereka
- lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendapat keputusan yang kurang menyerlah dalam peperiksaan awam itu tidak perlulah risau dan berputus asa menghadapi liku-liku kehidupan
- bagi menebus silap yang lama, murid-murid perlulah mengambil peluang dalam bidang TVET ini untuk melengkapkan diri dengan ilmu kemahiran yang berguna sepanjang hayat di mana ada kemahuan, di situ ada jalan

### Isi 3

- kerjasama pintar
- setiap institusi pendidikan dan latihan TVET perlu bekerjasama dengan universiti serta agensi inovasi untuk memperkenalkan teknologi baharu yang dapat dimanfaatkan oleh industri
- menyediakan modal insan berkemahiran yang diperlukan industri

- ilmu kemahiran teknikal adalah seperti pertukangan, elektronik, pateri, automotif
- amalan bengkel mesin, kimpalan dan fabrikasi logam.
- kemahiran teknikal mampu dimanfaatkan oleh individu tersebut di mana jua mereka berada
- berpotensi untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan menarik minat majikan untuk menawarkan pekerjaan kepada lulusan TVET

### Kesimpulan

- banyak usaha telah dijalankan untuk membantu pelajar lepasan TVET
- menjanakan pendapatan lumayan
- semua pihak perlu bekerjasama memperkasakan TVET
- memenuhi permintaan industri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, kemajuan teknologi dan mobiliti tenaga kerja global
- Malaysia dapat menyediakan modal insan berkemahiran yang diperlukan industri untuk menjadi negara maju pada tahun 2030
- ucapan terima kasih

### Aspek Tatabahasa

- (i) besar-besaran
  - Dengan cara yang besar atau berlebih-lebihan
  - Ayat: Majlis perkahwinan itu telah diadakan secara besar-besaran.
- (ii) kuih-muih
  - Bermacam-macam jenis kuih
  - Ayat: Anak gadisnya muncul membawa sehidangan kopi dan kuih-muih.
- (iii) lelaki
  - Laki-laki/jantan
  - Ayat: Penyanyi lelaki itu menyanyi dengan nada suara yang tinggi.
- (iv) membeli-belah
  - Membeli berbagai-bagai jenis barang
  - Ayat: Kalung emas yang dipakainya telah diragut oleh seorang pemuda ketika dia sedang membeli-belah.
- (v) saat-saat
  - Masa yang sangat pendek
  - Ayat: Dalam saat-saat akhir ini, Najwa mahu memberi perhatian kepada soalan ramalan serta tip yang diberi oleh gurunya.
- (vi) acara-acara
  - Rancangan atau perkara yang akan dilakukan, dipertunjukkan, dibincangkan dan sebagainya dalam sesuatu perjumpaan
  - Ayat: Acara-acara menarik telah disediakan untuk menghangatkan sambutan Hari Kebangsaan.

## SOALAN SEBENAR SPM

- 1 • Bagai ombak di tepi pantai  
Maksud: Kehidupan yang tiada tetap (keadaan hidup)
- Siapa menjala siapa terjun  
Maksud: Sesiapa yang ingin sesuatu perkara mestilah berusaha
- Tiada rotan akar pun berguna  
Maksud: Jika tidak ada yang baik sekali, yang kurang baik pun boleh diguna juga

## 2 Bahan 1

Salah	Betul
cepat	segera
hari	harian
Warga negara	Warganegara
berdisplin	berdisiplin
Emelkan	E-melkan
ke:	kepada:

## Bahan 2

Salah	Betul
juruterbang terima	diterima oleh juruterbang
mukabumi	muka bumi
berbagai	berbagai-bagai/pelbagai
stesyen	stesen
tempoh masa	tempoh / masa
dalam	dengan
tidak tertentu	tidak menentu

## Tema 4 BERSATU KITA TEGUH

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Pembentangan murid

### Kemahiran Membaca

Kesimpulan	
<b>Penegasan Tajuk</b>	Jelaslah bahawa langkah-langkah mengekalkan dan memantapkan perpaduan kaum di Malaysia penting untuk kemajuan serta kemakmuran negara tercinta.
<b>Cadangan</b>	Justeru, peribahasa ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni dalam kehidupan seharian haruslah menjadi budaya hidup kita.
<b>Harapan</b>	Oleh itu, semangat perpaduan harus disemai dan diingati sampai bila-bila agar kemakmuran negara menjadi realiti, bukannya fantasi semata-mata.

### Kemahiran Menulis

#### Praktis 1

##### Isi 1

<b>Ayat Topik</b>	Kepentingan mengamalkan perpaduan kaum dalam masyarakat juga dapat menarik kedatangan pelancong ke Malaysia.
<b>Ayat Huraian Topik</b>	Sudah terang lagi bersuluh, salah satu sumber ekonomi negara adalah sektor pelancongan yang dapat menjana ekonomi negara.

<b>Ayat Contoh</b>	Sebagai tamsilnya, pelancong amat tertarik dengan kepelbagaian kaum di negara kita iaitu terdiri daripada tiga kaum yang terbesar iaitu, Melayu, Cina dan India yang dapat menonjolkan imej negara.
<b>Ayat Huraian Contoh</b>	Hal ini seterusnya mampu menarik kedatangan pelancong dan dapat menjana ekonomi Malaysia secara tidak langsung.
<b>Ayat Penegasan Isi</b>	Asas perpaduan yang kukuh dan kebudayaan yang unik di samping kepelbagaian adat resam yang membentuk identiti sesebuah masyarakat nescaya dapat memikat hati pelancong untuk berkunjung.

##### Isi 2

<b>Ayat Topik</b>	Perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat Malaysia juga mampu meningkatkan imej negara di mata dunia.
<b>Ayat Huraian Topik</b>	Memang tidak dapat dinafikan bahawa negara pada masa kini sudah berada di peta masyarakat antarabangsa ekoran daripada usaha kerajaan yang berterusan membina negara yang disegani di peringkat dunia.
<b>Ayat Contoh</b>	Sebagai buktinya, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara yang ke-9 paling aman di dunia berdasarkan kajian yang dilakukan oleh sebuah badan bebas yang berpangkalan di Amerika Syarikat.
<b>Ayat Huraian Contoh</b>	Hal ini sangat jelas menunjukkan bahawa pengiktirafan sedemikian adalah kerana masyarakat Malaysia hidup bersatu padu sehingga keadaan menjadi aman dan harmoni.
<b>Ayat Penegasan Isi</b>	Jelaslah bahawa usaha mengekalkan dan memantapkan perpaduan kaum di Malaysia mampu meningkatkan imej negara di mata dunia.

##### Isi 3

<b>Ayat Topik</b>	Di samping itu, kepentingan perpaduan yang lain pula ialah perpaduan dapat membangunkan ekonomi negara.
<b>Ayat Huraian Topik</b>	Perpaduan yang ditunjukkan oleh masyarakat Malaysia akan menarik minat pelancong asing untuk mengenali dengan lebih dekat lagi budaya masyarakat Malaysia yang berbeza kaum dan agama tetapi dapat hidup dengan harmoni di bawah satu bumbung.
<b>Ayat Contoh</b>	Selaras dengan itu, ekonomi negara akan berkembang dengan kemasukan pelancong asing dan pelabur dari luar negara juga akan berminat untuk melabur di Malaysia.

<b>Ayat Contoh</b>	Masyarakat Malaysia juga dapat berkongsi ilmu antara satu sama lain dalam membangunkan negara.
<b>Ayat Penegasan Isi</b>	Rentetan itu, perpaduan kaum yang mampu meningkatkan taraf ekonomi negara akan menjadikan Malaysia berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara lain.

## Praktis 2

Malaysia terdiri daripada penduduk yang berbilang kaum seperti Melayu, Cina, India dan pelbagai etnik minoriti di Sabah dan Sarawak iaitu Iban, Kadazan, Bidayuh serta Murut. Kepelbagaian tersebut berjaya mencorakkan sosiobudaya yang menarik dari segi bahasa, nilai, adat resam dan perayaan di negara kita. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa antara perayaan yang disambut meriah di negara kita ialah Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Natal dan Hari Gawai. Kebiasaannya, perayaan-perayaan tersebut bukan sahaja disambut oleh kaum tertentu sahaja malah turut diraikan oleh segenap masyarakat daripada golongan atasan hingga ke rakyat marhaen. Secara tidak langsung, sesuatu perayaan yang mewakili sesuatu kaum dapat menyatukan semua bangsa hingga melahirkan satu penyatuan yang dikenali sebagai solidariti. Penyatuan yang wujud dalam diri rakyat Malaysia mampu mengekang anasir-anasir perkauman dan menghalang peristiwa 13 Mei 1969 berulang kembali. Lantaran itu, rumah terbuka yang diadakan sama ada oleh orang perseorangan, syarikat mahupun pihak kerajaan telah menjadi agenda signifikan dalam kalendar setiap perayaan di negara kita. Hal ini demikian kerana rumah terbuka yang diadakan mempunyai kebaikan-kebaikan tersirat yang harus kita perincikan. Oleh itu, demi kemaslahatan semua pihak, saya akan mengupas kebaikan rumah terbuka secara konkrit, sistematik dan pragmatik.

Pada pemikiran saya yang dominan, kebaikan mengadakan majlis rumah terbuka dalam kalangan rakyat Malaysia ialah kita dapat mengeratkan silaturahim sesama insan. Umum mengetahui bahawa seseorang yang mengadakan rumah terbuka lazimnya akan menjemput ramai tetamu khususnya adik-beradik dan saudara-mara yang terdekat. Pada masa yang sama, jiran tetangga dan rakan-rakan yang berbilang kaum turut dijemput bagi memeriahkan suasana pada hari tersebut. Bertitik tolak dari manifestasi tersebut, hubungan dapat dieratkan sepanjang majlis berlangsung apabila tuan rumah dan tetamu saling berkomunikasi serta berkenalan dengan lebih dekat. Biar kita mengambil contoh, tuan rumah dapat menggunakan peluang tersebut untuk berjumpa dan berbual-bual dengan adik-beradik dan sanak saudara yang tinggal jauh dan sudah lama tidak berjumpa. Situasi tersebut amat bersesuaian dengan aforisme Melayu iaitu air dicincang takkan putus. Selain itu, kita juga dapat mengenali jiran tetangga dengan lebih rapat kerana kemungkinan terdapat jiran-jiran yang tinggal berhampiran namun masih tidak kita kenali akibat kesibukan menguruskan pelbagai aktiviti harian. Melalui rumah terbuka juga, hubungan kita dengan rakan-rakan terutama semasa alam persekolahan atau di universiti kembali terjalin mesra kerana berpeluang berkongsi cerita dan mengimbau peristiwa lama. Kesan yang tidak dapat disangkal lagi ialah sikap prasangka antara satu sama lain mampu dikikis semasa para tetamu bersama-sama menikmati juadah enak yang disediakan oleh tuan rumah. Sebaliknya, perasaan prejudis terhadap bangsa lain sentiasa wujud jika amalan-amalan kejiwaan seperti majlis rumah terbuka ini tidak dilestarikan. Justifikasinya bahawa faedah yang sangat nyata melalui majlis rumah terbuka ini ialah kita dapat mengeratkan

silaturahim dalam kalangan masyarakat pelbagai bangsa dan orang-orang yang kita sayangi.

Cetusan idea saya yang seterusnya pula, kebaikan yang dapat dilihat melalui penganjuran rumah terbuka ialah kita dapat mengenali budaya kaum lain di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang bervariasi dari segi bangsa, agama dan cara hidup. Seperti yang kita sedia maklum, setiap bangsa di Malaysia mempunyai beraneka identiti kebudayaan dan adat resam yang unik. Sejalan dengan itu apabila rumah terbuka diadakan pada setiap sesuatu perayaan, tuan rumah akan menjemput tetamu yang berbilang kaum menikmati juadah yang disediakan di samping merasa sendiri keseronokan menyambut sesuatu perayaan. Sebagai contoh yang relevan, semasa majlis rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri, tuan rumah yang berbangsa Melayu akan menyediakan makanan tradisi nenek moyang pada hari lebaran seperti rendang, ketupat, dodol, lemang dan kuah kacang untuk dinikmati oleh para tetamu yang datang dengan berbaju kurung dan berbaju Melayu. Pada masa yang sama, jika kita berpeluang ke rumah terbuka Deepavali pula, kita dapat melihat keindahan busana sari kaum wanita India dan pakaian tradisional kaum lelaki India iaitu doti sambil menikmati capati, kuah dal dan nasi beriani. Bukan itu sahaja, di rumah kaum Cina pula kita dapat mengenali dan merasai keenakan kuih bulan, limau mandarin serta menerima angpau sebagai tanda persahabatan juga kesyukuran. Impak majlis rumah terbuka secara tidak langsung ialah kita dapat menyemai semangat saling menghormati budaya dan adat resam masyarakat yang berbeza agama dan bangsa. Sudah tentu negara kita dapat mengekalkan keamanan kerana tidak ada kaum yang cuba mempersendakan adat dan budaya kaum yang lain. Sudah terang lagi bersuluh bahawa mengenali budaya kaum lain merupakan kepentingan rumah terbuka yang diadakan di negara kita kerana tak kenal maka tak cinta.

Idea pemikiran berkaitan perkara ini saya perluaskan dengan kata kunci dapat mengekalkan tradisi sesuatu kaum juga salah satu kebaikan mengadakan rumah terbuka dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Secara empirikalnya, semasa rumah terbuka berlangsung terutama rumah terbuka anjuran pihak kerajaan, kebudayaan sesuatu kaum akan ditonjolkan dengan sebaik mungkin. Elemen tradisi kaum akan diketengahkan dalam aspek makanan, pakaian, tarian dan hiasan rumah sesuatu perayaan. Tokoh sosiobudaya negara ada mengatakan bahawa generasi alaf moden yang semakin terhakis daripada budaya tradisi bangsa dapat merasai pengalaman adat resam nenek moyang mereka menyambut perayaan melalui majlis sambutan rumah terbuka yang dianjurkan oleh pihak kerajaan sejak tahun 2002. Sebagai contoh, rumah terbuka Tahun Baru Cina dapat mengembalikan keinginan anak-anak muda yang dipengaruhi modenisasi untuk memakai pakaian tradisi mereka iaitu ceongsam dan samfu kerana kini amat sedikit remaja Cina yang mengekalkan pakaian tersebut. Mereka juga dapat menikmati suasana sambutan Tahun Baru Cina yang sebenarnya dengan melihat keunikan tarian singa dan tarian naga di samping alat-alat muzik tradisional kaum Cina. Contoh yang lain pula, kita dapat melihat dekorasi rumah elemen tradisional kaum Melayu melalui gantungan replika ketupat dan menggantung kad-kad hari raya sebagai hiasan manakala bagi kaum India jika kita berkesempatan berkunjung ke rumah terbuka mereka, halaman rumah akan dihiasi dengan lampu-lampu yang menarik serta lukisan 'kolam' daripada beras berwarna-warni yang menghiasi sudut rumah. Kesannya, tradisi pakaian, makanan dan hiasan rumah akan dilihat oleh generasi muda dan akan dikekalkan oleh generasi akan datang ibarat tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. Ironi yang jelas, generasi muda akan hilang jati diri budaya

mereka jika amalan rumah terbuka tidak diteruskan dalam kalangan masyarakat alaf ini yang terlalu taasub dengan peranti teknologi. Deduksinya, mengekalkan tradisi sesuatu kaum merupakan kebaikan rumah terbuka yang tidak dapat disangkal lagi.

Tuntas kata penyimpul bicara, rumah terbuka ini merupakan manifestasi realiti kehidupan rakyat Malaysia. Kita dapat melihat betapa meriahnya majlis rumah terbuka yang dihadiri oleh pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan. Kehadiran mereka bukan semata-mata untuk menikmati juadah yang dihidangkan tetapi sebaliknya mengeratkan silaturahmi antara satu sama lain. Lantaran itu, marilah kita bersama-sama ibarat ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni menyokong amalan rumah terbuka ini.

Budaya rumah terbuka ini menunjukkan bahawa Malaysia sebenarnya sebuah negara yang unik. Keunikan inilah yang telah membawa nama negara di persada antarabangsa setanding dengan negara-negara maju yang lain, bak kata peribahasa duduk sama rendah berdiri sama tinggi. Konklusinya, rumah terbuka mendatangkan pelbagai kemaslahatan yang tidak dapat disangkal lagi kepada adiwangsa di Malaysia. Sejajar dengan itu, saya menyeru agar masyarakat Malaysia mengekalkan budaya rumah terbuka pada setiap kali musim perayaan yang disambut di negara ini.

### Praktis 3

Ibu bapa ialah insan pertama yang hadir dalam kehidupan anak-anak setelah dilahirkan ke dunia ini. Ibu, insan mulia yang telah melahirkan kita dan mengorbankan seluruh jiwa raganya untuk mengasuh, membesarkan, mendidik serta mencurahkan sepenuh kasih sayangnya kepada kita. Ayah pula telah mengorbankan seluruh tenaganya mencari nafkah untuk memenuhi segala keperluan dan kenegada keluarga. Sejak kecil, anak-anak telah ditatag sebagai minyak yang penuh oleh ibu bapa agar dapat menjalani kehidupan yang sempurna dan menjadi modal insan yang berjaya di dunia dan di akhirat. Umum mengetahui bahawa terlalu banyak jasa dan pengorbanan yang dilakukan oleh ibu bapa kepada anak-anak sepanjang hidupnya. Sehubungan dengan itu, anak-anak diingatkan agar menghargai segala jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh ibu bapa mereka. Minda pemikiran kita sering tertanya-tanya, apakah tanggungjawab yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk mengenang jasa dan pengorbanan ibu bapa? Oleh itu, terdapat pelbagai obligasi yang mewarnai fokus perbincangan dan akan dihuraikan secara terperinci demi kemaslahatan bersama.

Memetik wasitah nirmala yang seterusnya, tanggungjawab yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk mengenang jasa dan pengorbanan ibu bapa ialah anak-anak hendaklah mentaati perintah ibu bapa dalam menjalani kehidupan di alam fana ini. Secara empirikalnya, sebagai seorang anak yang soleh dan solehah, kita wajib berbuat baik kepada ibu bapa dengan cara mentaati segala perintah ibu bapa selagi tidak melanggar hukum syarak. Hal ini dapat dibuktikan dengan firman Allah dalam Surah al-Ahqaf, ayat 15 yang membawa maksud “Kami perintahkan kepada manusia supaya berbuat baik kepada dua orang ibu bapanya...”. Contoh yang boleh kita ambil ialah anak-anak wajib mematuhi perintah yang ditetapkan oleh ibu bapa mereka seperti tidak keluar pada waktu malam, tidak bergaul bebas antara lelaki dan perempuan serta menjauhkan diri daripada berkawan dengan rakan yang mempunyai masalah sosial. Selain itu, sebagai seorang anak kita juga dituntut untuk mentaati perintah ibu bapa dalam melaksanakan tugas yang ditetapkannya seperti membasuh pinggan, menyidai pakaian, menyapu sampah dan mengemas rumah. Kesannya, ibu bapa akan berasa senang hati kerana memiliki anak-anak yang sentiasa mendengar kata dan

mentaati perintahnya dalam setiap perkara. Ironinya, segelintir anak-anak tidak boleh menerima segala nasihat dan permantauan daripada ibu bapa dalam kehidupan mereka. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan ibu bapa berkecil hati dengan sikap anak-anak. Sesungguhnya, anak-anak perlulah memperbetul kesilapan mereka dan mentaati segala perintah ibu bapa selagi nyawa dikandung badan. Tegaslah bahawa mentaati perintah ibu bapa merupakan tanggungjawab yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk mengenang jasa dan pengorbanan mereka.

Dari gawang pemikiran saya yang lain pula, tanggungjawab yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk mengenang jasa dan pengorbanan ibu bapa ialah anak-anak hendaklah meluangkan masa bersama dengan ibu bapa kerana masa itu emas. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa sentiasa berada di sisi anak-anak walau dalam apa-apa jua keadaan pun sejak mereka dilahirkan sehingga mereka berumah tangga. Sehubungan dengan itu, anak-anak seharusnya bijak mengagihkan masa yang ada untuk melaksanakan segala obligasi sebagai seorang anak di muka bumi ini. Sebagai tamsilnya, anak-anak hendaklah sentiasa meluangkan masa menghubungi ibu bapa sekurang-kurangnya seminggu sekali apabila berada berjauhan walaupun sentiasa sibuk. Di samping itu, anak-anak yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh boleh meluangkan masa yang berharga membawa ibu bapa pergi melancong atau menunaikan ibadah umrah di Mekah. Implikasinya, sudah pasti ibu bapa berbangga kerana dianugerahkan cahaya mata yang mengenang jasa dan pengorbanan mereka selama ini. Namun, sejak kebelakangan ini, kita juga acap kali mendengar atau membaca berita tentang ibu bapa yang dibuang oleh darah daging mereka sendiri. Hal ini berlaku kerana kesibukan anak-anak mengejar kebendaan bagi memenuhi tuntutan diri dan keluarga sehingga ibu bapa sendiri diabaikan begitu sahaja. Sebagai anak-anak yang berfikiran waras, tidak terfikirakah mereka, sewaktu kecil dahulu ibu bapa sibuk membanting tulang siang dan malam mencari rezeki tetapi tidak pula membuang kita sesuka hati? Hal ini sesuai dengan tempelak bahasa, ibu bapa mampu menjaga sepuluh orang anak, tetapi sepuluh orang anak belum tentu mampu menjaga ibu bapanya. Tegaslah bahawa anak-anak hendaklah meluangkan masa bersama dengan ibu bapa merupakan tanggungjawab yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk mengenang jasa dan pengorbanan ibu bapa.

Menyingkap dari sudut perspektif yang berlainan pula, tanggungjawab yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk mengenang jasa dan pengorbanan ibu bapa ialah anak-anak hendaklah sentiasa menyayangi ibu bapa. Umum mengetahui bahawa sejak dalam rahim lagi anak-anak telah dijaga dan disayangi oleh ibu bapanya. Hal ini demikian kerana apabila anak-anak kian membesar maka menjadi tanggungjawab anak-anak membalas jasa dan pengorbanan ibu bapa dengan menyayangi mereka dalam apa-apa jua keadaan pun. Sebagai contohnya, sebagai seorang anak yang menyayangi orang tuanya sudah pasti kita akan menjaga segala tutur kata dan tingkah laku agar tidak menggores hati dan perasaan ibu bapa. Selain itu, sebagai bukti kasih sayang anak kepada ibu bapanya yang banyak berjasa, anak-anak sanggup mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit untuk merawat ibu bapa yang sakit seperti yang pernah dilakukan oleh ibu bapa kepada anak-anak sewaktu mereka kecil. Di samping itu juga, anak-anak penyayang akan membawa ibu bapa tinggal serumah dengannya dan tidak akan menghantar ibu bapanya ke rumah orang-orang tua. Impaknya, ibu bapa akan berasa dihargai dan disayangi oleh darah daging mereka sendiri. Ironinya, dalam era globalisasi dan modenisasi ini, ada juga segelintir anak-anak yang sanggup mengetepikan

kasih sayang kepada ibu bapa sehingga sanggup membunuh demi memenuhi kehendak naluri mereka. Sesungguhnya, anak-anak yang mengabaikan tanggungjawab dan kasih sayangnya kepada ibu bapa boleh diibaratkan seperti kacang lupakan kulit. Jelaslah bahawa anak-anak yang sentiasa menyayangi ibu bapa merupakan peranan yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk mengenang jasa dan pengorbanan ibu bapa mereka.

Akhirul kalam, jelaslah bahawa anak-anak memainkan peranan yang besar untuk membalas segala jasa dan pengorbanan ibu bapa mereka. Anak-anak tidak mampu membayar segala kasih sayang, jasa dan pengorbanan ibu bapa dengan wang ringgit yang tinggi menggunung. Renungkanlah betapa susah payahnya seorang ibu mengandung selama sembilan bulan sepuluh hari dan apabila lahirnya anak ke dunia, ibu mencurahkan kasih sayang dan perhatian sepenuhnya kepada anak-anak yang dicintai sehinggalah mereka boleh berdikari. Bayangkanlah betapa risaunya seorang ayah apabila tidak dapat menyediakan keperluan anak-anak sehingga sanggup menggunakan tulang empat keratnya melebihi kudratnya semata-mata untuk mencari rezeki kepada anak-anak yang disayangi. Schubungan dengan itu, sebagai anak yang soleh atau solehah, hargailah ibu bapa dalam kehidupan kita sebelum mereka menutup mata meninggalkan dunia yang penuh pancaroba ini. Ingatlah bahawa kerediaan Allah bergantung pada kerediaan ibu bapa. Dengan itu, anak-anak perlu melaksanakan tanggungjawab dengan penuh keikhlasan terhadap ibu bapanya agar kehidupan mereka sentiasa dirahmati Tuhan. Hal ini secara tidak langsung dapat mewujudkan sebuah keluarga sakinah yang harmoni dan cemerlang di dunia dan akhirat, bak kata mutiara Rumahku Syurgaku.

#### Aspek Tatabahasa

- (i) Seniman (Kata Nama)
  - Ayat: Kita haruslah menghargai para seniman di negara ini kerana banyak sumbangan yang diberikan dalam membangunkan industri seni negara.
- (ii) jelas (Kata Adjektif)
  - Ayat: Penglihatan atuk semakin jelas selepas selesai menjalani rawatan mata di hospital pakar mata tempoh hari.
- (iii) menghasilkan (Kata Kerja)
  - Ayat: Aini dan rakan-rakan sangat tekun melihat pekerja kilang batik menghasilkan kain batik.
- (iv) amat (Kata Tugas)
  - Ayat: Pakaian seragam pasukan sorak itu cantik amat.

### SOALAN SEBENAR SPM

#### Pendahuluan

Perbuatan vandalisme merupakan aktiviti yang tidak sihat – Sering dipaparkan di media sosial namun seolah-olah tidak menemukan jalan penyelesaiannya – Penularan virus tersebut sangat membimbangkan masyarakat kerana berlaku di kawasan awam dan institusi pendidikan – Apakah faktor-faktor berlakunya aktiviti tersebut?

#### Isi 1

Pelaku kurang didikan agama dan moral – Daripada didikan agama dan moral yang membolehkan masyarakat berfikir secara rasional – Membuat pertimbangan antara kaca dan permata – Sebagai contoh dalam mana-mana agama pun diajarkan untuk setiap orang melakukan perkara yang baik – Melambangkan seseorang itu memiliki tamadun dan jati diri yang kuat – Jelaslah bahawa didikan

agama dan moral sangat penting kepada diri masyarakat untuk mengelakkan mereka berbuat perkara negatif dan terlarang

#### Isi 2

Terpengaruh dengan perbuatan rakan-rakan – Hasil kajian mendapati golongan remaja mudah terpengaruh dengan perbuatan rakan-rakan sebaya – Mudah terikut-ikut sama ada perkara yang positif mahupun sebaliknya – Banyak masa yang dihabiskan bersama-sama rakan baik di sekolah mahupun selepas waktu persekolahan – Tiada kawalan daripada ibu bapa mahupun penjaga yang lebih dewasa – Bersahabat dengan penjual minyak wangi, kita akan menerima percikan wanginya, manakala bersahabat dengan tukang besi, percikan apinya akan mencarikkan baju kita

#### Isi 3

Sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan tidak prihatin akan perkara yang berlaku di sekeliling – Ada segelintir masyarakat yang tidak mengendahkan pelakuan negatif pesalah vandalisme. – Mereka takut ataupun tidak mahu ambil peduli kerana barangan yang dirosakkan itu ialah kemudahan awam – Sedangkan pelbagai kempen kesedaran telah disebarikan bagi membolehkan masyarakat melaporkan sebarang kelakuan sumbang itu kepada pihak berkuasa tempatan – Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing

#### Kesimpulan

Banyak lagi faktor yang menyebabkan aktiviti vandalisme tidak berkesudahan sehingga hari ini – Setiap daripada masyarakat menggalas amanah yang besar untuk memastikan kemudahan awam terjaga – Jangan menjadi seperti kera mendapat bunga yang tidak menghargai kemudahan yang ada di sekeliling kita – Vandalisme menunjukkan mentaliti masyarakat masih rendah dan memburukkan nama baik negara. – Setiap masyarakat perlu menggembleng tenaga bagi memastikan negara mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara maju di luar sana

### Tema 5

### PENDIDIKAN UNTUK SEMUA

#### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Apakah tujuan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) diperkenalkan?  
TVET merupakan pendekatan pembelajaran yang mempersiapkan diri seseorang pelajar dengan ilmu dan kemahiran yang sangat berkaitan dengan pekerjaan yang bakal diceburi. Ia bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang-bidang yang tertentu.
- 2 Apakah maksud Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)?  
TVET (*Technical and Vocational Education and Training*) merupakan singkatan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. TVET merupakan proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri.
- 3 Mengapakah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) diperluaskan dari semasa ke semasa?  
TVET menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara. Ia dapat dilihat daripada peningkatan bilangan institusi TVET yang ditubuhkan bermula dari Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) seiring dengan kepesatan

pembangunan ekonomi negara. Daya saing ekonomi negara dalam kalangan negara ASEAN bergantung kepada keupayaan tenaga kerja yang diterajui oleh belia negara, terutamanya dalam era digital.

### Kemahiran Membaca

**Tajuk:** Usaha-usaha untuk memupuk minat murid terhadap pendidikan STEM

#### Kata kunci/Istilah

Pendidikan STEM

#### Definisi

Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) bermaksud gabungan mata pelajaran bidang sains, matematik, kejuruteraan dan teknologi untuk mengajar kemahiran abad ke-21. Ini bagi menyediakan pelajar untuk pekerjaan masa hadapan dan membolehkan mereka bersaing dengan pelajar lain di seluruh dunia.

#### Isi Tersurat

- Guru perlu merancang aktiviti bersesuaian dengan peringkat umur murid.
- Guru boleh meminta pandangan daripada murid mengenai topik aktiviti atau eksperimen yang ingin dilakukan.
- Guru menggunakan teknik pengajaran simulasi, iaitu mempersembahkan terlebih dahulu aktiviti STEM dilaksanakan seterusnya meminta murid untuk melakukan aktiviti berkenaan dengan ibu bapa di rumah.
- Menganjurkan karnival STEM di semua peringkat.

#### Isi Tersirat

- Kerajaan perlu mempromosikan Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).
- Ibu bapa hendaklah memperkenalkan “dunia sains dan teknologi” kepada anak-anak.
- Di sekolah, Unit Bimbingan dan Kaunseling harus mengadakan ceramah untuk membetulkan tanggapan murid bahawa Sains merupakan mata pelajaran yang mudah dipelajari.

### Kemahiran Menulis

#### Praktis 1

##### Pendahuluan

Bahasa bukanlah sesuatu yang asing dalam kehidupan kita sebagai manusia. Setiap hari manusia menggunakan bahasa dalam kehidupan seharian. Bahasa Melayu merupakan bahasa yang kita gunakan di negara kita, Malaysia. Walaupun begitu, kini kerajaan negara kita menggalakkan warganya untuk menguasai bahasa asing atas beberapa asbab. Tidak dinafikan marcapada ini semua sekolah dan institusi di Malaysia melatih murid-muridnya untuk menguasai bahasa asing. Tindakan ini bukanlah dianggap seperti mencurahkan garam ke laut kerana tindakan ini amatlah penting kerana mendatangkan banyak faedah dan manfaat kepada mereka yang menguasai bahasa asing. Dalam mendepani era globalisasi ini, kemampuan menguasai dan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa merupakan suatu kelebihan kepada seseorang.

#### Isi-isi Penting

##### Ayat Topik – Isi 1

Antara keistimewaan mereka yang menguasai bahasa asing adalah memperoleh lebih banyak ilmu pengetahuan berbanding mereka yang langsung tidak menguasai bahasa asing.

<b>Mengapa (Ayat Huraian Topik)</b>	Hal ini kerana seseorang yang menguasai bahasa asing dapat membaca serta memahami buku-buku dan artikel dalam bahasa tersebut.
<b>Bagaimana (Ayat Contoh)</b>	Tamsilnya, individu yang telah menguasai bahasa Inggeris boleh membaca dan memahami bahan bacaan yang dikeluarkan dalam bahasa tersebut.
<b>Kesan (Ayat Menghuraikan Contoh)</b>	Bagi mereka yang telah menguasai bahasa Inggeris, mereka akan mudah untuk membuat rujukan dalam laman-laman sesawang kerana laman-laman sesawang banyak digunakan dalam Bahasa Inggeris.

<b>Ayat Topik – Isi 2</b>	Selain itu, seseorang yang menguasai bahasa asing akan mendapat ramai kenalan sama ada dari dalam mahupun luar negara.
---------------------------	--

<b>Mengapa (Ayat Huraian Topik)</b>	Hal ini disebabkan oleh orang yang menguasai bahasa asing mudah untuk berhubung dan berkomunikasi dengan dunia luar.
-------------------------------------	--

<b>Bagaimana (Ayat Contoh)</b>	Sebagai contoh, sekiranya seseorang itu mampu menguasai bahasa Mandarin, dia tidak akan berasa janggal apabila bertutur dengan orang Cina berbanding orang yang tidak belajar bahasa tersebut.
--------------------------------	--

<b>Kesan (Ayat Menghuraikan Contoh)</b>	Tambahan pula, sekiranya kita menguasai bahasa asing seperti bahasa Mandarin dan bahasa Tamil, kita dapat mengeratkan hubungan sesama kaum dan bangsa di negara kita, Malaysia sekali gus mewujudkan negara yang dapat bersatu dalam usaha memajukan negara di persada global.
---	--

<b>Ayat Topik – Isi 3</b>	Di samping itu, orang yang menguasai bahasa asing mudah untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading.
---------------------------	---

<b>Mengapa (Ayat Huraian Topik)</b>	Hal ini kerana, kontemporari ini banyak universiti menggunakan bahasa asing iaitu bahasa Inggeris sebagai bahasa pengajaran dan pengantarnya. Tambahan pula, penguasaan bahasa asing amatlah vital sekiranya seseorang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara.
-------------------------------------	--

<b>Bagaimana (Ayat Contoh)</b>	Sebagai contoh, seseorang yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke England, memerlukan penguasaan bahasa Inggeris yang mantap agar tidak mengalami sebarang kesukaran di sana.
--------------------------------	---

<b>Kesan (Ayat Menghuraikan Contoh)</b>	Natijahnya, orang yang menguasai bahasa asing akan mudah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.
---	--

Kesimpulan	
<b>Penegasan Tajuk</b>	Konklusinya, kuasailah bahasa asing untuk kemashlahatan diri dan masyarakat. Hal ini kerana seseorang akan menerima banyak manfaat sekiranya menguasai bahasa asing.
<b>Cadangan</b>	Justeru, penguasaan bahasa asing amatlah penting dalam hayat seseorang manusia bagi menjalani hidupnya sebagai insan yang hidup berbilang kaum dan bangsa di dunia ini. Janganlah kita menjadi seperti ayam dengan itik.
<b>Harapan</b>	Niat murni ini mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan masyarakat seantero dunia untuk bersaing dalam semua aspek di peringkat global.

## Praktis 2

Pada era globalisasi dan modenisasi ini, usaha memperkasakan program ibu bapa dan komuniti serta sarana sekolah sangat relevan kepada dunia pendidikan. Hari Terbuka dapat dikonotasikan sebagai hari pertemuan antara ibu bapa atau penjaga dengan guru-guru di sekolah. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Hari Terbuka sudah tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat kerana Hari Terbuka akan diadakan pada setiap tahun. Program Hari Terbuka ini sudah menjadi program tahunan yang terdapat dalam takwim setiap sekolah. Pada hari tersebut juga merupakan peluang keemasan kepada ibu bapa untuk mengetahui prestasi anak masing-masing. Selain prestasi akademik, prestasi kokurikulum dan sahsiah murid turut menjadi agenda penting perbincangan antara guru dan ibu bapa. Ibu bapa akan cuba sedaya upaya meluangkan masa untuk hadir ke program ini. Para ibu bapa akan membawa anak-anak bertemu dengan guru tingkatan bagi membincangkan apa-apa juga hal yang berkaitan persekolahan anak-anak mereka. Hari Terbuka akan diadakan di dalam kelas murid berkenaan. Ibu bapa boleh melawat dan melihat suasana tempat anak-anak mereka belajar ibarat sambil menyelam minum air. Selalunya pihak sekolah akan mengadakan Hari Terbuka pada hari cuti hujung minggu agar semua ibu bapa dapat meluangkan masa dan hadir ke program berkenaan. Pihak sekolah akan merancang pelbagai program yang berkaitan bagi menarik kehadiran ibu bapa. Minda pemikiran kita sering bertanya-tanya, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi menarik ibu bapa hadir ke program Hari Terbuka? Oleh itu, fokus perbincangan akan dihuraikan dengan lebih terperinci demi kebaikan bersama.

Pada pemikiran saya yang primer, langkah bagi menarik minat ibu bapa agar hadir ke program Hari Terbuka sekolah adalah dengan mengadakan hebahan secara besar-besaran. Hal ini kerana kebanyakan ibu bapa sering terlupe tentang program tersebut kerana sibuk mencari rezeki bagi memenuhi tuntutan kos sara hidup yang semakin tinggi. Hal ini terbukti apabila terdapat ibu bapa atau penjaga yang terpaksa melakukan lebih daripada dua jenis pekerjaan pada waktu siang dan waktu malam. Selain itu, terdapat juga anak-anak yang tidak menyampaikan surat jemputan kepada ibu bapa masing-masing. Sikap alpa anak-anak yang menganggap bahawa perkara ini tidak penting sebenarnya boleh menjejaskan masa depan mereka sendiri. Lantaran itu, hebahan perlulah diadakan di semua media sosial yang sesuai. Kita sedia maklum bahawa hampir 80 peratus ibu bapa pada zaman dunia tanpa sempadan ini pasti mempunyai akaun di laman sosial. Sebagai contoh, hebahan dalam kumpulan 'Whatsapp', 'Facebook' atau laman sesawang rasmi

sekolah. Peranti sosial yang dimiliki oleh ibu bapa harus digunakan secara optimum demi kebaikan bersama. Di samping itu, sepanduk atau kain rentang boleh digantung di lokasi yang sesuai untuk pemberitahuan kepada masyarakat sekitar. Hebahan di kawasan umum juga boleh dilakukan seperti di masjid, balai raya dan majlis-majlis keramaian. Implikasi daripada contoh tersebut, ibu bapa akan lebih peka tentang apa-apa program yang diadakan di sekolah anak-anak mereka. Ironinya, ketidakhadiran ibu bapa dalam program ini dapat diminimumkan. Oleh itu, mengadakan hebahan secara besar-besaran merupakan langkah bagi menarik minat ibu bapa agar hadir ke program Hari Terbuka sekolah.

Dari skop perbincangan yang berbeza pula, langkah bagi menarik minat ibu bapa agar hadir ke program Hari Terbuka sekolah ialah pihak sekolah perlulah memilih tempat yang sesuai bagi mengadakan program tersebut. Umum mengetahui bahawa kebanyakan ibu bapa merupakan warga emas. Mereka sering kali menghadapi masalah jika hendak ke kelas yang kedudukannya di tingkat tiga atau empat bangunan sekolah. Bertitik tolak dari itu, lokasi yang sesuai ialah di dewan atau di kelas tingkat bawah bangunan sekolah. Pihak sekolah juga boleh memikirkan lokasi-lokasi lain yang lebih selesa dan kondusif semasa program diadakan. Bilik darjah juga perlu diceriakan agar lebih sedap mata memandang. Urus setia sama ada dalam kalangan guru atau pengawas sekolah boleh menjadi penunjuk arah ke lokasi bilik darjah. Impak yang mewarnai contoh di atas ialah ibu bapa tentu akan rasa gembira apabila berkunjung ke sekolah bagi menjayakan Hari Terbuka kerana semua perkara telah diuruskan dengan sempurna oleh pihak sekolah. Sebaliknya, jika pihak sekolah menghadapi kekangan bagi isu ini, ibu bapa yang hadir perlulah dibantu dengan sebaik-baiknya apabila ingin ke lokasi berkenaan kerana hendak seribu daya tak hendak seribu dalih. Jelaslah bahawa memilih tempat yang sesuai ialah langkah bagi menarik minat ibu bapa hadir ke program Hari Terbuka.

Berdasarkan perspektif yang lain pula, langkah menarik minat ibu bapa agar hadir ke Hari Terbuka sekolah adalah dengan mempelbagaikan acara pada hari berkenaan. Secara empirikalnya, suasana pada hari berkenaan yang tidak menarik menyebabkan ibu bapa tidak berminat untuk hadir ke sekolah. Selain itu, ibu bapa sudah tentu ingin mengetahui lebih banyak perkara berkaitan hal persekolahan anak-anak mereka. Elemen yang boleh diimplimentasikan oleh pihak sekolah ialah pihak sekolah perlu mengadakan Hari Keusahawanan dan Pameran. Melalui aktiviti ini, murid-murid boleh membuka gerai jualan dan pelbagai permainan. Aktiviti ini boleh dijadikan acara keluarga iaitu semua keluarga boleh terlibat dalam setiap aktiviti pada hari tersebut. Pameran yang berkaitan dengan hasil kerja murid turut dipamerkan untuk tatapan ibu bapa. Setiap aktiviti boleh dikenakan bayaran yang berpatutan jika ibu bapa atau anak-anak ingin menyertainya. Secara tidak langsung pihak sekolah akan memperoleh pendapatan sampingan untuk tabung sekolah ibarat sambil menyelam minum air. Ibu bapa tentu akan berasa kagum dengan kesungguhan pihak sekolah menonjolkan bakat anak-anak mereka. Kesannya, bukan sahaja ibu bapa akan hadir pada Hari Terbuka malah semua ahli keluarga sama ada abang, kakak dan adik akan turut hadir bagi menjayakan program ini. Bulan kian terang, bayang kian jelas, inisiatif dan kreativiti pihak sekolah pasti mampu memeriahkan suasana program Hari Terbuka di sekolah masing-masing. Izharnya, mempelbagaikan acara pada Hari Terbuka ialah langkah untuk menarik minat ibu bapa hadir ke program tersebut.

Kesimpulannya, semua pihak yang berobligasi perlu memastikan ibu bapa dapat hadir pada Hari Terbuka sekolah.

Kepentingan Hari Terbuka memang tidak dapat disangkal lagi. Usaha yang murni ini perlu diteruskan. Oleh itu, semua pihak sama ada pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan pihak sekolah harus memainkan peranan yang padu lagi jitu bagi menarik ibu bapa hadir ke Hari Terbuka ibarat ke gunung sama didaki, ke lurah sama dituruni. Hal ini amat penting kerana segala permasalahan berkaitan dengan pelajar harus menjadi topik perbincangan yang utama. Isu dan permasalahan di sekolah yang kian rencam kini harus diselesaikan bersama-sama. Selain itu, pendapat atau cadangan pelajar juga perlu diambil kira. Cara berfikir golongan remaja pada masa sekarang kadang kala amat kritis dan kreatif. Pelajar ialah aset negara yang amat penting pada masa akan datang. Merekalah pemimpin yang akan mencorakkan hala tuju dan kemajuan negara kita, Malaysia kerana pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara. Tegastah bahawa Hari Terbuka merupakan usaha pihak sekolah ke arah meningkatkan prestasi anak-anak. Oleh itu, ibu bapa seharusnya memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi untuk memastikan anak-anak mereka berupaya memacu kecemerlangan dalam kehidupan mereka pada masa akan datang.

### Praktis 3 Pendahuluan

- masyarakat Penyayang merupakan cabaran ketujuh dalam Wawasan 2020
- kelompok masyarakat perlu saling menghormati, menolong dan berbuat jasa sebagai asas perpaduan masyarakat
- pemuafakatan masyarakat kian terhakis kerana bersifat individualistik yang menjadi punca berlakunya masalah sosial dan banyak dilaporkan oleh media massa

#### Isi 1

- pihak sekolah melancarkan program penyayang di sekolah
- sekolah tempat penerapan ilmu dan nilai murni sejak kecil, melentur buluh biarlah dari rebungnya
- melibatkan semua guru dan murid melalui program ceramah oleh konsultan bertauliah
- memakai lencana guru dan murid penyayang, aktiviti pertandingan menulis esei, fotografi
- menonjolkan imej sekolah yang baik kepada pengunjung

#### Isi 2

- peranan guru sebagai ibu bapa di sekolah
- murid menghabiskan masa di sekolah dengan belajar dan melaksanakan pelbagai aktiviti
- guru sentiasa menasihati dengan tutur kata yang lembut dan berhemah
- mendekati murid yang bermasalah dan mengambil berat tentang masalah murid
- murid berasa dihargai menyebabkan hubungan erat antara guru dan murid

#### Isi 3

- peranan guru mata pelajaran menerapkan budaya penyayang semasa proses pembelajaran
- ilmu merentas kurikulum melalui Pendidikan Sivik, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral
- budaya penyayang diterapkan supaya wujud sifat menyayangi harta benda awam
- menggalakkan murid berkelakuan positif sesama rakan dengan menyayangi rakan

- menggunakan bahasa yang baik ketika menegur tindakan murid semasa belajar

#### Isi 4

- pihak sekolah mengadakan lawatan ke rumah-rumah kebajikan
- memberikan kesedaran kepada murid dengan cara menyayangi insan lain yang serba kekurangan
- rumah anak-anak yatim, rumah orang-orang tua dan persatuan kanak-kanak spastik
- mengadakan aktiviti gotong-royong dengan cara membersihkan rumah kebajikan
- memberikan sumbangan kepada masyarakat

#### Kesimpulan

- kasih sayang ialah fitrah manusia yang menjamin kesejahteraan masyarakat
- semua pihak bekerjasama dalam menjayakan hasrat mewujudkan masyarakat penyayang
- generasi muda yang memiliki sifat kasih sayang membolehkan pembentukan negara yang terpuji

#### Aspek Tatabahasa

- FN + FN: Kempen Kesedaran Alam Sekitar yang dianjurkan oleh pihak sekolah.
- FN + FA: Murid-murid juga bersemangat tinggi.
- FN + FK: Guru-guru yang bertanggungjawab telah membimbing murid untuk turut serta secara aktif.
- FN+ FS: Usaha murni ini mampu membentuk sikap prihatin dalam kalangan murid terhadap alam sekitar.

## SOALAN SEBENAR SPM

### 1 memperoleh

Maksud:

- Mendapat, menerima (mencapai atau menemui) dengan ikhtiar atau usaha
- Ayat contoh: Kita telah memperoleh kemerdekaan tanpa menumpahkan darah setitik pun.

#### mengambil

Maksud:

- Memegang sesuatu lalu membawa atau mengangkatnya; memungut sesuatu yang ada di bawah
- Menggunakan sesuatu kepunyaan orang (dengan kebenaran ataupun tidak)
- Memerlukan atau memakan
- Mendapatkan sesuatu (seperti sukatan, bacaan) dengan menyukat atau dengan mengukur
- Menerima orang untuk bekerja dan sebagainya
- Ayat contoh: Adik telah mengambil wuduk sebelum melakukan ibadah solat sebentar tadi.

#### mendapatkan

Maksud:

- Pergi bertemu atau berjumpa dengan, pergi atau datang kepada (seseorang)
- Mendapat, memperoleh (menerusi usaha)
- Mengunjungi, menziarahi
- Mengunjungi (sebagai permulaan dalam surat), menjelag, menemui
- Ayat contoh: Amirah berlari-lari mendapatkan ibunya yang baru pulang dari pejabat.

### memilih

Maksud:

- Menunjukkan barang, orang dan lain-lain yang disukai
- Mencari atau memisah-misahkan mana yang baik
- Menentukan orang dan lain-lain dengan menyatakannya
- Ayat contoh: “Kalian hendaklah memilih calon yang benar-benar layak menjadi pengerusi persatuan,” kata Cikgu Asri.

### mempunyai

Maksud:

- Ada menaruh atau menyimpan sesuatu; ada yang dimilikinya atau memiliki
- Ayat contoh: Kata hikmat atau kata pujangga ialah kata-kata daripada orang bijak pandai yang mempunyai pengertian yang tinggi.

## 2 (i) Maksud *bukanlah noktah*

- Tidak/tiada berakhir/tidaklah terhenti/titik terakhir/pengakhiran/penamat
- Bukan titik/bukan pengakhiran/penamat/ terhenti/berakhir
- Tidak/tiada noktah

## (ii) Kesan terhadap ibu bapa apabila anak-anak memperoleh keputusan peperiksaan yang kurang memberangsangkan

- Berasa bersalah
- Berasa kecewa
- Tidak dapat menerima hakikat
- Amat sukar menerima kegagalan

## (iii) Peranan-peranan kaunselor untuk membantu murid yang mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang melanjutkan pelajaran mereka

- Membantu murid membuat pilihan kursus yang sesuai dengan mereka
- Menerangkan kelebihan pusat pengajian tinggi
- Mendapatkan maklumat daripada IPTA/IPTS/brosur terkini
- Mengadakan sesi motivasi/penerangan/taklimat tentang IPTA/IPTS
- Mempertingkatkan kesediaan mental/emosi/psikologi murid

## (iv) Tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh rakan anda untuk mengurangkan stres

- Meminta nasihat daripada guru/pihak lain
- Menghadiri/menyertai majlis ilmu/agama/kem bina semangat
- Mengisi masa senggang dengan perkara bermanfaat
- Meminta nasihat daripada ibu bapa/sahabat/rakan lain
- Membentuk kumpulan belajar/kelas tambahan

## Tema 6

## SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Pembentangan murid

### Kemahiran Membaca

Teknologi dalam bidang perubatan telah berkembang pesat serta memberikan sinar dan harapan kepada jutaan pesakit yang menderita. Teknologi-teknologi baharu dan terkini dalam bidang perubatan seperti rawatan ortopedik yang merawat pesakit tulang

dan optometris. Dalam konteks bidang perubatan, teknologi mampu memberi rawatan yang lebih efektif dan cekap kepada para pesakit. Pesakit-pesakit yang serius dapat diubati dengan perkembangan teknologi. Kini terdapat pelbagai kemudahan teknologi yang dapat membantu para doktor dalam memberi rawatan kepada pesakit serta pesakit juga dapat membuat pilihan mengenai rawatan yang akan mereka jalani. Perkembangan yang pesat dalam teknologi perubatan juga memberi peluang yang baik dalam menjana ekonomi negara. Dunia perubatan banyak mengalami revolusi dengan penciptaan teknologi baharu yang serba canggih. Inovasi dan revolusi yang tercetus dalam bidang perubatan yang lahir daripada integrasi teknologi moden ini diharapkan dapat memberi manfaat dan kesejahteraan kepada semua pihak. Kesihatan dan perubatan adalah bidang yang penting dalam dunia sains perubatan. Walaupun pada zaman sekarang kita mempunyai teknologi perubatan yang canggih dan terkini, masyarakat khususnya disarankan agar menjaga kesihatan diri dari pelbagai aspek kesihatan untuk terus kekal sihat.

### Kemahiran Menulis

1 Maksud ekspresi wajah ialah riak muka/air muka seseorang yang menunjukkan perasaan hatinya/menyatakan atau meluahkan perasaan, fikiran dan lain-lain seseorang pada mukanya/pelahiran maksud atau perasaan pada muka seseorang.

2 Keunikan komik adalah seperti memiliki warna, struktur badan dan ekspresi wajah berbanding dengan teks bertulis semata-mata, medium yang efektif untuk penyampaian ilmu sains dan membolehkan sesebuah fakta disampaikan melalui analogi gambar beserta catatan penerangan.

3 Keburukan membaca komik adalah:

- boleh menyebabkan murid sekolah terlalu asyik membaca komik sehingga mengabaikan buku-buku pelajaran
- merupakan bahan bacaan ringan yang boleh merosakkan pemikiran pembaca dengan cerita-cerita khayalan dan kadangkala tidak mempunyai nilai murni
- hiburan semata-mata

4 Cara untuk menjadikan komik sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah, bahan bacaan ilmiah serta mengubah persepsi masyarakat bahawa komik bukanlah sebuah bacaan pisan adalah:

- menjadikan komik sebagai bahan bacaan efektif dalam menyampaikan ilmu dan juga maklumat kepada pembaca
- masyarakat Malaysia haruslah mengubah pandangan tentang komik sebagai bahan hiburan semata-mata
- memartabatkan industri komik tempatan dan menjadikan komik sebagai satu media yang boleh diterima umum

### Aspek Tatabahasa

(i) Proses peluasan – Laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia didapati bahawa kebanyakan siswazah kini terpaksa merebut peluang pekerjaan yang disediakan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan diploma kerana kekurangan peluang pekerjaan.

(ii) Proses pengguguran – Dalam konteks ini, keadaan sebeginilah yang menyebabkan golongan lepasan SPM dan diploma ini terpaksa bersaing dengan graduan ijazah untuk mendapatkan pekerjaan.

(iii) Proses penyusunan semula – Seramai 778 200 orang penduduk Malaysia telah kehilangan pekerjaan atau masih menganggur berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

**Kemahiran Mendengar dan Bertutur**

Perbincangan dan lakonan murid

**Kemahiran Membaca**

Bacaan dan perbincangan

**Kemahiran Menulis**

Rumusan membincangkan usaha-usaha untuk menarik golongan muda menceburi bidang pertanian moden dan kepentingan bidang pertanian kepada negara.

Usaha-usaha yang boleh dilakukan ialah kursus atau bengkel kemahiran pertanian perlu dilaksanakan dengan lebih aktif. Selain itu, agensi kerajaan memainkan peranan dengan memudahkan urusan pembukaan ladang pertanian dan pemberian insentif kepada petani-petani muda. Seterusnya, pihak kerajaan memperkenalkan program pertanian moden bersasar di bandar dengan meluas.

Antara kepentingan sektor pertanian kepada negara adalah dapat meningkatkan peluang pekerjaan. Selain itu, bekalan bahan mentah penting kepada sektor ekonomi sekunder dalam pemrosesan makanan dan sektor pertanian penting dalam membekalkan bahan makanan kepada rakyat. Akhir sekali, sektor pertanian dapat memelihara ekologi alam sekitar.

Kesimpulannya, sektor pertanian perlu dimajukan agar negara terus maju di persada antarabangsa.

**Aspek Tatabahasa**

- 1 • Pencairan ais di Kutub Utara semakin membimbangkan penduduk dunia.
- Pencairan ais di Kutub Selatan semakin membimbangkan penduduk dunia.
- 2 • Fenomena pemerangkapan gas yang dikenali sebagai gas rumah hijau yang membabitkan kumpulan gas yang menghalang haba bumi daripada terbebas keluar ke angkasa.
- Fenomena pemerangkapan gas yang dikenali sebagai gas rumah hijau yang membabitkan kumpulan gas yang memerangkap haba bumi daripada terbebas keluar ke angkasa.
- 3 • Kumpulan gas tersebut membenarkan bahang matahari menembusinya.
- Kumpulan gas tersebut menghalang pembebasan semula bahang bumi ke atmosfera.

**SOALAN SEBENAR SPM**

- (i) Perbuatan/kebiasaan turun-temurun
- (ii) Kebaikan-kebaikan dron dalam pertanian:

**Bahan 1**

- Membantu petani untuk membuat pemetaan keadaan ladang dalam bentuk tiga dimensi (3D).
- Mampu mengurangkan risiko petani terdedah kepada racun perosak dan baja berbahaya melalui kaedah penyemburan racun.

**Bahan 2**

- Dapat mengurangkan tenaga kerja manusia.
  - Boleh menarik minat generasi muda untuk menceburi bidang pertanian.
- (iii) Punca-punca golongan muda tidak meminati bidang pertanian:
    - Generasi muda lebih memilih sektor industri

- Memerlukan masa yang lama untuk mendapatkan hasil
  - Tidak berani untuk mengambil risiko
  - Pandangan negatif daripada masyarakat yang menganggap bidang pertanian tidak penting
  - Memerlukan modal yang tinggi
  - Tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup
- (iv) Jika saya Hanafi, tindakan yang perlu saya ambil untuk mengatasi masalah memasarkan hasil pertanian:
    - Memuat naik iklan yang menarik di media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Tiktok
    - Mengikuti kelas pemasaran yang membantu ramai usahawan di luar sana
    - Mendapatkan kerjasama daripada Pertubuhan Peladang Kebangsaan
    - Menembusi pasaran pasar raya terkenal yang menjadi tumpuan orang ramai
    - Membuat inovasi dari aspek pembungkusan dan kepelbagaigunaan produk yang dihasilkan

**Kemahiran Mendengar dan Bertutur**

Lakonan murid

**Kemahiran Membaca**

Persembahan murid

**Kemahiran Menulis****Praktis 1**

Malaysia mempunyai begitu banyak tarikan percutian menarik yang boleh diterokai. Sesetengah destinasi pelancongan ini juga bertaraf dunia dan sering menjadi lokasi percutian pelancong asing. Mengapa perlu menghabiskan wang dan masa ke luar negara sedangkan banyak tempat di Malaysia yang masih belum lagi dilawati? Setiap negeri di Malaysia ini mempunyai keunikannya yang tersendiri sama ada dari segi budaya, tradisi, destinasi percutian dan kehidupan masyarakat setempat. Kuching, Sarawak atau lebih dikenali sebagai 'Bumi Kenyalang' menawarkan pelbagai lokasi menarik dan bersejarah untuk diterokai. Kudasang merupakan pekan kecil yang terletak berhampiran Gunung Kinabalu di Sabah. Pemandangan senja di Pantai Teluk Cempedak yang terletak di Kuantan, Pahang sungguh mempesonakan.

Semenangnya, negara kita ini sebenarnya begitu kaya dengan khazanah destinasi percutian yang istimewa termasuk keseronokan penginapan desa yang menjanjikan pengalaman kehidupan di desa seperti menanam atau menuai padi. Negara kita juga begitu kaya dengan pemandangan alam semula jadi, termasuklah banyak pulau dan kawasan perhutanan yang indah. Itu tidak termasuk lagi destinasi membeli-belah seperti kawasan bebas cukai, lokasi sejarah mahupun percutian bersandarkan aktiviti ekstrem serta pelbagai jenis makanan tempatan yang pastinya menjanjikan keseronokan berganda.

Sebenarnya, banyak manfaat apabila kita bercuti dalam negara sendiri. Bukan sahaja lebih menjimatkan, tetapi dapat membantu pengusaha pelancongan tempatan serta merencanakan lagi program Tahun Melawat Malaysia (VM2020). Keistimewaan sesuatu kaum dan etnik di negara ini juga merupakan salah satu daya tarikan pelancong ke Malaysia. Inilah antara harta kita yang sangat berharga dan dikagumi oleh masyarakat antarabangsa kerana keunikan

budaya masyarakat majmuk negara. Penghasilan produk kraf tangan turut menjadi tumpuan pelancong luar. Pelbagai masalah melancong dalam negara telah dikenal pasti. Salah satu daripadanya ialah semangat patriotisme dapat ditanam dalam sanubari setiap individu. Melancong dalam negara juga dapat merapatkan hubungan kekeluargaan antara anggota keluarga terutamanya mereka yang jauh di mata tetapi dekat di hati.

Dalam hal ini, industri pelancongan juga perlu menawarkan promosi hebat yang mampu memikat pelancong domestik dan bukan hanya tertumpu kepada pasaran luar sahaja. Bagi menggalakkan masyarakat tempatan melancong dalam negara, beberapa inisiatif telah diperkenalkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi 2020. Antaranya, pengguna bakal memperoleh pelepasan cukai individu sehingga RM1,000 untuk perbelanjaan pelancongan domestik, rakyat Malaysia diberi baucar digital bagi pelancongan domestik sehingga RM100 seorang untuk penerbangan domestik, kereta api dan penginapan di hotel berlesen. Di samping itu, kerajaan juga akan menyediakan geran padanan untuk mempromosi pelancongan. Peruntukan sebanyak RM500 juta disediakan untuk langkah ini selain melonggarkan arahan untuk menghehaskan penggunaan hotel oleh agensi kerajaan.

## Praktis 2

### Pendahuluan

- sektor pelancongan di negara kita berkembang maju dan menjadi sumber pendapatan negara yang penting
- kerajaan telah menggerakkan semua agensinya untuk memastikan sektor pelancongan berkembang pesat sejajar dengan pembangunan negara yang pantas
- insiden yang menimpa negara baru-baru ini sedikit sebanyak boleh menjejaskan industri pelancongan negara
- langkah-langkah yang pragmatik dapat dipraktikkan untuk memajukan sektor pelancongan negara

### Isi 1

- pihak kerajaan memperkenalkan produk pelancongan baharu yang dapat menarik minat pelancong
- program inap desa, konsep pelancongan kesihatan, pelancongan pendidikan, agropelancongan, ekopelancongan dan seumpamanya hendaklah dikembangkan
- memperkenalkan pelancongan semasa musim buah-buahan seperti musim durian, manggis, langsung, dan sebagainya
- memperkenalkan keunikan negara ini dengan mengetengahkan budaya hidup dan kesenian masyarakat tempatan
- pelancong wajar dibawa untuk tinggal bersama-sama masyarakat luar bandar dan mendalami cara hidup mereka

### Isi 2

- kerajaan wajar menganjurkan karnival pelancongan di seluruh pelosok dunia
- karnival pelancongan ialah kaedah yang berkesan untuk memperkenalkan negara kita sebagai destinasi pelancongan
- memperkenalkan tempat-tempat menarik, makanan yang pelbagai, dan juga kebudayaan masyarakat pelbagai kaum
- karnival ini juga wajar menyediakan pakej-pakej pelancongan yang kompetitif kepada masyarakat antarabangsa
- karnival seperti ini hendaklah diadakan di seluruh dunia

### Isi 3

- mengadakan kempen Tahun Melawat Malaysia dengan lebih berkesan dan melibatkan lebih banyak penyertaan

- kempen ini dapat menggalakkan pelancong datang ke negara kita dengan lebih besar bilangannya
- kempen ini menyediakan pelbagai acara untuk menarik minat pelancong datang ke negara ini misalnya, acara kebudayaan pelbagai kaum dipersembahkan untuk para pelancong
- selain badan-badan kerajaan, pihak swasta juga memikul tanggungjawab untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang kompetitif, bak kata pepatah berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- hotel-hotel, syarikat penerbangan, dan syarikat pengangkutan awam mestilah melibatkan diri untuk menjayakan kempen ini

### Isi 4

- menyediakan maklumat lengkap tentang sesuatu destinasi menarik yang terdapat di negara ini
- peranan kerajaan melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)
- hal ini dapat dilakukan sama ada menerusi media cetak seperti risalah, buku, poster, majalah, dan akhbar atau media elektronik seperti radio dan televisyen
- mewujudkan halaman pelancongan dalam Internet juga merupakan cara terbaik untuk memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah negara yang wajar dikunjungi oleh pelancong
- media sosial juga memainkan peranannya yang tersendiri sebagai platform informasi pelancongan

### Kesimpulan

- pelbagai langkah yang dapat dirancang dan dilaksanakan untuk meningkatkan sektor pelancongan di negara kita
- semua pihak haruslah memainkan peranan dan bekerjasama bagai 'air dengan tebing' dalam merealisasikan modus operandi untuk memajukan pelancongan di negara kita
- biarlah industri pelancongan negara kita terus meniti dari bibir ke bibir umat manusia di seantero dunia demi menjana pendapatan yang lebih lumayan untuk kemaslahatan bersama-sama

### Aspek Tatabahasa

- 1 Buku komik akan dipilih oleh kanak-kanak ini.
- 2 Ceritanya dan maksudnya dapat diikuti dan difahami oleh kanak-kanak.
- 3 Gambar boleh dirujuk oleh mereka bagi membantu memahaminya.

## SOALAN SEBENAR SPM

### 1 Pendahuluan

- Ibu bapa merupakan tonggak utama dalam kehidupan setiap individu di muka bumi ini
- Mereka berkorban pelbagai aspek, termasuk masa, tenaga, dan kasih sayang, demi memastikan kesejahteraan anak-anak
- Namun, pada era yang serba moden ini terdapat segelintir anak-anak yang bertindak derhaka terhadap ibu bapa mereka
- Hal ini dapat dilihat pada dada-dada akhbar tindakan biadab, pengabaian tanggungjawab terhadap ibu bapa serta pembunuhan sangat ketara sehingga mengundang jenayah yang dilakukan oleh anak-anak
- Oleh itu, menghargai jasa mereka adalah suatu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh insan yang bergelar anak
- Persoalannya, apakah cara-cara yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk menghargai jasa ibu bapa?

### Isi 1

- Salah satu cara yang paling mudah dan berkesan untuk menghargai ibu bapa adalah dengan menghubungi atau menziarahi mereka secara berkala
- Dalam dunia yang semakin sibuk ini, ramai anak-anak yang tinggal jauh daripada ibu bapa mereka akibat tuntutan kerja atau pendidikan
- Jadi, tidak salah sekiranya anak-anak mengambil inisiatif untuk menghubungi mereka bertanya khabar melalui telefon atau menggunakan aplikasi panggilan video bagi melepaskan rasa rindu terhadap ibu bapa
- Bukan itu sahaja, pada hujung minggu atau cuti, kita perlu menziarahi mereka dengan membawa makanan kegemaran mereka
- Usaha ini dapat menyentuh perasaan mereka dan rasa dihargai serta disayangi oleh anak-anak
- Saat-saat seperti ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan tetapi juga memberi ibu bapa peluang untuk merasakan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi daripada anak-anak mereka

### Isi 2

- Selain itu, jika ada kemampuan, anak-anak boleh membawa ibu bapa pergi melancong sama ada di dalam ataupun di luar negara.
- Setelah bertahun-tahun berkorban untuk membesarkan kita, anak-anak perlu memberi mereka peluang untuk menikmati pengalaman baharu dan melawat tempat-tempat menarik merupakan satu bentuk penghargaan yang sangat bermakna
- Kita boleh merancang perjalanan ke destinasi yang mereka idamkan, sama ada di dalam negara atau ke luar negara
- Semasa melancong bersama ibu bapa, kita dapat mencipta kenangan indah yang akan dikenang selamanya. Perjalanan ini bukan sahaja memberi mereka kesempatan untuk berehat daripada rutin harian, tetapi memberikan mereka peluang untuk merasai kebahagiaan bersama anak-anak
- Sudah tentu, ibu bapa akan berasa tenang fikiran dan mencipta kenangan bersama anak-anak dalam mengukuhkan ikatan kekeluargaan
- Anak-anak yang berpeluang membawa mereka melancong sudah pasti melakar kenangan dan menggembirakan ibu bapa

### Isi 3

- Cetusan minda yang seterusnya, anak-anak hendaklah meraikan hari-hari istimewa ibu bapa
- Kebanyakan anak-anak pada masa ini tidak mengingati tarikh-tarikh penting seperti hari lahir dan ulang tahun perkahwinan ibu bapa oleh sebab kesibukan dalam dunia pekerjaan
- Oleh itu, kita boleh merancang sambutan yang sederhana tetapi bermakna, di mana seluruh keluarga dapat berkumpul dan menunjukkan kasih sayang kepada ibu bapa
- Sebagai contoh, anak-anak boleh membuat kejutan dengan mengadakan majlis kecil, doa selamat dan memberikan hadiah istimewa sebagai tanda penghargaan kepada ibu bapa
- Hal ini menunjukkan bahawa kita menghargai setiap usaha dan kasih sayang yang telah mereka berikan sepanjang hayat kita
- Tidak ada yang lebih berharga bagi ibu bapa daripada mengetahui bahawa anak-anak mereka mengingati dan menghargai semua pengorbanan yang telah dilakukan

### Kesimpulan

- Kita sebagai anak perlu sedar bahawa menghargai jasa ibu bapa ialah satu tanggungjawab yang tidak boleh diabaikan
- Ibu bapa merupakan anugerah terpenting dalam hidup kita, dan menghargai mereka bukan sahaja memberi mereka kebahagiaan, tetapi juga mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan
- Sebagai anak, adalah penting untuk sentiasa mengingat jasa dan pengorbanan mereka, serta berusaha untuk memberikan yang terbaik sebagai balasan
- Dengan cara ini, kita dapat memastikan bahawa kasih sayang dan penghargaan kepada ibu bapa sentiasa terjalin dan berterusan sepanjang hayat

## 2 Pendahuluan

Peribahasa hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri sangat sinonim dengan keunikan yang dimiliki oleh negara kita. Selain mempunyai kepelbagaian budaya dan etnik, keunikan khazanah alam dan sektor pelancongan dilihat menjadi daya tarikan kepada pihak luar untuk datang ke negara bertuah ini. Menurut laporan carian platform percutian digital global, Agoda, negara kita muncul sebagai destinasi ketiga yang mempunyai carian tertinggi pelancong di Asia bersempena dengan sambutan Tahun Baharu Cina baru-baru ini selepas Jepun dan Thailand. Khabar gembira ini pastinya memberikan 1001 kebaikan kepada tanah air sementelah dunia bergelut dengan virus Covid-19 yang menyekat pergerakan pelancong sekali gus merencatkan perkembangan sektor berkenaan. Oleh yang demikian, apakah manfaat-manfaat sektor pelancongan ini kepada negara?

### Isi 1

Sudah terang lagi mahu bersuluh, pastinya aktiviti pelancongan dapat meningkatkan peluang pekerjaan yang sekali gus mengurangkan peratusan pengangguran dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana sesebuah kawasan yang menjadi tumpuan pelancong pastinya memerlukan tenaga kerja untuk melancarkan pengoperasian sektor berkenaan. Baik di kawasan bandar mahupun kawasan pedalaman, pusat peranginan akan menawarkan pelbagai pekerjaan yang bersesuaian. Sebagai contoh, hotel-hotel, chalet-chalet dan rumah inap memerlukan pekerja dalam bidang perkhidmatan bilik dan perkhidmatan penyediaan makanan. Oleh yang demikian, penduduk setempat tidak lagi mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan kerana situasi ini bersesuaian dengan peribahasa Melayu, di mana ada gula di situ ada semutnya. Jelaslah bahawa sektor pelancongan dapat membuka peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini.

### Isi 2

Berbicara tentang skop yang sama, sektor pelancongan juga dilihat memberikan kebaikan kepada sesebuah tempat itu kerana menjadi pemangkin pembangunan yang pesat. Hal ini berpunca daripada aktiviti pelancongan yang menarik kehadiran banyak pengunjung akan menyebabkan pelbagai kemudahan awam ditambah baik dan dinaik taraf oleh pihak berkuasa tempatan. Pihak berkepentingan tersebut akan sentiasa cakna untuk membaik pulih kemudahan awam seperti tandas, jalan raya dan pusat perniagaan bagi memastikan persepsi orang luar sentiasa berada pada tahap yang baik. Mereka pastinya tidak mahu setiap

pengunjung yang datang ke kawasan mereka menjadi seperti rumah sudah siap, pahat masih berbunyi dengan memberikan pandangan yang negatif kepada orang luar berkaitan keselesaan di sesuatu kawasan pelancongan itu. Oleh yang demikian, bagi mengelakkan daripada hal ini terjadi, setiap pihak yang bertanggungjawab baik dalam kalangan pengusaha pelancongan mahupun pihak berkuasa tempatan akan sentiasa memastikan keselesaan di sesuatu kawasan tersebut dijaga dengan baik.

### Isi 3

Jika ditelusuri secara mendalam, aktiviti pelancongan juga mampu menambahkan pendapatan negara kepada satu tahap yang lebih mapan. Hal ini dikatakan demikian kerana kedatangan pelancong ke negara kita pastinya akan memberikan satu pulangan yang besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) termasuklah dalam subsektor yang lain seperti peruncitan, pengangkutan serta makanan dan minuman. Perkara ini boleh diambil contoh daripada kegemilangan sektor tersebut pada tahun 2019 apabila lebih RM86 bilion disumbangkan kepada KDNK menerusi kedatangan kira-kira 26.1 juta orang pelawat antarabangsa ke negara ini. Kesan daripadanya akan menyebabkan kemelut ekonomi yang dihadapi oleh negara menemui jalan keluar yang sekali gus turut memberikan manfaat kepada rakyat. Walau bagaimanapun, pada masa ini kerajaan terus berusaha untuk memulihkannya sementelah situasi pandemik menghantui seluruh negara dengan membuka kembali sempadan negara dan menerima pengunjung dari luar negara. Diharapkan obligasi daripada pihak kerajaan itu terus memberikan sinar baharu dan impak positif terhadap ekonomi negara.

### Kesimpulan

Secara tuntasnya, sektor pelancongan memang memberikan banyak manfaat kepada negara malahan dilihat sebagai salah satu aset terpenting kepada negara yang perlu dipelihara oleh kebanyakan pihak untuk kebaikan bersama. Justeru itu, semua pihak diharapkan dapat mengamalkan peribahasa Melayu, ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni bagi memastikan visi kudsi kerajaan untuk mengekalkan kegemilangan sektor pelancongan ini dapat direalisasikan. Hal ini dikatakan demikian kerana kita semua memegang mandat yang besar untuk mengekalkan khazanah alam yang dianugerahkan oleh Maha Pencipta kepada negara kita. Kita seharusnya berganding bahu untuk menyokong sektor pelancongan supaya kekal gah di persada dunia sekali gus menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang wajib dilawati oleh seluruh rakyat baik dari dalam mahupun luar negara.

## Tema 9

## EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Penggunaan teknologi digital penting untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kos operasi, meningkatkan kepuasan pelanggan, rakan kongsi dan pekerja.
- Penggunaan teknologi digital juga dapat mengembangkan capaian ke negara lain dengan wujudnya teknologi canggih seperti Internet dan e-dagang.
- Urusan jual beli dapat dijalankan dengan lebih mudah dan cepat di samping menjimatkan kos.

- Membantu syarikat/peniaga untuk meluaskan pasaran ke seluruh pelusuk dunia dengan menjadikan ekonomi di dunia ini menjadi satu sistem yang bersifat saling bergantung antara satu sama lain.
- Para peniaga/usahawan boleh membuat promosi dengan mengiklankan produk mereka melalui kemudahan Internet, SMS, e-mel dan pelbagai medium lain menyebarkan maklumat dengan lebih pantas, efisien dan tepat.
- Dapat menjimatkan kos pengiklanan. Usahawan kini boleh mengiklankan produk perniagaan mereka di laman sosial seperti Facebook dan Twitter dengan pantas dan berkesan tanpa perlu mengeluarkan kos yang besar. Laman sosial tersebut boleh dikemas kini pada setiap masa jika terdapat maklumat baharu mengenai perniagaan yang ingin disampaikan kepada pelanggan khususnya.
- Usahawan/peniaga juga akan mudah untuk mengetahui maklumat pesaing-pesaing yang ada dengan begitu mudah sekali.

### Kemahiran Membaca Pendahuluan

- penubuhan koperasi sekolah di negara ini bermula sejak tahun 1953
- setiap sekolah dilengkapkan dengan kemudahan koperasi
- menjalankan urusan perniagaan barangan dan perkhidmatan di sekolah, ditadbir oleh ahli lembaga pengarah yang dilantik dalam mesyuarat
- menjadi keperluan di sekolah kerana mendatangkan banyak faedah kepada murid

### Isi 1

- murid memperoleh ilmu pengetahuan dalam bidang perniagaan
- mengetahui asas selok-belok perniagaan
- membantu melayan pelanggan
- dapat belajar cara berinteraksi dengan pelanggan
- belajar menguruskan akaun, pengiraan stok, penguasaan Matematik bertambah cekap
- belakang parang diasah lagi tajam
- memupuk minat untuk menjadi usahawan berjaya

### Isi 2

- murid dapat membeli barangan dengan harga murah
- koperasi sekolah bukan sekadar untuk mengaut keuntungan
- membeli barangan dan alatan, pen, pensel, kertas kajang, keperluan lengkap
- membantu murid kurang berkemampuan, harga yang berpatutan dapat menjimatkan perbelanjaan
- ingat sebelum kena, jimat sebelum habis

### Isi 3

- murid mudah memperoleh barangan dan perkhidmatan
- tidak lagi hanya menjual alat tulis semata-mata sebaliknya mewujudkan pelbagai aktiviti perniagaan lain
- murid tidak perlu menunggu waktu persekolahan tamat
- murid dapat menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru
- keperluan seperti baju sukan, set jangka lukis, buku latihan dan perkhidmatan fotokopi

### Kesimpulan

- koperasi sekolah di seluruh negara kini dalam proses menjalani transformasi besar-besaran

- bukan sekadar tempat berjual beli tetapi banyak faedah kepada murid
- semua pihak bertanggungjawab memperkasa koperasi sekolah

## Kemahiran Menulis

### Praktis 1

#### • Cepat dan mudah

1 Pengguna tidak perlu ke pusat membeli-belah untuk membeli barangan. Pembelian boleh dibuat tanpa batasan masa dan tempat sama ada di rumah, pejabat atau ketika sedang bercuti bersama-sama keluarga tercinta. Situasi ini lebih selesa dan menjimatkan masa.

#### • Pelbagai jenis pilihan barangan

2 Pengguna dapat melihat pelbagai jenis barangan yang ditawarkan oleh pembekal atau penjual di laman web masing-masing. Perkara ini memudahkan pengguna membuat perbandingan harga dan memilih yang terbaik.

#### • Pembayaran yang selamat

3 Pengguna tidak perlu mengeluarkan wang tunai di kaunter bank atau mesin mengeluarkan automatik (ATM). Pindahan bayaran secara terus boleh dilakukan kepada pembekal atau penjual.

#### • Diskaun dan harga yang lebih murah

4 Pengguna berpeluang untuk mendapatkan tawaran harga barangan yang lebih murah dari harga pasaran terutamanya ketika jualan murah. Ini lebih menjimatkan.

#### • Barangan tiada di pasaran

5 Ada barangan yang tidak dijual di pasaran kerana tiada permintaan daripada pengguna dan hanya ditawarkan melalui Internet. Ada juga barangan yang tidak dijual di Malaysia tetapi hanya dijual di negara-negara tertentu sahaja. Pengguna tiada pilihan dan perlu membeli secara dalam talian.

### Praktis 2

#### Pendahuluan

- usahawan bukan hanya berniaga untuk fokus kepada keuntungan semata-mata, malah mereka adalah pemangkin kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara
- pencapaian ekonomi sesebuah negara bergantung kepada usahawan mereka yang sentiasa dinamik dan maju ke hadapan

#### Isi 1

- membantu mengurangkan kadar kemiskinan negara
- kerjaya keusahawanan antara kerjaya yang menyumbang kepada pembangunan, kemajuan dan keamanan negara
- kemiskinan dapat dikurangkan seandainya rakyat yang tercicir dalam bidang pendidikan
- memanfaatkan bidang keusahawanan sebagai kerjaya mereka
- dapat mengurangkan kemiskinan dalam kalangan rakyat di negara ini

#### Isi 2

- mengurangkan kadar jenayah
- jenayah akan berkurangan sekiranya rakyat di negara ini ada pekerjaan dan pendapatan mereka sendiri
- bidang keusahawanan adalah bidang yang mudah dan menjanjikan pendapatan, pihak kerajaan perlu membantu rakyatnya berdikari dengan memberikan bantuan seperti kursus dan peralatan mahupun modal
- jenayah akan berlaku apabila rakyat di negara ini tidak mempunyai pekerjaan

#### Isi 3

- mengurangkan kadar pengangguran
- pengangguran akan berkurangan apabila sebilangan rakyat yang perlu dibantu, dibimbing oleh pihak tertentu seperti kerajaan memberikan mereka ilmu dalam bidang keusahawanan
- bidang ini tidak memerlukan modal yang tinggi, jualan di pasar atau di kiosk-kiosk kecil sahaja sudah memadai untuk membantu rakyat berpendapatan
- masyarakat akan lebih terlatih dan dapat menggunakan kemahiran yang ada melalui tawaran peluang pekerjaan yang sesuai
- peluang pekerjaan banyak membantu peningkatan ekonomi penduduk setempat

#### Isi 4

- mengurangkan pergantungan kepada hasil import luar negara
- apabila barangan keluaran di negara ini cukup untuk rakyat, negara kita tidak perlu mengimport hasil daripada luar negara
- keterlibatan rakyat dalam kerjaya keusahawanan yang pelbagai jenis di negara ini memberikan sumbangan yang besar kepada negara dalam membangunkan negara ini
- antara bidang-bidang keusahawanan yang boleh diusahakan oleh rakyat seperti bidang pertanian, bidang hartanah, bidang pertukangan, bidang katering dan jualan makanan dan sebagainya

#### Kesimpulan

- bidang kerjaya keusahawanan banyak manfaatnya kepada pembangunan, kemajuan dan keamanan negara
- kerjaya usahawan memerlukan peribadi diri yang rajin, jujur, berdaya saing dalam usaha menjadi usahawan berjaya
- penggemblengan tenaga dan usaha untuk menjayakannya amatlah ditagih kerana orang bijak pandai pernah berpesan, “kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya”

#### Aspek Tatabahasa

- pelitup muka
  - Ayat: Kita wajib memakai pelitup muka semasa kita tidak sihat supaya tidak menjangkiti orang sekeliling.
- senyuman manis
  - Ayat: Budak perempuan itu sungguh comel kerana memiliki senyuman manis ketika dia senyum.
- cermin mata
  - Ayat: Adik terpaksa memakai cermin mata kerana dia semakin rabun dek kerana kerap bermain dengan telefon pintarnya.

## SOALAN SEBENAR SPM

#### Pendahuluan

- Pengangkutan awam merupakan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan bagi memudahkan orang ramai bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.
- Pengangkutan awam yang ada di Malaysia antaranya ialah bas, kereta api, MRT dan kapal terbang.
- Kemudahan tersebut boleh digunakan oleh orang ramai ke destinasi yang dituju.
- Persoalannya apakah usaha-usaha menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam?

#### Isi 1

- Syarikat pengangkutan awam memberikan diskaun berganda
- Masyarakat akan lebih tertarik untuk menggunakan pengangkutan awam.

- Contohnya, syarikat kereta api membuat potongan harga tiket sebanyak 70 peratus bagi perjalanan dari Gemas ke Butterworth.
- Pengguna pengangkutan awam dapat menjimatkan kos tambang perjalanan.
- Pemberian diskaun berganda mampu mendorong lebih ramai pengguna menggunakan pengangkutan awam.

## Isi 2

- Pihak kerajaan mengadakan kempen mempromosikan pengangkutan awam dengan berkolaborasi syarikat pengangkutan awam di Malaysia.
- Masyarakat akan lebih cakna dengan kewujudan pengangkutan awam ini.
- Sebagai contoh, syarikat penerbangan MAS perlu mempromosikan pakej penerbangan mereka melalui media sosial dengan kapsyen “Jom, Guna Pengangkutan Awam”.
- Terutamanya ketika musim cuti persekolahan atau musim perayaan.
- Promosi yang dilaksanakan mampu menarik minat pengguna supaya cenderung menggunakan pengangkutan awam.

## Kesimpulan

- Terdapat pelbagai usaha oleh pelbagai pihak dalam menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam.
- Pihak kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan perlu teliti dan melakukan tindakan proaktif bagi menyediakan kemudahan yang terbaik dan berterusan kepada masyarakat.
- Sekiranya kemudahan awam seperti pengangkutan awam ini dimanfaatkan sebaiknya, sudah pasti pelbagai kebaikan akan diperolehi masyarakat di negara ini.

## Tema 10

## ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Teknologi hijau merujuk produk, peralatan atau sistem yang memenuhi kriteria seperti meminimumkan degradasi kualiti persekitaran, mempunyai pembebasan gas rumah hijau yang rendah atau sifar, selamat untuk digunakan dan menyediakan persekitaran sihat dan lebih baik untuk semua hidupan, menjimatkan tenaga dan sumber asli dan menggalakkan sumber yang boleh diperbaharui.

2

Kepentingan Teknologi Hijau	Kesan Penggunaan Teknologi Hijau
Dari aspek tenaga, teknologi hijau diharapkan dapat membantu mencari ketidakbergantungan tenaga dan mempromosikan kecekapan tenaga negara.	Teknologi hijau mempunyai potensi besar dalam memacu pembangunan negara.
Teknologi hijau terbukti lebih cekap kerana ia boleh menjana tenaga dalam pelbagai keadaan dengan kos murah, selamat dan mesra pengguna.	Ia dapat membantu mengurangkan kos operasi, meningkatkan nilai aset dan keuntungan.

Teknologi hijau dapat membantu memulihara dan meminimumkan kesan buruk kepada alam sekitar.	Teknologi ini juga dapat meningkatkan produktiviti dan kepuasan pekerja.
Teknologi ini mampu meningkatkan pembangunan ekonomi negara melalui penggunaan teknologi dan meningkatkan kualiti hidup untuk semua kehidupan manusia dan biodiversiti umumnya.	Industri yang menggunakan atau membangunkan produk berhubung teknologi hijau dapat menyediakan peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan.

- 3
  - Pihak kerajaan perlu menggiatkan usaha menyebarkan maklumat tentang teknologi hijau melalui kementerian serta agensi yang memberi fokus dalam usaha mempertingkatkan kualiti hidup rakyat.
  - Mempromosi teknologi hijau melalui produk-produk yang membantu menjaga alam sekitar yang lestari.
  - Memupuk budaya menghayati teknologi hijau dalam kalangan pelajar pada setiap peringkat.
  - Perkongsian pintar antara kerajaan, industri, dan pusat penyelidikan.
  - Penggiatan Penyelidikan dan Inovasi Teknologi Hijau.
  - Program melatih semula dan skim pelapis untuk meningkatkan kemahiran sumber manusia yang separa terlatih bagi memenuhi keperluan industri teknologi hijau.

### Kemahiran Membaca

#### Amalan Kitar Semula

##### Persamaan

Kitar semula adalah amalan yang dapat mengurangkan penggunaan sumber baharu atau bahan-bahan semula jadi.

##### Perbezaan

##### Bahan 1

- Mengubah sisa menjadi sumber-sumber yang bernilai.
- Bahan yang boleh dikitar semula kaca, kertas, plastik dan aluminium.
- Amalan kitar semula melalui konsep 3R (kurangkan, kitar semula, dan guna semula)

##### Bahan 2

- Pengasingan sisa pepejal di rumah.
- Pengasingan sisa pepejal atau sisa baki isi rumah yang tidak boleh dikitar semula dengan sisa yang boleh dikitar semula.
- Sisa perlu dasingkan dengan sisa baki atau sisa pepejal isi rumah yang tidak boleh dikitar semula dibungkus kemas, diletakkan dalam tong sampah untuk pelupusan. Sisa boleh dikitar semula pula diletakkan dalam bungkusan berasingan di tepi tong sampah untuk dihantar ke tempat memprosesan kitar semula.

### Kemahiran Menulis

#### Praktis 1

##### Pendahuluan

Mutakhir ini, arus globalisasi yang semakin menerjah di seantero dunia telah banyak membawa perubahan kepada kehidupan seharian manusia di tanah air kita. Dalam keghairahan mengejar arus modenisasi ini, kita sering dikejutkan dengan situasi negara kita yang sering mengalami masalah jerebu. Berita buruk yang semakin menjadi-jadi ini dipaparkan pada dada akhbar saban hari. Hal ini telah menjadi polemik orang ramai dari kedai kopi sehinggalah

ke parlimen. Persoalan yang sering terlintas di fikiran kita ialah mengapakah Malaysia selalu dilanda dengan krisis jerebu? Banyak jawapan yang berlegar-legar di gawang minda kita. Namun begitu, masalah yang semakin serius ini perlu diatasi dengan segera kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

### Isi-isi Penting

#### Isi 1

<b>Ayat Topik</b>	Langkah pertama yang boleh dilakukan dalam mengatasi masalah ialah penguatkuasaan undang-undang oleh pihak kerajaan.
<b>Ayat Huraian Topik</b>	Agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar iaitu Jabatan Alam Sekitar perlu lebih agresif dalam melaksanakan tugas ini.
<b>Ayat Contoh</b>	Kilang-kilang perlu diwajibkan memasang alat penapis asap di serombong asap.
<b>Ayat Huraian Contoh</b>	Serombong asap hendaklah ditinggikan 30 meter melepasi lapisan atmosfera bumi.
<b>Ayat Penegasan Isi</b>	Tuntasnya, kerajaan menjadi pemangkin perdana bagi memastikan masalah jerebu dapat ditangani dengan cara yang efektif.

#### Isi 2

<b>Ayat Topik</b>	Kempen kesedaran alam sekitar juga boleh dijalankan oleh badan bukan kerajaan (NGO).
<b>Ayat Huraian Topik</b>	Badan NGO melalui ceramah dan seminar boleh memberi kesedaran kepada orang ramai untuk lebih menghargai alam sekitar.
<b>Ayat Contoh</b>	Badan NGO seperti Persatuan Pencinta Alam Sekitar (MNS) dan <i>World Wildlife Fund</i> (WWF) Malaysia berperanan penting dalam mengatasi masalah jerebu.
<b>Ayat Huraian Contoh</b>	Kempen kesedaran ini bukan sahaja dapat menyedarkan orang ramai tentang perbuatan mereka yang menyumbang kepada masalah jerebu, malah kempen tersebut mampu membekalkan mereka dengan informasi tentang langkah-langkah yang patut diambil oleh setiap individu untuk membantu dalam mengatasi fenomena jerebu.
<b>Ayat Penegasan Isi</b>	Jelaslah bahawa kempen kesedaran alam sekitar merupakan salah satu usaha membantu dalam mengatasi fenomena jerebu.

#### Isi 3

<b>Ayat Topik</b>	Kepesatan pembangunan negara telah menyebabkan pembuangan pelbagai barangan. Justeru, program kitar semula yang dijalankan oleh kerajaan perlu diambil perhatian semua pihak.
<b>Ayat Huraian Topik</b>	Bahan-bahan buangan boleh diproses semula untuk digunakan semula.

<b>Ayat Contoh</b>	Melalui program kitar semula ini, bahan-bahan buangan akan diklasifikasikan kepada beberapa jenis iaitu kaca, kertas serta plastik dan aluminium melalui tong-tong sampah yang disediakan.
<b>Ayat Huraian Contoh</b>	Melalui program ini, masyarakat tidak akan membakar, membuang dan melupuskan sampah secara keterlaluan.
<b>Ayat Penegasan Isi</b>	Pencemaran bau, udara dan air dapat dikurangkan melalui program kitar semula.

### Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, masalah jerebu ini umpama duri dalam daging bagi rakyat Malaysia. Bagi menyelesaikan masalah jerebu yang merunsingkan ini, semua pihak harus bersinergi dalam mengatasi masalah tersebut, persis kata orang-orang tua, “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”. Pelbagai langkah perlu diambil demi mengelakkan masalah jerebu daripada berlaku lagi. Sekiranya Malaysia bebas daripada belunggu masalah jerebu, sudah pasti negara Malaysia dapat berkembang maju dalam semua bidang terutamanya bidang pelancongan yang sememangnya berpandukan cuaca dan iklim Malaysia. Marilah kita berusaha mengurangkan masalah jerebu dan mewujudkan negara yang bebas jerebu untuk kepentingan bersama.

### Praktis 2

#### Pendahuluan

Karangan berformat surat kiriman rasmi.

#### Isi 1

- menyuarkan masalah pencemaran sungai di kawasan tempat tinggal
- air bertukar menjadi hitam dan berbau busuk
- dicemari dengan sampah, air kumbahan dan sisa minyak dari kawasan perumahan, industri, premis perniagaan serta bengkel membaiki kenderaan
- penduduk berdepan pencemaran bau akibat pembuangan sisa tidak terkawal

#### Isi 2

- mencadangkan perlu mengadakan undang-undang melarang pembuangan sampah-sarap domestik ke dalam sungai
- kedegilan masyarakat membuang sampah merata-rata perlu dikenakan hukuman yang berat dan setimpal
- seperti saman wang tunai dan hukuman penjara serta mengadakan khidmat sosial secara percuma dalam tempoh yang telah ditetapkan

#### Isi 3

- mencadangkan agar kerajaan mengadakan kempen kesedaran
- kempen Cintai Sungai yang dianjurkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran
- kempen ini menumpukan kepada aktiviti-aktiviti gotong-royong membersihkan sungai
- selain dapat merapatkan hubungan antara masyarakat, aktiviti gotong-royong juga dapat menyemai sikap mencintai sungai kita dalam kalangan masyarakat setempat

### Kesimpulan

- perlu berganding bahu untuk menangani masalah pencemaran

- jika mahu memastikan sungai di Malaysia dapat dinikmati akan kewujudannya pada hari ini dan berterusan sehingga ke zaman anak cucu kita, langkah proaktif pemeliharaan sungai perlu dilakukan dari sekarang

### Praktis 3

#### Pendahuluan

Rumusan/petikan membincangkan langkah-langkah/usaha-usaha/tindakan-tindakan/pendekatan-pendekatan/cara-cara/strategi-strategi/kaedah-kaedah melestarikan keindahan sungai dan halangan/rintangan/kekangan/masalah memulihara sungai di negara ini.

#### Isi

##### Bahan 1: Langkah-langkah/usaha-usaha/tindakan-tindakan/pendekatan-pendekatan/cara-cara/strategi-strategi/kaedah-kaedah melestarikan keindahan sungai

- masyarakat perlu menanam rasa tanggungjawab untuk memulihara sungai
- kerajaan perlu mewujudkan lebih banyak tapak pengumpulan pembuangan sisa industri
- tindakan pihak berkuasa membuat rondaan secara bersepadu di sepanjang sungai di kawasan bandar
- pembangunan yang terancang dan efisien oleh kerajaan
- usaha Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengadakan kempen kesedaran secara berterusan
- usaha melestarikan kebersihan dan keindahan sungai sehingga menjadi budaya rakyat Malaysia perlu diterapkan melalui pendidikan pada peringkat sekolah lagi
- rakyat di negara ini juga perlu bersikap dan berfikiran seperti penduduk negara maju
- tindakan kerajaan mengurangkan kemasukan golongan warga asing

##### Bahan 1: Cabaran/halangan/rintangan/kekangan/masalah memulihara sungai

- masyarakat tidak memberikan kerjasama sepenuhnya dan hanya mementingkan diri sendiri
- pembuangan sisa industri yang tidak terkawal
- pembangunan tidak terancang
- penempatan haram di sekitar sungai sukar dikawal

#### Bahan 2

- kos yang tinggi diperlukan untuk memulihara sungai menjadi cabaran dalam memulihara keindahan sungai
- kurang kesedaran dalam diri masyarakat akan kesan buruk yang bakal terjadi jika sungai dibiarkan terus tercemar
- penguatkuasaan undang-undang yang lemah menyebabkan sungai semakin tercemar

#### Kesimpulan

Kesimpulannya, pihak kerajaan hendaklah menjaga kelestarian sungai agar masyarakat hidup selesa.

### Praktis 4

#### Pendahuluan

Rumusan/Petikan membincangkan kebaikan taman awam kepada masyarakat dan cara untuk menjaga taman awam.

#### Isi

##### Bahan 1: Kepentingan/kelebihan/kebaikan/faedah/manfaat/maslahat taman awam kepada masyarakat

- menampung keperluan penduduk terutama di kawasan bandar dan pinggir bandar
- dapat memberikan ruang yang selesa kepada penduduk setempat untuk berekreasi
- memberi peluang penduduk berinteraksi antara satu sama lain.
- mampu memperoleh peningkatan tahap kesihatan melalui pelbagai aktiviti fizikal
- mampu memberikan kelegaan daripada tekanan kehidupan seharian
- membawa kepada peningkatan ekonomi setempat
- memberi teduhan kepada pengguna
- memainkan peranan dalam kawalan banjir
- membantu usaha untuk mengurangkan kesan pulau haba

##### Bahan 1: Cara-cara/usaha-usaha/strategi/pendekatan/kaedah menjaga taman awam

- pengunjung tidak membuang sampah merata-rata
- penguatkuasaan undang-undang/peraturan/denda terhadap perosak kemudahan taman

#### Bahan 2

- orang ramai perlu kerjasama menyelenggara lokasi riadah
- jangan hanya mengharapkan pihak berkuasa menjaga taman awam
- menyertai gotong-royong penjagaan alam sekitar
- menjadi sukarelawan membersihkan taman awam

#### Kesimpulan

Kesimpulannya, semua pihak hendaklah bekerjasama menjaga kepentingan taman awam agar rakyat dapat beriadah dengan selesa.

#### Aspek Tatabahasa

- (i) Kata terbitan awalan – terkawal
  - Ayat: Pencemaran udara iaitu jerebu yang berlaku di ibu negara masih berada pada tahap yang terkawal.
- (ii) Kata terbitan berakhiran – rondaan
  - Ayat: Pada setiap malam, pihak polis bantuan melakukan rondaan di kawasan perumahan penduduk untuk menjamin keselamatan awam.
- (iii) Kata terbitan berapitan – berlarutan
  - Ayat: Pertempuran senjata antara penganas dan pihak berkuasa di negara itu berlarutan sehingga menyebabkan ramai orang terbunuh.

## SOALAN SEBENAR SPM

#### Pendahuluan

- Alam sekitar merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai kepada makhluk terutamanya manusia
- Malaysia antara negara yang kaya dengan sumber alam yang tidak terkira dan memberikan manfaat kepada manusia
- Alam sekitar merangkumi sumber kehidupan seperti udara, air, makanan serta menjadi habitat bagi pelbagai jenis flora dan fauna
- Namun, dengan peningkatan aktiviti manusia yang berleluasa dan tanpa kawalan menyebabkan alam sekitar semakin terancam
- Persoalannya, apakah langkah-langkah penjagaan alam sekitar?

### Isi 1

- Kitar semula
- Amalan kitar semula merupakan satu proses mengurangkan sisa pepejal untuk meminimumkan penggunaan sumber semula jadi
- Proses ini melibatkan pengumpulan, pemprosesan, dan penggunaan semula bahan-bahan yang telah digunakan
- Lebih mudah untuk difahami penggunaan barangan secara berulang kali untuk mengurangkan penghasilan sisa buangan
- Contohnya, kita boleh mengasingkan bahan buangan di rumah seperti kertas, plastik, kaca, dan logam
- Pengasingan ini memudahkan proses kitar semula di pusat pengumpulan yang telah disediakan oleh pihak berkuasa tempatan supaya bahan-bahan tersebut dapat digunakan semula
- Justeru, masyarakat perlu diberi kesedaran tentang pentingnya kitar semula melalui program pendidikan dan kempen kesedaran supaya dijadikan budaya dalam kehidupan seharian

### Isi 2

- Tidak mencemari sungai
- Langkah penjagaan alam sekitar yang seterusnya kita tidak boleh mencemari sungai
- Sungai merupakan sumber air penting yang menyokong kehidupan pelbagai makhluk hidup, termasuklah manusia
- Namun, pencemaran sungai semakin meningkat akibat pembuangan sisa domestik, sisa industri, dan aktiviti pertanian yang tidak terkawal
- Perkara ini perlu ditangani bermula daripada diri sendiri dengan tidak membuang sampah seperti plastik, botol dan sisa ke dalam sungai
- Tindakan undang-undang harus dikenakan dengan lebih tegas kepada pelaku yang dikenal pasti membuang sampah atau sisa buangan ke dalam sungai
- Oleh itu, kebersamaan semua pihak dalam isu ini sudah tentu kita dapat memastikan sungai-sungai tetap bersih dan selamat untuk digunakan

### Isi 3

- Tidak melakukan penerokaan hutan
- Hutan merupakan ekosistem yang sangat penting dalam mengekalkan keseimbangan alam yang menyediakan habitat bagi pelbagai spesies, menyerap karbon dioksida, dan menghasilkan oksigen
- Kepentingan ini harus disedari oleh manusia bahawa kita tidak boleh melakukan penerokaan hutan yang tidak terkawal atau sewenang-wenangnya untuk tujuan pembalakan, pertanian dan pembangunan infrastruktur
- Sebagai contoh dalam mengekalkan demografi hutan supaya lebih selamat kita perlu menyokong aktiviti pemuliharaan hutan seperti mewartakan hutan simpan dan program reforestasi serta penanaman pokok dijalankan secara berterusan
- Pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang perlu dilakukan untuk memastikan bahawa aktiviti penerokaan hutan dilakukan secara beretika
- Kesannya, ekosistem tidak akan terganggu dan habitat bagi pelbagai spesies terpelihara
- Oleh itu, kehijauan hutan terpelihara akibat aktiviti penerokaan tidak dilakukan lantas
- kita dapat melindungi hutan dan memastikannya terus memberi manfaat kepada generasi akan datang

### Kesimpulan

- Penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan kerjasama semua pihak untuk kelangsungan hidup manusia
- Pelbagai usaha ini tidak akan berjaya sekiranya kita tidak berganding bahu dalam mengekalkan dan mencapai matlamat untuk melihat kelestarian alam sekitar terjaga
- Sekiranya ada pihak yang angkuh dalam menjayakan usaha ini, tindakan undang-undang wajar dikenakan tanpa mengira latar belakang ekonomi dan politik
- Tegasnya, semoga ahli pemikir segenap bidang perlu bekerjasama dengan kerajaan negeri dan kerajaan pusat menjadikan agenda utama dalam memastikan pembangunan alam sekitar tidak terbantut begitu sahaja
- Harapan semua lapisan masyarakat, dengan adanya kesedaran dalam jiwa sudah pasti kita dapat melestarikan keindahan alam sekitar yang menjadi wadah kepada kesihatan manusia dan pengekalan ekosistem yang harmoni

## Tema 11 DUNIA SELAMAT MILIK KITA

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Ulasan murid

### Kemahiran Membaca

#### Kesan-kesan

- 1 Pengubahsuaian yang dibuat tanpa mengikut spesifikasi yang dibenarkan boleh mengundang bahaya dan mengakibatkan kemalangan jalan raya.
- 2 Boleh membahayakan nyawa penunggangnya.
- 3 Ada segelintir remaja yang tidak mempunyai duit untuk membuat modifikasi basikal lajak, akan mencuri dan menjual basikal atau motosikal bagi membeli barang basikal.
- 4 Membahayakan nyawa pengguna jalan raya lain.
- 5 Kecederaan atau sakit otot/tulang belakang kerana postur kerusi yang tinggi dan badan perlu membongkok pada kadar yang lama.
- 6 Risiko kecederaan di bahagian kepala dan gigi.
- 7 Kecederaan di tangan/badan yang menyerap getaran daripada basikal yang diubah suai.
- 8 Memerlukan tenaga dan daya yang tinggi menyebabkan kecederaan tisu lutut.

#### Langkah-langkah

- 1 Ibu bapa seharusnya memainkan peranan penting dengan mengawasi setiap gerak-geri dan aktiviti anak masing-masing.
- 2 Ibu bapa harus memantau aktiviti anak-anak mereka untuk tidak terjebak dengan basikal lajak.
- 3 Melalui penguatkuasaan undang-undang, Ibu bapa boleh didenda sehingga RM20,000 dan dipenjarakan maksimum 10 tahun kerana melanggar Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu pengabaian penjagaan kanak-kanak.
- 4 Mengadakan Kempen kesedaran yang memberi penjelasan mengenai impak buruk lumba basikal lajak.
- 5 Kerjasama pihak kerajaan dan PDRM dengan mengadakan lebih banyak sekatan jalan raya di kawasan-kawasan berisiko berlakunya perlumbaan basikal lajak ini.

- 6 Kajian semula undang-undang jalan raya dengan memberi fokus kepada undang-undang terhadap perlumbaan basikal lajak perlu dibuat supaya akan memberi kesedaran kepada golongan berbasikal lajak.
- 7 Program kesedaran kepada ibu bapa perlu dilaksanakan supaya ibu bapa sentiasa mengawasi dan memantau pergerakan anak-anak bagi memastikan mereka tidak terlibat dalam kegiatan lumba basikal lajak dan perkara yang menyalahi undang-undang supaya tidak mendatangkan bahaya kepada diri sendiri dan orang lain.

### Kemahiran Menulis

#### Praktis 1

Pendahuluan	
Sabari hari kita mendengar dan membaca banyak berita mengenai kemalangan jalan raya yang ngeri sehingga mengorbankan banyak nyawa dan pada masa yang sama ramai yang mengalami kecederaan parah dan kehilangan anggota badan. Menurut kajian yang dijalankan pada tahun 2014 oleh Universiti Michigan Amerika Syarikat, negara kita menduduki tempat ke-17 teratas jumlah kematian di jalan raya di dunia. Kajian oleh MIROS menunjukkan bahawa kebanyakan kemalangan adalah berpunca daripada kecuaiannya pengguna jalan raya sendiri. Oleh yang demikian, penting setiap daripada kita mengambil langkah-langkah menjaga keselamatan di jalan raya.	

<b>Ayat Topik – Isi 1</b>	Antara cara menjaga keselamatan di jalan raya ialah dengan merancang perjalanan kita terlebih dahulu.
<b>Mengapa (Ayat Huraian Topik)</b>	Hal ini demikian kerana banyak kemalangan berpunca daripada pemanduan yang terburu-buru dan hendak cepat sampai ke destinasi.
<b>Bagaimana (Ayat Contoh)</b>	Perjalanan yang tidak dirancang menyebabkan seseorang itu memandu laju dan secara melulu kerana bimbang terlewat.
<b>Kesan (Ayat Menghuraikan Contoh)</b>	Jika sesuatu perjalanan dirancang terlebih dahulu maka seseorang itu boleh memandu dengan tenang. Sesungguhnya, pandu cermat jiwa selamat.

<b>Ayat Topik – Isi 2</b>	Selain itu, kita sepatutnya mematuhi semua undang-undang dan peraturan jalan raya yang sedang berkuat kuasa.
<b>Mengapa (Ayat Huraian Topik)</b>	Banyak kemalangan jalan raya berpunca daripada kegagalan mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya.
<b>Bagaimana (Ayat Contoh)</b>	Sebagai contoh, kemalangan ngeri selalu berlaku di kawasan jalan raya yang berselekeh tajam. Ada pemandu yang gemar memotong kenderaan lain di tempat-tempat sebegini walaupun berbahaya dan boleh mengundang padah.
<b>Kesan (Ayat Menghuraikan Contoh)</b>	Mereka tidak menghiraukan papan tanda “Dilarang memotong” atau garisan berkembar. Sesungguhnya malang tidak berbau.

<b>Ayat Topik – Isi 3</b>	Seterusnya, kita sepatutnya memeriksa kenderaan kita terlebih dahulu sebelum memulakan perjalanan.
<b>Mengapa (Ayat Huraian Topik)</b>	Kita perlu memastikan semua komponen kenderaan dalam keadaan boleh berfungsi dengan baik.
<b>Bagaimana (Ayat Contoh)</b>	Sebagai contohnya, sistem brek, lampu isyarat, lampu hadapan dan tayar kenderaan kita perlu berada dalam keadaan terbaik sebelum memulakan perjalanan.
<b>Kesan (Ayat Menghuraikan Contoh)</b>	Tindakan bijak sebelum memulakan sesuatu perjalanan pasti memberikan seribu makna.

Kesimpulan	
<b>Penegasan Tajuk</b>	Konklusinya, tepuk dada tanya selera. Langkah-langkah menjaga keselamatan semasa di jalan raya merupakan tanggungjawab semua pihak.
<b>Cadangan</b>	Seharusnya semua pihak perlu mengambil iktibar daripada kejadian-kejadian kemalangan maut yang sering kali berlaku, dan menghantui pemandu-pemandu yang lain. Tingkatkanlah kesedaran dalam diri setiap individu, didiklah pemikiran yang bertamadun, seperti saranan kerajaan untuk melahirkan modal insan kelas pertama. Kedua-dua entiti ini, sama ada individu ataupun masyarakat, sama-sama memainkan peranan penting bagi mengurangkan kadar kemalangan.
<b>Harapan</b>	Jika semua pengguna jalan raya menjaga keselamatan dan sentiasa prihatin semasa berada di atas jalan raya maka kemalangan dapat dielakkan. Nescaya kadar kematian akibat kemalangan dapat dikurangkan saban tahun.

#### Praktis 2

- 1 Maksud mendatangkan musibah ialah menyebabkan/mengakibatkan/malapetaka/bencana.
- 2 Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, punca-punca kemalangan jalan raya adalah seperti memecut di saat-saat akhir lampu isyarat bertukar merah, menggunakan lorong kecemasan, memandu melebihi had laju, melintas jalan di tempat yang salah dan melintas jalan tanpa menggunakan kemudahan yang disediakan.
- 3 Pada pendapat saya, kesan-kesan kemalangan jalan raya ialah meragut nyawa pengguna jalan raya, menyebabkan pengguna jalan raya mengalami kecacatan, kehilangan nyawa modal insan yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara, menyebabkan kelumpuhan, keilangan, kecederaan atau kerosakan fungsi tubuh badan dan imej negara terjejas.
- 4 Tindakan-tindakan saya sebagai pegawai Jabatan Keselamatan Jalan Raya bagi menangani masalah kemalangan jalan raya adalah seperti menjalankan kempen kesedaran, menggalakkan

penggunaan pengangkutan awam, menasihatkan pemandu supaya menyelenggara kenderaan mengikut masa yang ditetapkan dan memastikan jalan raya diselenggara dengan baik dan mempunyai ciri keselamatan terbaik.

### Aspek Tatabahasa

- (i) bergotong-royong
  - Ayat: Setiap kali adanya majlis perkahwinan, ramai penduduk kampung akan bergotong-royong dan merewang bersama-sama untuk mempersiapkan majlis itu.
- (ii) lebih-lebih
  - Ayat: Pusat beli-belah yang baru dibuka itu mempunyai ramai pengunjung, lebih-lebih lagi pada hujung minggu.
- (iii) awal-awal
  - Ayat: Peniaga itu awal-awal pagi lagi sudah bersedia untuk memulakan perniagaan nasi lemaknya.

## SOALAN SEBENAR SPM

### 1 Pendahuluan

- Dadah merupakan musuh utama negara yang membawa pelbagai kesan buruk kepada individu, masyarakat dan negara.
- Penyalahgunaan dadah sering dikaitkan dengan keruntuhan akhlak, jenayah, serta kehancuran masa depan generasi muda.
- Walaupun pelbagai langkah pencegahan telah diambil, penyalahgunaan dadah masih berleluasa dalam kalangan remaja. Hal ini menimbulkan persoalan tentang punca sebenar yang mendorong seseorang terjerumus dalam kancan dadah ini.
- Sungguhpun begitu, statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan bilangan kes penyalahgunaan dadah khususnya dalam kalangan murid masih tinggi.
- Persoalannya, apakah faktor-faktor berlakunya penyalahgunaan dadah dalam kalangan murid?

#### Isi 1

- Pengaruh rakan sebaya
- Salah satu faktor utama yang menyebabkan penyalahgunaan dadah ialah pengaruh rakan sebaya.
- Remaja pada peringkat usia ini mudah terpengaruh dengan ajakan rakan kerana ingin diterima dalam kumpulan dan takut disisihkan.
- Apabila mereka berkawan dengan individu yang terlibat dengan dadah, besar kemungkinan mereka juga akan terikut-ikut mencubanya.
- Sebagai contoh, seorang pelajar yang sering melepak bersama rakan yang menagih dadah akhirnya terjebak sama apabila diajak mencuba 'sekali sahaja'.
- Kesan daripada pengaruh ini, seseorang itu boleh menjadi ketagih dan mula meninggalkan pelajaran serta tanggungjawabnya. Selain itu, hubungan dengan keluarga turut menjadi ganggu dan kehidupannya akan mula hancur.
- Oleh itu, pengaruh rakan sebaya ini sememangnya menjadi faktor seseorang itu terlibat dengan penyalahgunaan dadah tanpa disedari.

#### Isi 2

- Keinginan untuk mencuba
- Faktor kedua ialah keinginan untuk mencuba akibat rasa ingin tahu yang tinggi bagi seseorang murid yang beralih umur.

- Remaja khususnya sering digoda oleh rasa ingin tahu terhadap perkara yang dilarang, termasuklah penggunaan bahan terlarang seperti dadah.
- Perasaan ingin mencuba ini mungkin tercetus selepas mendengar cerita rakan-rakan, melihat filem atau mendengar lagu yang menggambarkan dadah secara glamor.
- Sebagai contoh, ada remaja yang mencuba dadah jenis sintetik di parti sosial hanya untuk merasai 'keseronokan' yang sering digembar-gemburkan.
- Kesan daripada cubaan ini, otak mereka akan mengalami perubahan kimia dan menyebabkan ketagihan yang sukar dikawal. Malah, banyak kes penagihan dadah bermula daripada hanya satu cubaan kecil.
- Oleh itu, sifat ingin mencuba tanpa pengetahuan yang betul boleh membawa padah dan menghancurkan masa depan seseorang.

### Isi 3

- Kurang pengawasan daripada ibu bapa
- Jika diteliti dengan lebih mendalam, kurangnya pengawasan daripada ibu bapa terhadap anak-anak merupakan punca utama penyalahgunaan dadah ini.
- Dalam era moden yang serba sibuk, ramai ibu bapa terlalu fokus kepada kerjaya sehingga mengabaikan perhatian terhadap anak-anak mereka.
- Hal ini menyebabkan remaja mencari kasih sayang, perhatian atau tempat mengadu di luar rumah, termasuk dalam kalangan rakan yang salah.
- Sebagai contoh, seorang pelajar sekolah menengah yang berasa terabai mula melepak di luar rumah hingga larut malam dan akhirnya terjebak dengan geng yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah.
- Kesan daripada pengabaian ini, anak-anak tidak memiliki panduan yang jelas dalam membuat keputusan dan mudah terpesong haluan.
- Tambahan pula, kurangnya komunikasi yang berkesan antara ibu bapa dan anak menyebabkan remaja menyimpan masalah sendiri dan mencari jalan penyelesaian yang salah.
- Oleh itu, pengabaian terhadap anak-anak dengan mementingkan kebendaan menyebabkan anak-anak terjebak dalam najis dadah.

### Kesimpulan

- Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penyalahgunaan dadah.
- Sekiranya gejala ini dibiarkan membarah, maka terugatlah kesejahteraan masyarakat di negara ini serta memberi kesan yang buruk terhadap kestabilan dan kemakmuran negara lantaran peningkatan kes jenayah yang drastik.
- Pelbagai agensi seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri serta ibu bapa perlu berganding bahu dalam melaksanakan langkah pencegahan dan pemulihan yang sebaiknya.
- Besarlah harapan saya yang terbuka di sanubari agar murid-murid ini dijaga dan dilindungi serta membesar dengan sihat seperti mana Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan murid yang seimbang dari intelek, rohani, emosi dan jasmani.

## 2 Pendahuluan

- Malaysia merupakan sebuah negara yang pesat membangun dan sering menjadi destinasi utama warga asing untuk mencari pekerjaan atau menetap sementara.
- Kemasukan warga asing secara sah atau haram semakin meningkat dari tahun ke tahun, terutamanya dalam sektor pembinaan, perladangan dan perkhidmatan.
- Walaupun kehadiran mereka menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, kemasukan yang tidak terkawal turut menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada masyarakat dan negara.
- Oleh itu, terdapat beberapa kesan buruk kemasukan warga asing ke negara kita.

### Isi 1

- Peningkatan kadar jenayah
- Sebagai cetusan minda yang pertama, antara kesan kemasukan warga asing ialah peningkatan kadar jenayah.
- Warga asing yang masuk secara haram sering kali tidak mempunyai pekerjaan tetap, lalu terlibat dalam kegiatan jenayah untuk menyara hidup.
- Ada antara mereka terbabit dalam jenayah seperti rompakan, penyeludupan, penyalahgunaan dadah dan pergaduhan.
- Sebagai contoh, laporan media pernah mendedahkan sindiket jenayah yang melibatkan warga asing di kawasan ibu kota yang menjalankan kegiatan pelacuran dan pencurian motosikal.
- Kesan daripada situasi ini, masyarakat tempatan berasa tidak selamat dan suasana harmoni tergugat.
- Oleh itu, kemasukan warga asing yang tidak dikawal boleh mencetuskan pelbagai masalah jenayah dalam negara.

### Isi 2

- Peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan warga tempatan
- Pada hemat saya, kemasukan warga asing secara besar-besaran turut menyebabkan peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan rakyat tempatan.
- Warga asing sanggup bekerja dengan gaji yang rendah dan waktu kerja yang panjang, menyebabkan majikan lebih cenderung menggajikan mereka berbanding pekerja tempatan.
- Hal ini menjejaskan peluang pekerjaan rakyat Malaysia, khususnya dalam sektor tidak formal seperti perkilangan, perladangan dan pembinaan.
- Sebagai contoh, ramai belia tempatan mengadu sukar mendapat kerja kerana sektor pekerjaan tertentu sudah dipenuhi oleh pekerja asing.
- Kesan daripada keadaan ini, kadar pengangguran meningkat dan boleh menyebabkan masalah sosial seperti gejala vandalisme, lepak dan jenayah kecil-kecilan. Malah, ketidakseimbangan dalam pasaran buruh ini juga menjejaskan ekonomi dalam jangka panjang.
- Jelaslah bahawa kehadiran warga asing secara berlebihan boleh menjejaskan sumber pendapatan rakyat sendiri.

### Isi 3

- Penularan penyakit berjangkit.
- Sudah terang lagi bersuluh kemasukan warga asing ini mengundang penularan penyakit berjangkit yang dibawa oleh warga asing dari negara asal mereka.

- Ramai antara mereka tidak menjalani pemeriksaan kesihatan yang menyeluruh, terutamanya jika masuk secara haram.
- Hal ini meningkatkan risiko penularan penyakit seperti tuberkulosis iaitu batuk kering, HIV atau AIDS, demam denggi dan baru-baru ini, Covid-19.
- Sebagai contoh, ketika pandemik Covid-19 melanda negara, terdapat beberapa kluster jangkitan yang berpunca daripada penempatan warga asing yang padat dan tidak terkawal.
- Kesan daripada situasi ini, sistem kesihatan awam menjadi terbeban, dan masyarakat tempatan terdedah kepada risiko penyakit berjangkit. Lebih membimbangkan, kos rawatan untuk merawat pesakit warga asing ditanggung oleh kerajaan, sekali gus meningkatkan perbelanjaan negara.
- Maka, kemasukan warga asing tanpa saringan kesihatan yang rapi mampu menggugat kesihatan awam secara keseluruhannya.

### Kesimpulan

- Kesimpulannya, kemasukan warga asing secara tidak terkawal memberikan pelbagai kesan negatif kepada pelbagai dimensi.
- Walaupun mereka membantu memenuhi permintaan tenaga kerja dalam sektor tertentu, pengurusan yang lemah boleh membawa lebih banyak keburukan daripada kebaikan.
- Oleh itu, kerajaan perlu memperketat kawalan sempadan, memperkemas proses pemantauan pekerja asing dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang risiko yang terlibat.
- Jika isu ini dibiarkan berlarutan, keselamatan, ekonomi dan kesihatan negara akan terus terancam. Tegasnya, kemasukan warga asing perlu dikawal secara bijak agar kepentingan rakyat dan kestabilan negara sentiasa terpelihara.

## 3 Pendahuluan

- Kemalangan jalan raya di Malaysia merupakan satu isu serius yang memberi impak besar kepada masyarakat dan ekonomi negara.
- Setiap tahun, ribuan kes kemalangan jalan raya dilaporkan di seluruh negara, melibatkan kecederaan, kehilangan nyawa, serta kerosakan harta benda.
- Statistik merekodkan purata 17 kematian yang berlaku setiap hari.
- Persoalannya, apakah faktor-faktor berlakunya kemalangan jalan raya di Malaysia?

### Isi 1

- Penggunaan telefon bimbit semasa memandu
- Masyarakat gemar menggunakan telefon bimbit semasa memandu
- Fokus mereka terhadap pemanduan akan hilang kerana tertumpu pada paparan telefon bimbit
- Ramai pemandu terganggu perhatian mereka apabila menggunakan telefon bimbit untuk menghantar mesej, membuat panggilan, atau melayari media sosial ketika menggunakan jalan raya
- Mengakibatkan pelanggaran dengan kenderaan lain atau objek di sekitar
- Sikap sambil lewa ini bukan sahaja membahayakan pemandu, tetapi juga penumpang dan pengguna jalan raya yang lain

## Isi 2

- Kerosakan jalan raya
- Kerosakan jalan raya turut menyumbang kepada kadar kematian dan kecederaan
- Struktur jalan raya tidak diselenggara mengikut tempoh yang telah ditetapkan
- Apabila kenderaan hilang kawalan akibat mengelak daripada kerosakan jalan seperti jalan berlubang dan permukaan jalan yang licin, menyebabkan risiko terbabas sehingga berlakunya kecederaan parah atau kematian
- Hal ini dapat dilihat pada tahun 2015 jumlah pengguna jalan raya yang maut sangat tinggi dengan mencatat angka 101 kematian
- Kesedaran pemandu untuk lebih berhati-hati juga penting di kawasan-kawasan yang dikenal pasti berlakunya kerosakan jalan raya

## Kesimpulan

- Semua pihak perlu mengambil iktibar daripada kes-kes dan statistik yang telah dikeluarkan
- Pengguna jalan raya perlu berwaspada ketika di jalan raya kerana pandu cermat jiwa selamat
- Pihak kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya perlu teliti dan melakukan penyelenggaraan jalan yang berterusan
- Sekiranya isu ini diteliti dan ditangani dengan sebaiknya, sudah pasti kadar kematian setiap tahun berpunca masalah ini dapat dikurangkan

## 4 Pendahuluan

- Medium media sosial merupakan salah satu alat untuk menyebarkan informasi, pesanan, pendapat, desas-desus, gosip, propaganda dan sebagainya kepada masyarakat secara keseluruhannya
- Penggunaan media sosial dalam kehidupan seharian sudah menjadi satu trend pada masa ini
- Perkembangannya bagai cendawan tumbuh selepas hujan
- Penggunaannya akan memberikan kesan yang positif dan negatif kepada penggunanya sama ada daripada segi nilai, sikap dan pola tingkah laku

## Isi 1

- Menjadi laluan alternatif untuk saling berinteraksi – menambah kenalan yang baru dari seluruh dunia di samping hubungan yang telah lama terputus dapat diertatkan semula
- Menyebabkan integrasi antara wilayah dan kaum dipertingkatkan
- Contohnya, aplikasi seperti Facebook, Whatsapp dan Telegram
- Memudahkan kehidupan, mencari kenalan lama atau baru
- Jarak jauh tidak menjadi batu penghalang untuk berhubung – mengikat hubungan mereka bagai aur dengan tebing – tidak perlu menulis surat untuk dipos kepada kenalan
- Kesannya – komen-komen terhadap gambar aktiviti individu yang dimuat naik secara berterusan akan mengeratkan hubungan sesama rakan, memupuk silaturahim – menjimatkan masa dan tenaga
- Jelaslah – media sosial amat berpengaruh terhadap masyarakat – dijadikan saluran utama untuk berinteraksi dan mengeratkan hubungan antara satu sama lain

## Isi 2

- Dapat menyampaikan maklumat dengan pantas
- Terdedah dengan kebanjiran ilmu pengetahuan – segala maklumat hanya berada di hujung jari
- Contohnya – segala maklumat yang diinginkan boleh diperoleh secara mudah
- Menggunakan enjin carian Google dan Yahoo tanpa perlu pergi ke perpustakaan
- Menaip tajuk – enjin carian ini akan mencadangkan beberapa ratus laman sesawang media sosial – membincangkan tajuk yang berkaitan – pucuk dicita ulam mendatang dan orang mengantuk disorongkan bantal
- Bagi pelajar – boleh memuat turun buku elektronik secara percuma ataupun berbayar, pelajar juga boleh mendapatkan sampel tugas untuk dijadikan rujukan
- Menggunakan manfaat – mencari tip menarik di media sosial seperti tip keibubapaan, resipi masakan dan sebagainya untuk diaplikasikan di dalam kehidupan
- Terbuktilah media sosial mampu memberikan manfaat kepada anggota masyarakat – dapat membekalkan pelbagai ilmu pengetahuan yang berguna dan diamalkan dalam kehidupan

## Isi 3

- Berurusan dalam talian – menjana pendapatan yang lumayan
- Boleh mengembangkan perniagaan atau memasarkan produk secara percuma tanpa memerlukan seseorang itu bersemuka secara empat mata
- Harus lebih berhati-hati ketika berurusan secara talian dan tidak mendedahkan maklumat diri anda sewenang-wenangnya
- Kadar jenayah di Internet telah meningkat – telah menelan kerugian jutaan ringgit
- Contoh – penipuan banyak berlaku melalui aplikasi seperti Facebook, Blog, Twitter dan sebagainya – produk tiruan, penipuan Macau dan lain-lain
- Tegasnya – dapat mewujudkan perniagaan di hujung jari tanpa had masa dan mampu melahirkan ramai usahawan yang berjaya – pada masa sama penipuan dalam talian banyak merugikan pengguna/anggota masyarakat

## Isi 4

- Penyalahgunaan media sosial merupakan punca keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat – menyebabkan perubahan penampilan akhlak – cara pergaulan, berhibur dan berkomunikasi
- Mudah terikut dengan perkara yang melalaikan – berbentuk hiburan ke arah hedonisme/keseronokan berlebihan dan tidak memberikan sumbangan yang positif kepada perkembangan akhlak generasi muda hari ini
- Contohnya – bahan hiburan – melalui Internet, televisyen, Facebook, Twitter, Instagram
- Menghabiskan masa berlebihan untuk bersantai
- Memberi impak yang besar kepada akhlak – berlaku perubahan budaya asing – merubah gaya hidup generasi muda
- Tegasnya, kebanyakan anggota masyarakat – hiburan menjadi pilihan utama berbanding slot agama dan wacana ilmu yang dapat menambahkan ilmu pengetahuan

## Kesimpulan

- Media sosial amat berpengaruh dalam dunia hari ini untuk melestarikan kehidupan masyarakat – dapat memberikan kesan positif dan negatif

- Media sosial mengalami transformasi bukan sekadar sebagai penyebar maklumat malah aktiviti hiburan termasuk baik dan buruk
- Semua pihak tampil untuk bekerjasama dalam memastikan media sosial sentiasa digunakan di jalan yang betul
- Penting untuk masyarakat terutamanya ibu bapa untuk memberikan pendedahan kepada anak tentang penggunaan media sosial dan juga bahayanya mengekspresikan diri tanpa batasan di ruang maya itu agar mereka lebih matang dalam menggunakan teknologi dengan baik

## Tema 12 KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Kepentingan yang pertama ialah seni binaan bangunan warisan negara dapat memberikan contoh dan pengajaran kepada masyarakat, khususnya kepada remaja yang mempunyai semangat patriotisme yang lemah. Seterusnya, dari sudut pelancongan, seni binaan bangunan warisan negara mampu menarik minat pelancong. Tambahan pula, bangunan bersejarah juga memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan di negara ini, khususnya para pelajar dan penyelidik.
- 2 Langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk memelihara dan memulihara bangunan-bangunan bersejarah di Malaysia pertamanya ialah kerajaan perlu mendapatkan pengiktirafan daripada badan dunia seperti UNESCO. Selain itu, kerajaan juga perlu memperuntukkan bajet khas untuk memulihara bangunan bersejarah di Malaysia. Seterusnya, kerajaan juga perlu memberi galakan kepada syarikat-syarikat swasta untuk membantu kerajaan memulihara bangunan bersejarah.

### Kemahiran Membaca

#### Keunikan Makanan Tradisi di Malaysia

- Lambang perpaduan negara.
- Lambang keunikan masyarakat di Malaysia.
- Dimakan dengan pelbagai cara.
- Proses penyediaan dan penghasilannya yang unik atau dengan cara yang tersendiri.
- Keenakan dan rasa membuatkan ramai yang terpicik.
- Hidangan wajib masyarakat setiap kali mengadakan kenduri, majlis perkahwinan dan juadah istimewa ketika hari raya.
- Proses penghasilannya perlu melalui beberapa peringkat kerana ia mempunyai makna tersendiri yang dikaitkan dengan perpaduan dan keakraban sesama ahli keluarga atau penduduk kampung.

#### Kesimpulan (Cadangan & Harapan)

Keunikan makanan tradisi di Malaysia merupakan wahana yang efektif untuk mempromosikan keistimewaan dan keunikan yang dimiliki oleh masyarakat majmuk di negara kita di pentas antarabangsa. Kata orang, tak kenal maka tak cinta. Sudah tiba masanya, rakyat berbilang ras dan agama mengambil tahu, belajar memahami dan menghargai keunikan dan keistimewaan makanan tradisional masyarakat Malaysia dalam proses pembangunan bangsa dan negara.

### Kemahiran Menulis

#### Pendahuluan

- pelbagai jenis seni pertahanan diri mengikut tradisi kaum dan bangsa
- warisan daripada nenek moyang seperti silat, taekwando, wushu, silambam
- kepesatan pembangunan negara, generasi muda kurang kesedaran tentang kepentingan

#### Isi 1

- mempertahankan diri daripada ancaman jenayah dan serangan musuh
- peningkatan kes jenayah, ragut, samun mengakibatkan kehilangan harta dan nyawa
- golongan wanita mudah menjadi sasaran penjenayah
- mempelajari teknik melepaskan diri daripada menjadi mangsa jenayah dan mempertahankan diri daripada serangan musuh
- malang tidak berbau

#### Isi 2

- memperoleh tubuh badan yang sihat
- pergerakan tubuh badan yang aktif dapat manfaat seperti bersenam
- badan akan mengeluarkan peluh, toksik berlebihan dikeluarkan
- berasa lebih bertenaga untuk melakukan aktiviti seharian dan dapat berat badan ideal
- badan cergas minda cerdas

#### Isi 3

- mendisiplinkan diri
- mempelajari pelbagai teknik dan peraturan semasa latihan
- nilai murni tersemam dalam diri, nilai menepati masa, menghormati orang lain
- berkeyakinan untuk menegakkan keadilan dan menghadapi cabaran pada masa akan datang
- alah bisa tegal biasa

### Kesimpulan

- semua golongan perlu memberikan perhatian dan menghargai warisan budaya
- kesedaran masyarakat penting, galakan ibu bapa kepada anak-anak sejak kecil
- melentur buluh biarlah dari rebungunya
- melahirkan masyarakat yang berani dan negara bebas kes jenayah

### Aspek Tatabahasa

Golongan Kata	Contoh
Kata nama	Angpau, China, zaman
Kata kerja	diancam, menewaskan
Kata adjektif	mampu, merah
Kata tugas	pada, di, yang, dalam

### SOALAN SEBENAR SPM

- 1 (i) Jenis bahan digunakan untuk menenun songket:
  - benang sutera halus
  - benang emas
  - benang kapas

(ii) Tujuan penggunaan pakaian berasaskan songket.

**Bahan 1**

- menunjukkan kedudukan pangkat dan kebesaran individu yang memakainya
- sebagai pakaian rasmi majlis tertentu

**Bahan 2**

- berurusan dengan pihak istana
- menyerikan raja sehari ketika majlis perkahwinan

**Bahan 3**

- melambangkan gaya hidup berbudaya tinggi
- menggambarkan jati diri seseorang

(iii) Sebab-sebab ramai yang tidak gemar memakai songket tenunan asli sebagai pakaian harian

- pengaruh budaya luar
- harga yang mahal
- sukar dijaga
- kurang selesa
- dianggap ketinggalan zaman

(iv) Langkah-langkah untuk meningkatkan hasil jualan

- memberikan potongan harga pada musim tertentu
- promosi melalui media sosial
- meningkatkan hasil kualiti produk
- memilih tempat niaga yang strategik
- sentiasa mencari jaringan luar yang berpengalaman

**2 Pendahuluan**

- membincangkan punca-punca/sebab-sebab/faktor-faktor wayang kulit semakin dilupakan/lenyap dan cara-cara/langkah-langkah/kaedah-kaedah/usaha-usaha mengekalkan wayang kulit
- membincangkan punca-punca/sebab-sebab/faktor-faktor permainan wayang kulit semakin dilupakan/lenyap
- membincangkan cara-cara/langkah-langkah/kaedah-kaedah/usaha-usaha mengekalkan wayang kulit

**Isi**

**Fokus 1: Punca-punca/faktor-faktor/sebab-sebab wayang kulit semakin dilupakan/lenyap**

**Bahan 1**

- Bilangan Tok Dalang kian berkurangan
- Generasi muda lebih tertarik dengan permainan digital
- Penubuhan kumpulan wayang kulit memerlukan kos yang tinggi

**Bahan 2**

- Seni warisan ini dianggap ketinggalan zaman
- Ibu bapa menegah/melarang/menghalang anak-anak mewarisi mininati permainan wayang kulit/tradisi ini

**Bahan 3**

- Anak muda sekarang lebih tertarik dengan budaya luar

**Fokus 2: Cara-cara/langkah-langkah/kaedah-kaedah/usaha-usaha mengekalkan wayang kulit**

**Bahan 1**

- Kerajaan mewujudkan sebuah panggung wayang kulit
- Tok Dalang Muda yang dilatih mestilah bijak membuat inovasi dalam persembahan
- Promosi persembahan wayang kulit perlu dibuat secara menyeluruh

**Bahan 2**

- Ilmu tentang permainan wayang kulit ini perlu diajar di menara gading/universiti
- Kerajaan/pihak berkuasa perlu memberi biaya/bantuan kewangan

**Kesimpulan**


- Kesimpulannya, wayang kulit perlu dipertahankan agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

**Tema 13 JATI DIRI, WARGANEGARA PATRIOTIK**

**Kemahiran Mendengar dan Bertutur**

- 1 Warna merah bunga raya melambangkan keteguhan pentadbiran.
- 2 Warna merah bunga raya melambangkan keharmonian masyarakat.
- 3 Warna merah bunga raya melambangkan berani menempuh cabaran.
- 4 Warna merah bunga raya melambangkan keteguhan ekonomi.
- 5 Kelopak bunga raya melambangkan perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, selaras dengan Lima Prinsip Rukun Negara.

**Kemahiran Membaca**

<b>Tajuk:</b> Permainan Tradisional		
<b>Kata kunci/Istilah</b>	<b>Imej (Definisi)</b>	<b>Definisi</b>
Kepentingan permainan tradisional dan usaha mempopularkannya dalam kalangan masyarakat.		Permainan tradisional ialah permainan yang dimainkan oleh masyarakat pada masa dahulu untuk mengisi masa senggang.
<b>Isi Tersurat</b>	<b>Isi Tersirat</b>	
Kepentingan permainan tradisional	Usaha mempopularkan permainan tradisional	
<ol style="list-style-type: none"> <li>1 permainan ini merupakan kebanggaan aset budaya bangsa Malaysia.</li> <li>2 satu daya tarikan yang signifikan dalam industri pelancongan.</li> <li>3 dapat mengukuhkan hubungan masyarakat kita yang berbilang bangsa</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1 Pihak kerajaan mengadakan pesta permainan tradisional</li> <li>2 Menubuhkan persatuan permainan tradisional</li> </ol>	
<b>Rumusan guru:</b>		

## Kemahiran Menulis

### Praktis 1

#### Pendahuluan

- pelbagai cabaran hidup masa ini perlu dihadapi
- kurang semangat patriotik kerana tidak merasai kesusahan hidup semasa zaman penjajahan
- perlu dipupuk bagi menjamin perpaduan antara kaum

#### Isi 1

- mengadakan lawatan sambil belajar ke tempat bersejarah
- mempunyai tinggalan yang kaya dengan pelbagai nilai dan pengajaran untuk dihayati
- pihak sekolah menganjurkan lawatan tersebut
- Kota A Famosa di Melaka dan Muzium Negara

#### Isi 2

- menerapkan nilai patriotik dalam mata pelajaran Sejarah
- mengenali tokoh-tokoh yang memperjuangkan kemerdekaan
- mengajar baik di dalam kelas mahupun di luar kelas
- melakonkan semula watak dan peristiwa sebelum merdeka

#### Isi 3

- menganjurkan sambutan kemerdekaan di sekolah
- memberikan peluang kepada murid untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti
- pelbagai aktiviti menarik sempena sambutan bulan kemerdekaan melibatkan murid pelbagai kaum
- sayangi Malaysiaku

#### Kesimpulan

- perlu dilaksanakan secara progresif agar memberikan impak yang maksimum
- kerjasama komuniti dan pihak sekolah
- melahirkan warganegara yang cinta akan negara
- di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung

### Praktis 2

#### Pendahuluan

- perasaan bangga akan negara merupakan satu elemen yang penting dalam kalangan rakyat di Malaysia
- Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad menegaskan bahawa generasi muda perlu memiliki semangat bangga akan negara dalam diri mereka agar Malaysia mampu mencapai taraf negara maju
- sebagai generasi muda, apakah cara-cara yang perlu saya lakukan untuk menunjukkan rasa bangga akan negara?

#### Isi 1

- saya perlulah mengaplikasikan nilai patriotisme dalam diri
- perlu memupuk semangat sayang akan negara
- saya mengibarkan Jalur Gemilang di rumah dan di sekolah (Bulan Kemerdekaan) dan berdiri tegak semasa lagu Negaraku dinyanyikan
- Sayangi Malaysiaku
- perasaan sayang dan bangga akan negara dapat dipupuk

#### Isi 2

- saya hendaklah mendalami dan memahami sejarah negara
- mengingati jasa-jasa pejuang dan menghargai pengorbanan mereka

- saya melawat ke Muzium Negara dan ke negeri Melaka Bandaraya Bersejarah semasa cuti persekolahan
- jauh perjalanan luas pengalaman
- dapat mengenali tokoh pejuang tanah air dan menerapkan nilai keberanian dalam diri

#### Isi 3

- saya sewajarnya menyertai kem jati diri
- membina keyakinan diri dan sikap bertanggungjawab
- saya menyertai kem bina semangat yang dianjurkan oleh pihak sekolah
- berkeyakinan tinggi dan bertanggungjawab untuk memelihara kesejahteraan negara
- alah bisa tegal biasa

#### Isi 4

- saya seharusnya melibatkan diri secara sukarela dalam aktiviti kemasyarakatan
- menanamkan sikap prihatin dan mengambil berat tentang kebajikan rakyat
- saya menyertai kempen cintai alam sekitar serta bantuan kemanusiaan terhadap mangsa banjir dan bencana alam
- betapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul
- melahirkan rakyat yang sanggup berkorban untuk negara

#### Kesimpulan

- Pelbagai cara perlu saya lakukan untuk menunjukkan perasaan bangga saya terhadap negara.
- saya sewajarnya mengimplementasikan langkah-langkah ini dalam kehidupan saya dan menjadikannya sebagai satu kebiasaan
- supaya negara Malaysia dapat melangkah maju ke hadapan setanding dengan negara-negara lain di dunia; duduk sama rendah berdiri sama tinggi

#### Aspek Tatabahasa

- 1 FN+FN: beliau merupakan seniman yang terpenting dalam dunia sinema Melayu.
- 2 FN+FK: Sumbangan beliau banyak membentuk jati diri bangsa, membentuk cara kita berfikir, bertingkah laku dalam menangani isu-isu tertentu melalui saranan yang disampaikan melalui filemnya. P. Ramlee bijak mengarifi kehendak masyarakat pada zamannya.
- 3 FN+FS: Unsur kritikan dan didikan terhadap satu-satu isu
- 4 FN+FA: P. Ramlee bijak mengarifi kehendak masyarakat pada zamannya.

### SOALAN SEBENAR SPM

- (i) Saranan kepada murid agar mencari guru yang mahir tentang muslihat musuh.
- (ii) Jasa-jasa seorang guru ialah  
**Bahan 1** – Guru merupakan orang yang baik dan mengambil berat. Selain itu, guru sentiasa menjadi pakar rujuk dan tempat berkongsi masalah.  
**Bahan 3** – Guru mengajar ilmu pengetahuan kepada anak-anak murid. Selain itu, guru memberikan nasihat pada setiap waktu.
- (iii) Tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh murid untuk membalas jasa pihak sekolah ialah
  - Murid hendaklah sentiasa mematuhi peraturan sekolah yang telah ditetapkan.

- Murid hendaklah mengharumkan nama sekolah dalam pelbagai pertandingan.
  - Murid hendaklah menjaga nama baik sekolah dengan tidak melakukan perkara negatif sama ada di dalam mahupun di luar kawasan sekolah.
  - Selepas mencapai kejayaan, murid boleh datang semula ke sekolah untuk memberikan pelbagai sumbangan sama ada dalam bentuk wang ringgit ataupun perkongsian.
- (iv) Sebagai sahabat yang prihatin, saya akan
- Membawanya berjumpa dengan guru kaunseling untuk menyelesaikan masalahnya itu.
  - Meminta kebenaran daripada pihak sekolah untuk mengutip sumbangan bagi meringankan beban sahabat saya itu.
  - Menasihatinya untuk terus bersekolah supaya dia jelas tentang kepentingan ilmu demi masa hadapan.
  - Menghadihkan kelengkapan sekolah kepadanya.

## Tema 14 CITRA BAHASA DAN SASTERA KITA

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur Pertandingan Tulisan Berangkai

#### Kekuatan

- Mudah dilaksanakan
- Kos yang murah

#### Kelemahan

- Penyertaan terhad
- Tidak semua murid mahir dan minat

### Pertandingan Pentas Drama Komsas

#### Kekuatan

- Dapat mencungkil bakat murid
- Aktiviti berkumpulan
- Aktiviti mencabar

#### Kelemahan

- Memerlukan lokasi tempat yang sesuai
- Perlukan masa yang lama

### Pertandingan Video Pendek

#### Kekuatan

- Membudayakan penggunaan sumber dan alatan digital dalam kalangan murid
- Dapat mencungkil bakat murid

#### Kelemahan

- Murid tiada peralatan
- Murid kurang kemahiran

### Pertandingan Melukis Poster

#### Kekuatan

- Kos yang murah
- Mudah dilaksanakan

#### Kelemahan

- Penyertaan terhad
- Tidak semua murid mahir dan minat

### Kemahiran Membaca

Pantun	Syair
<b>Persamaan</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puisi Melayu tradisional.</li> <li>• Mengandungi empat baris serangkap.</li> </ul>	

<b>Perbezaan</b>	
1 Setiap rangkap pantun terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian pembayang dan bahagian maksud.	1 Syair tidak mempunyai pembayang (berbeza dengan pantun) dan kesemua baris dalam rangkap merupakan idea atau isi atau maksud cerita syair itu.
2 Rima akhir a,b,a,b.	2 Rima akhir a,a,a,a.

Jawapan cadangan:

#### Pantun ciptaan saya

Anak dara menghidang laksa,  
Kuah diambil dari kualiti;  
Bulan Oktober Bulan Bahasa,  
Berapa ramai yang ambil peduli?

Jual pelita di Pekan Selasa,  
Penat menjual sedari pagi;  
Jika bukan kita memartabatkan bahasa,  
Hendak diharap siapa lagi?

Pergi ke sungai menjala ikan,  
Dapat seekor di tengah hari;  
Sedihnya hati bahasaku dirojakkan,  
Dari kuli hinggalah ke menteri.

Bergelang emas disalut suasa,  
Cincin permata tersarung di jari;  
Kononnya cerdik merojakkan bahasa,  
Ke mana dibuang jati diri?

Menangkap puyu di tengah bendang,  
Luka kaki tertusuk duri;  
Tulisan aku siapa nak pandang,  
Duduklah mengeluh seorang diri.

Sumber: Internet

Jawapan cadangan:

#### Syair ciptaan saya

Salam dihulur kata aluan,  
Syair disembah tema kemerdekaan,  
Aman negara kerana perpaduan,  
Syair didengar kerana kesukaan.

Para pejuang menumpahkan darah,  
Di bumi jati berjuang ghairah,  
Melawan penjajah biar pun parah,  
Syukurlah kita kerana sejarah.

Rombongan peroleh gelaran merdeka,  
Bekerjasama di setiap ketika,  
Kerana merdeka sanggup terluka,  
Toleransi kaum sedia dirangka.

Lepas merdeka semakin berubah,  
Negara membangun tidak lagi rebah,  
Rakyatnya matang tidak lagi gelabah,  
Berdepan rintangan di gunung dan lembah.

Nikmat merdeka perlu dikongsi,  
Pemimpin dan rakyat jangan bersangsi,  
Anugerah alam indah menghiasi,  
Pelabur pun datang mencari nasi.

Mari kita tunjukkan betapa,  
Hebatnya Malaysia kerana apa,  
Perpaduan kaum tidak dilupa,  
Semoga negara tidak dihampa.

Sumber: Internet

## Kemahiran Menulis

### Praktis 1

1

Kesalahan bahasa	Kesalahan tatabahasa
tampok – tampuk	kedua – kedua-duanya
tempuhnya – tempohnya	kearah – ke arah
kehadiran – kemajuan	di – dalam
Peribahasa	
Jawapan: 1 Umpama irama dan lagu 2 Berdiri sama tinggi, duduk sama rendah	

Bahasa dan sastera tidak dapat dipisahkan kedua-duanya, saling memerlukan antara satu sama lain. Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu mula bergerak seiring sejalan apabila Jepun mengambil alih tampuk pemerintahan di Tanah Melayu. Kekalahan Kerajaan Inggeris dan kekejaman pemerintahan Jepun telah menyalakan semangat kebangsaan. Meskipun tempohnya amat singkat, namun zaman itu telah berhasil mendorong dan mendesak orang Melayu melancarkan perjuangan politik ke arah kemerdekaan sama ada melalui parti politik ataupun pertubuhan-pertubuhan yang bersifat bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan. Bahasa dan kesusasteraan mampu memainkan peranannya yang tersendiri dalam sesebuah negara. Walau bagaimanapun, kemajuan sains dan teknologi telah mempengaruhi nilai kesusasteraan dalam kalangan masyarakat. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang turut memperjuangkan seni karya sastera sehingga setanding di pentas global.

2

Kesalahan bahasa	Kesalahan tatabahasa
mencampak – menghempas	daripada – dari
mendokong – mendukung	Bila – Apabila
terlerai – terburai	dipenjara – di penjara
Peribahasa	
Jawapan: 1 Bagai melepaskan batuk di tangga 2 Kacang hantu 3 Berlapang dada 4 Bagai menatang minyak yang penuh	

Adik langsung tidak menunjukkan kesungguhan dalam pembelajaran, bahkan bergaul dengan budak liar. Dia pernah menghempas cawan kaca hingga kaki bonda berdarah, gara-gara bonda enggan memberi RM5 seperti yang diminta. Namun, bonda tidak pernah marah, bahkan tetap mendukung adik dari tingkat atas walaupun usia adik sudah 12 tahun. Apabila adik mahu berhenti sekolah setakat darjah enam, bonda tidak mampu menyekat. Malah, usaha kakak kembar dua beradik itu, Kak Long yang belajar di Texas dan Kak Ngah di Monash, Australia juga buntu. Kesabaran Kak Cik terburai setelah adik mengungkit tentang ayah mereka yang meninggal dunia di penjara akibat fitnah.

### Praktis 2

#### Pendahuluan

- amalan berbudi bahasa merupakan satu unsur penting dalam kalangan masyarakat Malaysia
- Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad menegaskan bahawa generasi muda perlu memupuk amalan berbudi bahasa dalam diri mereka agar Malaysia dipandang tinggi di persada antarabangsa
- apakah usaha yang perlu saya lakukan untuk memupuk amalan berbudi bahasa?

#### Isi 1

- saya perlulah menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian
- perlu menjadikan penerapan nilai-nilai murni sebagai tunjang dalam kehidupan
- saya bercakap dengan tutur kata yang sopan, lemah lembut dan merendahkan suara ketika berkomunikasi
- kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
- amalan berbudi bahasa dapat dipupuk dalam diri

#### Isi 2

- saya hendaklah menjadi suri teladan kepada orang lain
- menunjukkan contoh peribadi dan akhlak mulia
- saya menjaga adab, bertoleransi dan menghormati orang yang lebih tua
- yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan
- amalan berbudi bahasa dapat diperluas dan menjadi ikutan kepada orang lain

#### Isi 3

- saya sewajarnya menyokong kempen-kempen yang berkaitan dengan amalan berbudi bahasa
- menayakan usaha penerapan amalan berbudi bahasa
- saya menyertai kempen yang dianjurkan oleh pihak kerajaan
- tahap kesedaran diri dan masyarakat dapat ditingkatkan
- Budi Bahasa Budaya Kita

#### Isi 4

- saya seharusnya melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan
- menanamkan sikap prihatin dan mengambil berat tentang kebajikan masyarakat
- saya menyertai kempen cintai alam sekitar serta bantuan kemanusiaan terhadap mangsa banjir dan bencana alam
- betapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul
- melahirkan masyarakat yang sanggup membantu orang yang memerlukan bantuan

## Kesimpulan

- pelbagai cara perlu saya lakukan untuk memupuk amalan berbudi bahasa
- saya sewajarnya mengimplementasikan langkah-langkah ini dalam kehidupan saya dan menjadikannya sebagai satu kebiasaan
- supaya imej negara Malaysia dapat ditingkatkan di mata dunia

## Aspek Tatabahasa

- 1 Proses peluasan: Kita mestilah sayang akan bahasa kita kerana bahasa itu identiti bangsa.
- 2 Proses peluasan: Media massa dan masyarakat umum perlu bekerjasama bagi aur dengan tebing.
- 3 Proses pengguguran: Kita mesti menggunakan bahasa yang betul pada setiap masa dan keadaan.
- 4 Proses penyusunan semula: Pendapat kamu itu saya setuju.

## SOALAN SEBENAR SPM

### 1 Pendahuluan

- Bahasa Melayu telah menjadi bahasa perhubungan atau lingua franca lebih 600 tahun lalu
- Telah dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan negara dan telah menjadi bahasa rasmi sejak merdeka
- Termaktub dalam Perlembagaan Negara, iaitu Perkara 152
- Kemelut yang melanda – rakyat negara ini semakin meminggirkan bahasa Melayu
- Perlu membuktikan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa kemajuan
- Kata-kata keramat Bahasa Jiwa Bangsa dijulung kembali
- Usaha-usaha memartabat bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa perlu dilakukan secara berkesan

### Isi 1

- Pihak kerajaan perlu memainkan peranan yang dominan – memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa
- Lalui peranan dan usaha yang dimainkan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Contohnya – menggunakan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang, termasuklah undang-undang, kejuruteraan, sains dan teknologi, ekonomi, perbankan, insurans dan sebagainya
- Terbukti dengan terbitnya buku-buku peristilahan dan glosari dalam bahasa Melayu
- mencakupi pelbagai bidang – bersungguh-sungguh – hendak menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan
- Usaha ini merupakan satu kejayaan yang membanggakan – dapat membantu program pendidikan di pusat

### Isi 2

- Menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara luar
- Menggunakan bahasa Melayu dalam ucapan majlis perasmian, mesyuarat atau perhimpunan
- Contohnya pihak DBP menjalin hubungan dengan Radio Antarabangsa China (CRI)
- Menghantar penasihat bahasa – berkhidmat sebagai editor yang menyemak artikel dan berita yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk Siaran Bahasa Melayu – membuat dengan sempurna – alang-alang berminyak biar sampai licin
- Kesannya – mengeratkan lagi hubungan CRI dengan DBP seiring dengan matlamat kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu di persada dunia

- Perlu memperkukuh hubungan diplomatik dengan negara maju – agar bahasa Melayu dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

### Isi 3

- Pihak kerajaan melalui DBP hendaklah menjadi mata dan telinga dalam menggerakkan semua aktiviti pembinaan dan pemantapan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa
- Sentiasa menasihati, menegur, dan membimbing pemimpin kerajaan, swasta, media cetak, atau media elektronik supaya menggunakan bahasa Melayu yang betul dalam semua urusan rasmi di dalam atau di luar negara
- Contohnya memastikan sektor swasta peka akan penggunaan bahasa Melayu
- Mengajukan lebih banyak kegiatan bahasa di luar negara seiring dengan promosi perniagaan atau produk masing-masing
- Impaknya – kegiatan promosi dan pasaran secara terancang akan memberikan pulangan yang memberangsangkan perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa ekonomi, sains, dan teknologi
- Dapat mendaulatkan dan memartabatkan bahasa Melayu bukan sahaja di negara kita malah di pentas dunia

### Isi 4

- Pihak kerajaan memastikan institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negara memainkan peranan yang proaktif memartabatkan bahasa Melayu
- Mahasiswa perlu bergerak bersama-sama bagi mengukuhkan bahasa Melayu dalam semua bidang ilmu
- Sebagai contoh, Datuk Mahadzir Mohd Khir, mantan Timbalan Menteri Pendidikan – mengatakan bahawa langkah-langkah yang dijalankan oleh mahasiswa dengan mengemukakan Minggu Bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi dalam kegiatan pengantarabangsaan budaya dan bahasa Melayu – akan menarik minat masyarakat antarabangsa
- Dapat mendaulatkan bahasa ibunda di samping memupuk kecintaan terhadap bahasa Melayu dalam kalangan – masyarakat tempatan dan luar negara
- Komitmen dan perancangan yang teliti – dilakukan bagi menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan selera – sudah pasti hasrat memartabatkan bahasa Melayu di persada antarabangsa akan tercapai

## Kesimpulan

- Kesimpulannya – penglibatan kerajaan dalam memartabat bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa amatlah penting
- Langkah-langkah yang konkrit dan pragmatik perlulah diambil
- Hakikat ini perlu disedari dan diakui oleh seluruh rakyat Malaysia
- Kepentingan bahasa ini tidak dapat dipertikaikan lagi
- Setiap individu harus menyokong hasrat ini – memanfaatkan masa mereka untuk mempelajari dan menguasai bahasa Melayu dengan baik dan mempromosikannya ke seluruh pelosok dunia
- Cara itulah yang terbaik untuk memartabatkan bahasa Melayu yang ternyata memberikan faedah yang besar kepada perpaduan rakyat dan teknologi negara
- Jika tidak, generasi yang akan datang akan ketinggalan dan dijajah oleh kuasa-kuasa Barat yang menggunakan bahasa asing
- Sesungguhnya, bahasa jiwa bangsa

- 2 Telah diketahui sehingga ke benua Siam bahawa Melaka sebuah negeri besar yang tidak tunduk kepada Siam, lalu Paduka Bubunnya menyuruh pergi ke Melaka untuk meminta surat menyerah diri. Namun, Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyerah diri kepada benua Siam. Raja Benua Siam sangat marah sehingga memerintahkan untuk bersiap sedia bagi menyerang Melaka; Panglimanya yang bernama Awi Cakri, membawa rakyat yang terlalu banyak sehingga tidak terkira.
- 3 Ada seorang orang Kelang mengatakan dirinya dianiayai oleh Tun Perak. Dia mengadu hal kepada ke bawah duli baginda. Baginda menitahkan bentara Seri Amerta untuk memanggil Tun Perak bagi bertanya hal, lalu Tun Perak datang menghadap. Seri Amerta bertanya kepada Tun Perak, "Orang ini sebenarnya Tun Perak, telah mengadu hal kepada Duli Yang Dipertuan, mengatakan bahawa dia telah dianiayai oleh tuan/Tun Perak.
- 4 Baginda berfikir cara terbaik untuk mendamaikan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Lalu baginda menyuruh pengawal memanggil Seri Nara Diraja; dia pun hadir. Maka Sultan Muzaffar Syah bertitah, "Mahukah Seri Nara Diraja perkahwin?"  
Seri Nara Diraja bersembah, "Jikalau Duli Yang Dipertuan memberi kebenaran, baiklah, tuanku." Baginda bertitah, "Mahukah Seri Nara Diraja mengahwini Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?"
- 5 Seri Amerta berasal dari Pasai, tanah Samudera namanya. Disebabkan beliau cerdik dan fasih berbicara, beliau dilantik oleh baginda sebagai bentara yang diberi gelaran Seri Amerta. Baginda menyediakan sebuah bangku tebal dan kedudukan bangku itu adalah di bahagian bawah hampir dengan tempat duduk baginda. Di situlah beliau memegang pedang dan menyampaikan setiap titah raja.

## Tema 15 INDUSTRI CEMERLANG, NEGARA GEMILANG

### Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Bahan 1 dan bahan 2 membincangkan kepentingan industri pelancongan dan usaha-usaha memajukan industri pelancongan.

Kepentingan industri pelancongan ialah menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Selain itu, meningkatkan permintaan tenaga kerja yang terlatih dan berpengalaman dalam industri pelancongan. Seterusnya, memberikan peluang perniagaan berangkai kepada rakyat. Hal ini mampu mengurangkan kadar pengangguran di negara kita. Mampu meningkatkan ekonomi negara dari segi pengaliran wang asing masuk ke negara kita. Pusat-pusat penginapan juga giat dibina.

Usaha-usaha memajukannya ialah mempromosikan industri pelancongan Malaysia ke peringkat global melalui media sosial. Selain itu, peranan kerajaan dalam mengekal dan menambah baik industri pelancongan.

Kesimpulannya, semua pihak harus bersama-sama memajukan industri pelancongan ini agar ekonomi negara lebih berkembang maju.

### Kemahiran Membaca

#### Kepentingan Perindustrian di Malaysia

- 1 Peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.
- 2 Mengurangkan kadar pengangguran.
- 3 Meningkatkan taraf hidup rakyat.
- 4 Dapat menggantikan barangan import.
- 5 Menggalakkan pertumbuhan kegiatan pertanian, perlombongan, pembalakan dan perikanan yang menjadi sumber bahan mentah industri.
- 6 Penting untuk kemajuan sistem pengangkutan dan perhubungan negara.
- 7 Dapat mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara supaya tidak terlalu bergantung kepada eksport seperti getah, kelapa sawit, bijih timah dan kayu-kayuan.
- 8 Hasil eksport barangan kilang dapat menambahkan hasil pendapatan negara melalui sumber pertukaran wang asing.

#### Kesimpulan (Cadangan & Harapan)

Kesimpulannya, sektor perindustrian di negara kita harus dikembangkan ke peringkat antarabangsa agar industri ini terus kekal menjadi sektor penting untuk memajukan negara serta memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara.

### Kemahiran Menulis

Rumusan membincangkan cabaran-cabaran dalam memajukan sektor pelancongan dan usaha menggalakkan industri pelancongan di Malaysia.

Antara cabarannya ialah kenaikan harga minyak terutamanya yang berkaitan dengan kos tambang penerbangan dan wabak penyakit yang berlaku sama ada pandemik, epidemik atau endemik. Selain itu, lambakan warga asing yang datang mencari rezeki dan bencana alam. Seterusnya, ketidakstabilan politik dan pada musim tertentu hotel akan menaikkan harga.

Usaha menggalakkan industri pelancongan ialah program 'Malaysia Welcome The World' yang dilancarkan oleh kerajaan dan pemberian diskaun destinasi pelancongan.

Kesimpulannya, semua pihak perlu giat memajukan sektor pelancongan supaya negara maju.

### Aspek Tatabahasa

- 1 • Beliau berkata, Kelas Satu bermaksud air sungai selamat diminum.  
• Beliau berkata, Kelas Satu bermaksud air sungai hanya memerlukan rawatan air yang sangat minimum.  
• Beliau berkata, Kelas Satu bermaksud air sungai sesuai untuk menjadi habitat hidupan akuatik.
- 2 • Justeru, katanya, kerajaan negeri perlu memastikan semua pembangunan dan aktiviti manusia dipantau mengikut undang-undang sedia ada.  
• Justeru, katanya, pihak terbabit perlu memastikan semua pembangunan dan aktiviti manusia dipantau mengikut undang-undang sedia ada.

**1 Pendahuluan**

Trend gaya kehidupan masyarakat yang serba moden dan terkejar-kejar dek masa pada masa ini menyebabkan banyak peniaga makanan beralih kepada satu lagi jenis perniagaan makanan yang berkonsepkan sejuk beku. Oleh sebab permintaan yang tinggi daripada pelanggan, peniaga-peniaga produk berkenaan dilihat seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Lebih-lebih lagi semenjak negara berdepan dengan pandemik Covid-19, permintaan terhadap produk ini dilihat semakin membesar dan mempunyai potensi yang besar dalam sektor perniagaan tanah air. Walau bagaimanapun, masih ada dalam kalangan pengusaha produk berkenaan yang belum arif tentang cara untuk mengembangkan produk berkenaan sehingga menyebabkan perniagaan mereka tidak mampu melangkah lebih jauh menembusi pasaran yang lebih besar.

**Isi 1**

Dalam usaha mengembangkan perniagaan sejuk beku, peniaga-peniaga perlu lebih bijak menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin pesat di negara ini. Mereka boleh menjadikan aplikasi sedia ada seperti Facebook, Instagram dan Tiktok sebagai platform memasarkan produk-produk berkenaan. Mereka perlu membuka mata dengan lebih luas dan menjadi peniaga yang kreatif untuk mengiklankan produk sejuk beku mereka hanya dengan menggunakan kemudahan-kemudahan di hujung jari kerana yang secukupnya tidak akan jadi segantang. Kesannya, perniagaan mereka bukan sahaja diketahui oleh pembeli berhampiran malah boleh menjangkau pembeli dari luar negeri yang dapat membuat pesanan menerusi pelbagai aplikasi dalam talian. Tambahan pula, pada era pascamodenisasi ini terdapat pelbagai perkhidmatan penghantaran yang efisien dengan menjamin kualiti produk yang diniagakan tersebut. Jelaslah bahawa, pemasaran produk sejuk beku menerusi dalam talian dapat mengembangkan potensi perniagaan ini.

**Isi 2**

Sejajar dengan topik yang dibincangkan ini, pengusaha produk sejuk beku juga hendaklah bijak dalam merebut segala insentif yang disediakan oleh pihak kerajaan. Hal ini demikian kerana kerajaan menerusi Kementerian Kewangan memperuntukkan geran bernilai berbilion ringgit dalam pembentangan belanjawan pada setiap tahun. Terdapat juga agensi seperti SME Corporation Malaysia (SME Corp) yang bertanggungjawab menyalurkan geran tersebut kepada peniaga-peniaga yang layak. Dengan menggunakan peruntukan tersebut, pengusaha-pengusaha boleh menambah baik strategi pemasaran dan meluaskan perniagaan mereka kepada satu tahap yang lebih maju berbanding sebelumnya. Sudah banyak peniaga yang berjaya dengan bantuan geran tersebut termasuklah peniaga dari Terengganu, Saiful Nizam Marzuki yang menghasilkan karipap dan kuih ropa secara sejuk beku. Kemudahan yang disediakan oleh kerajaan ini juga membolehkan peniaga di kawasan pedalaman mendapat manfaat yang sama.

**Isi 3**

Bukan itu sahaja, pengusaha perniagaan tersebut juga hendaklah berani tampil menerusi jalinan kerjasama bersama-sama pasar raya terkemuka di negara ini. Situasi

ini samalah seperti peribahasa Melayu, jika takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai, maka jika pengusaha takut untuk berdepan dengan risiko, jangan sesekali masuk ke dalam dunia perniagaan. Sebagai contoh, mereka boleh memohon supaya produk yang dihasilkan itu dipasarkan di pasar-pasar raya yang ternama seperti Giant, Aeon dan Mydin. Kaedah ini dilihat sangat berkesan kerana majoriti rakyat negara ini menjadikan pasar raya terkemuka ini sebagai platform membeli-belah pada setiap hari. Dalam usaha yang sama, pengusaha produk sejuk beku juga menjalinkan kerjasama dengan pelbagai syarikat francais di kawasan berhampiran atau secara dalam talian. Jelaslah bahawa pendekatan mudah ini dilihat sangat berkesan untuk mengembangkan potensi perniagaan makanan sejuk beku.

**Kesimpulan**

Secara tuntasnya, banyak usaha yang boleh dilakukan oleh pengusaha untuk mengembangkan perniagaan makanan sejuk beku. Walau bagaimanapun, dalam menjalankan perusahaan ini, mereka tidak boleh mudah mengalah malah perlulah sentiasa positif dan mengamalkan pendekatan alah bisa tegal biasa. Hal ini dikatakan demikian kerana kejayaan tidak akan datang kepada seseorang seperti yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang tanpa usaha yang gigih mengiringi perjalanan mereka. Oleh yang demikian, semua pengusaha diharapkan terus berfikiran terbuka dalam mengembangkan perniagaan makanan sejuk beku ini kerana potensinya diramalkan akan melonjak naik berdasarkan trend kehidupan masyarakat yang kian berubah pada masa ini.

**2 muda**

- Maksud: belum tua (orang dan lain-lain), masih remaja
- Ayat Contoh: Buah mempelam masih muda dan rasanya agak masam.

**kecil**

- Maksud: tidak besar atau kurang besarnya daripada yang biasanya (seharusnya, selalunya, dan sebagainya)
- Ayat contoh: Bayi itu menangis kerana digigit oleh semut kecil.

**sukar**

- Maksud: tidak mudah (senang), payah, sulit, susah
- Ayat Contoh: Soalan peperiksaan itu sangat sukar untuk dijawab oleh calon-calon SMK Batu 8.

**lesu**

- Maksud: lemah (kerana tidak puas tidur, kurang makan dan sebagainya), tidak cergas, letih
- Ayat Contoh: Murid-murid sekolah itu kelihatan lesu ketika di tapak perhimpunan.

**kurang**

- Maksud: tidak atau belum sampai kepada angka (ukuran, takat, dan lain-lain) yang tertentu, tidak atau belum cukup (genap, lengkap, sampai, tepat, dan lain-lain)
- Ayat contoh: Rasa gulai kawah itu kurang garam setelah ditambah air yang banyak.

**sesuai**

- Maksud: padan benar (keadaan, rupa, dan lain-lain), cocok benar.
- Ayat contoh: Busana tarian itu sangat sesuai dengan tema yang dipilih.

**Kemahiran Mendengar dan Bertutur**

Novel	Cabaran/Konflik yang dihadapi oleh watak utama	Cara menyelesaikannya
<b>DI SEBALIK DINARA</b>	Konflik berlaku apabila Farisha mengetahui yang dirinya hanyalah anak angkat kepada keluarga Azraai. Farisha berasa sangat sedih dan menangis semalaman.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kita perlu tabah menghadapi situasi tersebut.</li> <li>• Mencari maklumat lebih lanjut tentang ibu bapa kandung.</li> </ul>
<b>SILIR DAKSINA</b>	Cabaran untuk meneruskan kesenian zapin di Kampung Seri Purnama.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbicang dengan penduduk kampung dan mendapatkan persetujuan ketua kampung.</li> <li>• Mendapatkan kerjasama dan bantuan daripada rakan-rakan.</li> </ul>

**Kemahiran Membaca**

**Kesan-kesan**

- 1 Memberikan imej buruk terhadap daya saing dan urus tadbir baik dalam kerajaan.
- 2 Memberikan kesan kepada ketelusan dan keberkesanan sistem pentadbiran kerajaan.
- 3 Memberikan kesan terhadap pembangunan negara.

**Langkah-langkah**

- 1 Jenayah rasuah dikenakan hukuman yang berat.
- 2 Melaksanakan pusingan kerja dalaman sekurang-kurangnya 50 peratus daripada pegawai yang layak.
- 3 Nilai moral dan integriti seseorang pekerja itu perlu ditingkatkan.
- 4 Usaha ke arah memantapkan integriti kakitangan awam perlu ditingkatkan.
- 5 Latihan berterusan perlu diberikan kepada semua kakitangan.
- 6 Penekanan terhadap nilai murni dan pemantapan kerohanian perlu diterapkan dalam masyarakat terutama melalui kempen, iklan, khutbah, ceramah agama dan penggunaan media sosial.

**Kemahiran Menulis**

Pendahuluan
Rasuah merupakan gejala yang sinonim dengan masyarakat kita pada hari ini dan menjadi buah mulut media massa. Media massa selalu menyiarkan pelbagai kes rasuah yang melibatkan pegawai berprofil tinggi sebagai bukti isu ini semakin berleluasa bak cendawan tumbuh selepas hujan. Senario ini amat menggemparkan kerana gejala rasuah akan mencemarkan nama baik negara kita. Persoalannya, apakah punca yang menyebabkan gejala rasuah ini berlaku? ayuh, kita runtkaikan satu persatu.

**Isi-isi penting**

<b>Ayat Topik – Isi 1</b>	Terdapat pelbagai punca yang membolehkan seseorang cenderung untuk melakukan jenayah ini. Antaranya adalah disebabkan oleh individu itu sendiri.
<b>Mengapa (Ayat Huraian Topik)</b>	Maksudnya, individu yang mempunyai keperibadian yang lemah seperti kurangnya iman dan bersifat materialistik.
<b>Bagaimana (Ayat Contoh)</b>	Sikap mahu hidup mewah, riak, menunjuk-nunjuk, tamak, ingin cepat kaya dan sebagainya adalah pendorong berlakunya rasuah bagi mereka yang lemah keperibadiannya.
<b>Kesan (Ayat Menghuraikan Contoh)</b>	Secara logiknya, seseorang itu sememangnya mengetahui bahawa rasuah adalah dilarang oleh agama dan undang-undang, tetapi sanggup melakukannya dengan seribu satu alasan peribadi.
<b>Ayat Topik – Isi 2</b>	Selain itu, rasuah ini juga disebabkan oleh kelemahan kepimpinan dalam sesebuah organisasi.
<b>Mengapa (Ayat Huraian Topik)</b>	Sesebuah organisasi seharusnya mempunyai pemimpin yang tegas, telus dan adil dalam menjalankan segala operasi organisasinya.
<b>Bagaimana (Ayat Contoh)</b>	Ini bagi memastikan organisasi dapat menghindari masalah dalaman yang berpunca dari pucuk pimpinan itu sendiri.
<b>Kesan (Ayat Menghuraikan Contoh)</b>	Kepimpinan yang lemah menyebabkan kurangnya penyeliaan, tiada pemantauan, lambat dalam menjalankan tugas dan terbuka kepada penyelewengan khususnya gejala rasuah ini.
<b>Ayat Topik – Isi 3</b>	Rasuah juga berpunca daripada sosial dan budaya yang telah diterapkan dalam masyarakat Malaysia.
<b>Mengapa (Ayat Huraian Topik)</b>	Wabak sosial ini telah menular dalam kalangan masyarakat kita sehingga dianggap sebagai asam garam kehidupan dan merupakan kebiasaan di negara kita.
<b>Bagaimana (Ayat Contoh)</b>	Sebagai contoh, masyarakat majmuk di Malaysia sering mengamalkan tradisi memberi hadiah dalam bentuk wang dan benda, sempena menyambut hari-hari kebesaran hari perayaan, majlis hari jadi, hari perkahwinan dan sebagainya.
<b>Kesan (Ayat Menghuraikan Contoh)</b>	Jadi, mereka yang memberi dan menerima rasuah akan merasakan kegiatan mereka adalah sesuatu perkara biasa atau perkara normal di mata masyarakat.
<b>Kesimpulan</b>	
<b>Penegasan Tajuk</b>	Konklusinya, rasuah merupakan wabak sosial yang harus dibanteras hingga ke akar umbi.

<b>Cadangan</b>	Semua pihak tidak kira pangkat atau harta seharusnya menggembleng tenaga dan berganding usaha untuk mengatasi gejala rasuah di negara kita.
<b>Harapan</b>	Jika setiap individu memainkan peranan dengan mengelakkan diri daripada mengambil rasuah, nescaya masalah ini dapat ditangani kerana bak kata pepatah, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Lantas, negara kita dapat terus maju dan muncul sebagai sebuah negara kelas pertama di pentas dunia.

### Aspek Tatabahasa

- 1 Ayat aktif:
  - Saya tulis laporan itu semalam.
  - Saya akan tolong awak semak semula laporan itu.
- 2 Ayat pasif:
  - Laporan itu akan dibentangkan oleh Cikgu Haris pada minggu hadapan.
  - Semua gambar yang kita ambil sudah dimasukkan ke dalam laporan itu.

## SOALAN SEBENAR SPM

### 1 Pendahuluan

- membincangkan ciri-ciri/kriteria-kriteria mempengaruhi media sosial dan peranan-peranan/tanggungjawab-tanggungjawab/tugas-tugas mempengaruhi media sosial
- membincangkan ciri-ciri/kriteria-kriteria mempengaruhi media sosial
- membincangkan peranan-peranan/tanggungjawab-tanggungjawab/tugas-tugas mempengaruhi media sosial

### Isi

#### Fokus 1: Ciri-ciri/kriteria-kriteria mempengaruhi media sosial

##### Bahan 1

- Seorang yang bersedia menerima teguran daripada pengguna media sosial
- Seorang yang menghargai kesetiaan pengikutnya
- Seorang yang telus terhadap penyampaianannya

##### Bahan 2

- Mempunyai penampilan diri yang menarik
- Mempunyai keyakinan diri untuk berkomunikasi dengan baik

#### Fokus 2: Peranan-peranan/tanggungjawab-tanggungjawab/tugas-tugas mempengaruhi media sosial

##### Bahan 1

- Pemilihan maklumat yang bermanfaat untuk disebarkan kepada pengguna
- Melahirkan generasi berilmu pengetahuan luas
- Meningkatkan kepercayaan pengikut
- Mempengaruhi perubahan corak pemikiran individu

##### Bahan 3

- Menjadi suara pendesak kepada mana-mana pihak
- Desak pihak berkenaan untuk baiki kelemahan sistem atau perkhidmatan

- Menyampaikan masalah masyarakat kepada pihak berkuasa

### Kesimpulan

- Kesimpulannya, pengaruh media sosial perlu telus menyampaikan maklumat agar keharmonian rakyat terjamin
- 2 • Seperti kera mendapat bunga/Bagai enau di dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing
  - Melentur buluh biarlah daripada rebungunya

## ANTOLOGI SEJARAH RINDU

### Praktis 1

- 1 Maksud rangkai kata benih keinsafan ialah datang penyesalan/diberikan kesedaran.
- 2 Berdasarkan semua bahan, cara-cara anak untuk membalas jasa ibu bapa ialah berbakti kepada ibu bapa, mencurahkan kasih sayang kepada ibu bapa, dan menghormati ibu bapa.
- 3 Pada pendapat saya, selain ibu bapa, peranan yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mencapai hasrat membina keluarga bahagia ialah saling membantu antara jiran supaya wujud kemesraan. Selain itu, pihak kerajaan menganjurkan kursus keibubapaan agar ketua keluarga tahu memainkan peranannya.
- 4 Sebagai remaja yang bertanggungjawab, peranan saya untuk memastikan bahawa rakan-rakan saya supaya tidak tergolong sebagai anak-anak yang melupakan jasa ibu bapa ialah menceritakan balasan kebaikan dan kejayaan anak yang telah berjaya dalam hidup kerana mendahulukan ibu bapa. Selain itu, mengingatkan rakan-rakan bahawa melupakan serta mengabaikan ibu bapa merupakan satu dosa besar.

### Praktis 2

- 1 Maksud rangkai kata ilmu ditimba ialah pengetahuan diambil/diperoleh.
- 2 Sifat-sifat baik yang perlu diamalkan dalam kehidupan seharian adalah seperti:
  - menghormati tetamu
  - banyak bersedekah
  - berbudi bahasa
  - sayang-menyayangi, bertegur sapa
  - murah hati/suka menderma/pemurah
  - berjasa dalam masyarakat
- 3 Punca-punca generasi muda kurang menitikberatkan amalan berbudi bahasa:
  - pengaruh rakan sebaya
  - pengaruh media massa/media sosial
  - kurang didikan agama/tiada pegangan hidup/tiada jati diri
  - tekanan yang dihadapi dalam kehidupan
- 4 Bentuk-bentuk bantuan yang boleh saya hulurkan kepada jiran saya bagi memastikan proses baik pulih rumahnya berjalan lancar:
  - saya membantu mendapatkan bantuan kewangan melalui kutipan sumbangan
  - saya membantu jiran di tempat tinggal sementara dengan perkara-perkara yang sepatutnya

### Praktis 3

- 1 Maksud rangkai kata waras akal ialah sempurna pemikiran/fikiran.

- 2 Tanggungjawab seseorang yang bergelar mahasiswa ketika melanjutkan pelajaran di universiti:
  - menyiapkan semua tugas
  - belajar bersungguh-sungguh
  - menimba pengalaman baharu
  - menghormati warga pendidik
- 3 Peranan ibu bapa untuk memastikan anak-anaknya berjaya dalam pelajaran:
  - menyediakan tempat belajar yang kondusif
  - memberi dorongan dan tunjuk ajar
  - mengawasi perkembangan dan pergaulan anak-anak dengan rakan sebaya
- 4 Tindakan-tindakan yang boleh saya lakukan untuk membantu rakan saya:
  - menasihati rakan kepentingan ilmu dan pelajaran
  - memberi dorongan dan tunjuk ajar
  - mengawasi perkembangan dan pergaulan rakan
  - mengajak rakan belajar bersama-sama

#### Praktis 4

- 1 Maksud rangkai kata di daerah angkara ialah tempat kejadian.
- 2 Sikap yang perlu kita miliki untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh:
  - kita harus berani
  - hidup bersatu
  - jangan lupa tentang matlamat utama kita untuk memastikan Tanah Melayu mesti merdeka
- 3 Cara-cara untuk mengisi kemerdekaan negara:
  - pengisian ilmu
  - kukuhkan jati diri bangsa/warganegara
  - pembangunan ekonomi
  - mengurangkan jenayah/kekalkan keamanan
- 4 Sebagai ketua kelas, tindakan saya:
  - berbincang dengan guru kelas untuk meminta pendapat/membahagikan tugas kepada rakan-rakan/kumpulan
  - membentangkan/memberitahu guru kelas tentang perancangan
  - mencari sumber kawangan
  - menetapkan jadual kerja bagi rakan-rakan/kumpulan

### NOVEL

#### Praktis 1

- 1 Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Haiqal apabila tiba di stesen bas ialah bertanya kepada seorang pengawal keselamatan tentang lokasi surau yang terdekat, mengucapkan terima kasih, dan naik ke atas mengikut petunjuk surau yang ditampal di tepi dinding anak tangga yang dipanjatnya.
- 2 Peristiwa-peristiwa yang dapat dijadikan panduan hidup kepada pembaca.
  - (a) **Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip**
    - Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip. Terdapat pelbagai peristiwa yang dapat dijadikan panduan hidup kepada pembaca. Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Embong memastikan anak-anaknya mendapat pendidikan yang baik. Walaupun Embong hidup dalam kemiskinan tetapi dia tetap mementingkan pelajaran anak-anaknya. Embong marah apabila Dahlia bercadang untuk berhenti sekolah kerana mahu membantu keluarga sedangkan dia masih mampu mencari rezeki untuk anak-anaknya. Peristiwa ini memberikan panduan

hidup kepada pembaca mementingkan pendidikan anak-anak agar masa depan mereka terjamin.

- Peristiwa yang kedua ialah peristiwa Dahlia menjaga dan menguruskan ibunya yang mengalami masalah kesihatan mental. Dahlia memujuk ibunya yang berada di kebun getah untuk balik ke rumah mereka kerana hari semakin gelap tetapi tidak berjaya. Akhirnya, Saleha berjaya dibawa balik oleh Embong. Peristiwa ini memberikan panduan hidup kepada pembaca agar menjaga orang yang menghadapi masalah mental dengan sebaik-baiknya dan bukan membiarkan mereka merayau-rayau tanpa arah.

#### (b) Tirani karya Beb Sabariah

- Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah Tirani karya Beb Sabariah. Antara peristiwa yang boleh dijadikan panduan hidup ialah peristiwa Waheeda yang mengalami masalah kemurungan akibat kegagalan rumah tangga dan telah mula bangkit serta berusaha melupakan kenangan lalu dengan memajukan Chalet Aya Sajinah. Peristiwa ini boleh dijadikan panduan hidup kerana walaupun kita gagal namun kita tidak boleh terlalu mengikut perasaan sedih itu sebaliknya berusaha untuk kehidupan yang mempunyai masa depan.
- Seterusnya, peristiwa yang boleh dijadikan panduan hidup ialah peristiwa Waheeda gigih mendapatkan pinjaman tabung usahawan siswazah daripada Bank Pembangunan untuk menubuhkan Syarikat Tajau Emas. Peristiwa ini boleh dijadikan panduan hidup kerana setiap usaha yang dilakukan oleh Waheeda dapat dijadikan contoh teladan kepada kita agar gigih berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang kita inginkan dan akhirnya kita pasti akan berjaya.

#### (c) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Peristiwa pertama ialah Muhamad Taufik telah pergi ke stesen minyak Petronas untuk menemui lelaki yang tidak dikenali seorang diri dan akhirnya dia telah diculik. Peristiwa ini memberikan panduan hidup kepada pembaca agar berhati-hati dan berwaspada sepanjang masa untuk menjaga keselamatan diri.
- Seterusnya, peristiwa yang boleh dijadikan panduan hidup ialah peristiwa Nurul Hafsa kecewa kerana hanya dapat melihat enam ekor kelip-kelip di sungai Kampung Kuantan. Peristiwa ini memberikan panduan hidup kepada pembaca ialah kita perlu menjaga alam sekitar agar tidak berlaku kemusnahan habitat haiwan.

#### (d) Silir Daksina karya Nizar Parman

- Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah Silir Daksina karya Nizar Parman. Peristiwa pertama ialah peristiwa Abang Saleh dan Abang Bidin menjaga kebun kelapa sawit arwah ayah Haiqal dengan penuh tanggungjawab. Mereka mengemas kebun dengan bersih dan menyusun pelepah-pelepah sawit dengan teratur dan kemas. Peristiwa ini dapat dijadikan panduan hidup oleh pembaca agar pembaca menjaga dan menjalankan amanah yang telah diberikan oleh seseorang dengan sebaik-baiknya.
- Seterusnya, peristiwa yang boleh dijadikan panduan hidup ialah peristiwa Tauke Ong dengan Ai Ling membantu Haiqal ketika dia berada di Johor. Malahan, Haiqal juga dibenarkan tinggal di rumah mereka. Haiqal banyak mengetahui berkenaan bapanya melalui Tauke Ong dan Ai Ling. Ai Ling mengakui

bahawa hubungannya dengan Abdullah bin Kayan amat rapat tetapi dia tidak layak untuk menggantikan tempat Haiqal Haqimi sebagai anak kandung. Haiqal Haqimi mengucapkan terima kasih kepada Ai Ling kerana telah membahagiakan ayahnya hingga ke akhir hayat. Peristiwa ini memberikan panduan hidup kepada pembaca agar sentiasa membantu orang lain yang berada dalam kesusahan.

## Praktis 2

1 Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Waheeda dan Fatimah apabila diserang oleh monyet berbulu putih ialah Waheeda dan Fatimah menjerit sekuat-kuat hati kerana ketakutan, tangan Waheeda menepis dengan kasar monyet itu apabila hidung dan pipinya dicengkam oleh monyet berbulu putih itu dan Fatimah melibas hujung batang penyapu kayu ke arah badan monyet itu.

2 Cabaran-cabaran dalam kehidupan yang dihadapi oleh watak utama.

### (a) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

- Cabaran menyambung pelajaran.

Peristiwa Dahlia mengalami masalah untuk menyambung pelajaran kerana terpaksa meninggalkan asrama dan ponteng sekolah dengan kerap bagi menjaga Anggerik yang sakit semasa ketiadaan ibunya. Dahlia terpaksa mengorbankan waktunya untuk menguruskan hal ehwal keluarganya dan tidak dapat bertugas dengan sepenuhnya.

- Cabaran menghadapi cemuhan oleh orang ramai.

Peristiwa Dahlia terpaksa menerima cemuhan jirannya, Aton yang selalu memanggilnya perempuan murahan dan sentiasa memberi komen negatif apabila lelaki melawatnya. Aton juga sentiasa menyatakan bahawa anaknya Said dibunuh oleh Dahlia.

- Cabaran membuat pilihan.

Peristiwa Dahlia menghadapi cabaran apabila hendak membuat pilihan sama ada hendak bertunang dengan Azhari atau menerima Najib. Hal ini demikian kerana kedua-dua mereka merupakan rakan baik kepada Dahlia yang baik hati.

### (b) Tirani karya Beb Sabariah

- Cabaran antara Waheeda dengan bapanya.

Peristiwa Waheeda ditegur oleh bapanya selepas bapanya mengetahui bahawa Waheeda mahu menjalani pembedahan kosmetik. Bapanya, menjelaskan bahawa perbuatan itu menyalahi hukum agama. Waheeda tidak mempedulikan nasihat tersebut sekali gus membuat keputusan untuk menjalani pembedahan di Singapura.

- Cabaran rumah tangga antara Waheeda dengan suaminya, Zahid.

Peristiwa kemesraan Waheeda dengan pelanggan lelaki, kecantikan Waheeda dan pujian yang sering diterima olehnya menyebabkan suaminya cemburu sekaligus mencurigai kesetiaan Waheeda. Zahid juga mempersoal raut wajah anak mereka yang baru dilahirkan dan dijadikan alasan untuk menuduh Waheeda berlaku curang. Waheeda pula berani mencabar suaminya dengan cadangan ujian DNA. Akhirnya, konflik tersebut meruntuhkan rumah tangga yang telah terbina.

### (c) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- Cabaran Nurul Hafsa terpaksa melalui hari pertamanya bekerja sebagai Pegawai Sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor.

Peristiwa sekumpulan pengunjung yang terdiri daripada kumpulan murid dan guru pengiring dari Jepun hadir ke balai cerap tersebut untuk melihat buruj Orion atau buruj Belantik dengan mata kasar, tanpa sebarang bantuan alat pencerap. Malangnya, Nurul Hafsa telah menghadapi cabaran di luar jangkannya apabila langit pada malam tersebut yang sepatutnya telah benar-benar gelap tetap cerah.

- Cabaran memulihkan populasi kelip-kelip dan mengembalikan kegelapan langit di Kuala Selangor sebagai kawasan pencerap bintang.

Peristiwa Nurul Hafsa meredah cabaran untuk mendapatkan sokongan pihak kerajaan terhadap usaha merealisasikan projek Kawasan Simpan Langit Gelap yang pertama di Asia Tenggara.

### (d) Silir Daksina karya Nizar Parman

- Cabaran mencari latar belakang keluarga.

Haiqal gigih menjejaki kehidupan arwah ayahnya, Abdullah bin Kayan di Kampung Seri Purnama. Haiqal sanggup pergi Batu Pahat seorang diri walaupun pertama kali menjejakkan kaki ke kampung halaman ayahnya semata-mata untuk mengenali arwah ayahnya dengan lebih mendalam.

- Cabaran mempelajari kemahiran menari.

Haiqal gigih belajar tarian zapin daripada Pak Cik Bakar dan Lazim. Mereka sering berlatih di Balai Raya Seri Purnama. Akhirnya, Haiqal berjaya membuat persembahan tarian zapin dengan jayanya secara berpasangan dengan Ong See Hwa.

- Cabaran memperjuangkan seni bahasa dan budaya. Haiqal telah bekerjasama dengan penduduk kampung untuk mengadakan persembahan zapin dengan tujuan untuk menghidupkan tarian zapin di Kampung Seri Purnama seperti ayahnya. Haiqal berazam untuk menghidupkan Aksara.

- Cabaran berada di tempat baharu berseorangan. Peristiwa Haiqal pergi berseorangan ke Batu Pahat. Haiqal menaiki sebuah teksi untuk ke Parit Raja, iaitu kampung halaman bapanya. Di sebuah warung, Haiqal bertanya kepada pemilik warung tersebut tentang rumah arwah ayahnya. Pemilik warung tersebut, iaitu Wak Sakimin menyuruhnya menunggu Tauke Ong untuk membawa Haiqal ke rumah arwah ayahnya.

## Praktis 3

1 Tanggungjawab sebagai seorang penjawat awam:

- Menjalankan tugas dengan penuh dedikasi.
- Bertanggungjawab ke atas semua tugas yang diamanahkan.
- Berpengetahuan luas.
- Bijak menyelesaikan masalah/tugas.
- Mengaplikasikan semua kemahiran yang ada.

2 Peristiwa yang menyentuh perasaan pembaca.

### (a) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

- Peristiwa Embong, bapa kepada Dahlia yang miskin dan terpaksa berhutang dengan Tauke Lim untuk membeli barang-barang keperluan harian. Peristiwa ini menyebabkan saya berasa simpati terhadap keluarga Embong yang hidup dalam kesusahan sehingga terpaksa berhutang.

- Peristiwa Dahlia tidak membalas dengan kata-kata yang kasar atau kesat apabila Mak Aton memaki hamun dan memfitnahnya sebagai perempuan yang tidak baik. Peristiwa ini menimbulkan perasaan kagum dalam diri saya kerana Dahlia seorang yang berhemah tinggi dan penyabar.

### (b) Tirani karya Beb Sabariah

- Peristiwa kejayaan Waheeda dan Ghazi membeli dan mengusahakan Chalet Iwana-Iwani milik Pak Cik Abdul Aziz yang terletak di Cameron Highlands dengan menukarkan nama chalet itu kepada Aya Sajinah. Peristiwa ini menimbulkan perasaan gembira dalam diri saya kerana kejayaan Waheeda dalam perniagaan walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan dalam kehidupan.
- Peristiwa Waheeda berjumpa semula dengan bekas suaminya, Zahid setelah lama berpisah. Waheeda sukar memaafkan Zahid atas kesalahan yang dilakukan walaupun Zahid menangis memohon maaf kepada Waheeda. Peristiwa ini menimbulkan perasaan sedih dalam diri saya kerana Waheeda sukar memaafkan Zahid.

### (c) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- Peristiwa kesanggupan seorang kawan mempertaruhkan dirinya demi menyelamatkan kawan yang dalam kesusahan. Peristiwa ini dapat dilihat melalui kesanggupan Muhammad Taufik mempertaruhkan nyawanya demi menyelamatkan Nurul Hafsa yang diculik oleh orang suruhan Dato' Johann Arlington-Majid. Muhammad Taufik sanggup berjumpa dengan penculik di sebuah stesen minyak Petronas untuk memastikan Nurul Hafsa dapat diselamatkan. Peristiwa ini menyentuh perasaan saya kerana saya kagum melihat semangat setia kawan yang ditunjukkan oleh Muhammad Taufik yang sanggup berkorban dengan mempertaruhkan dirinya demi menyelamatkan Nurul Hafsa yang telah diculik.
- Peristiwa Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman yang ingin mengembalikan kegelapan di Kuala Selangor dengan merancang projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor agar bintang-bintang dapat dilihat dan populasi kelip-kelip tidak pupus. Usaha mereka ini telah mendapat tentangan daripada Dato' Johann Arlington-Majid yang berterusan mencari jalan untuk menggagalkan usaha mereka tetapi berkat kegigihan mereka berjaya meyakinkan Menteri Besar dalam pembentangan projek tersebut. Peristiwa ini menyentuh perasaan saya kerana saya kagum melihat kesungguhan anak muda yang berjuang demi memastikan alam sekitar dapat dilestarikan walaupun mendapat tentangan daripada pihak lawannya.

### (d) Silir Daksina karya Nizar Parman

- Peristiwa Umi melihat persembahan tarian zapin Haiqal di balai raya Kampung Seri Purnama, Batu Pahat, Johor. Semasa asyik menari, mata Haiqal ternampak uminya, walid dan adik tirinya, Nurul Asiyah sedang menyaksikan persembahannya di bahagian belakang balai tempat duduk penonton sambil tersenyum. Peristiwa ini menyebabkan saya berasa gembira kerana akhirnya umi dapat menerima penglibatan Haiqal dalam bidang seni dan budaya.
- Peristiwa umi melarang Haiqal menziarahi jenazah arwah ayahnya kerana ketika itu Haiqal sedang menduduki peperiksaan UPSR. Haiqal mengetahui bahawa peperiksaan itu penting tetapi dia juga beranggapan bahawa memberi penghormatan terakhir kepada ayahnya juga penting. Peristiwa ini menyebabkan saya berasa simpati kerana Haiqal tidak dapat menziarahi jenazah bapanya kerana dilarang oleh umi atas alasan dia sedang menduduki peperiksaan UPSR.

## SOALAN SEBENAR SPM

- 1 Peristiwa yang tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan masyarakat dan cadangan penyelesaian terhadap masalah tersebut bagi setiap novel.

### (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib

- Peristiwa: Kawan-kawan sekelas Adnan mengejek Adnan kerana mahu masuk pertandingan syarahan dalam bahasa Inggeris.  
Huraian: Sepatutnya, mereka bersama-sama menyertai pertandingan syarahan tersebut walaupun tidak fasih bahasa Inggeris.
- Peristiwa: Penduduk kampung mahu menghalau keluarga Pak Saidi kerana beliau menghantar anak-anaknya ke sekolah Inggeris.  
Huraian: Sepatutnya, penduduk kampung perlu berbincang untuk mendapatkan penjelasan terlebih dahulu sebab utama memilih aliran Inggeris.
- Peristiwa: Nordin mengerat tayar basikal Pak Saidi kerana marah akan Pak Saidi yang mengadu kepada bapanya bahawa dia mencuri buah rambutan penduduk kampung.  
Huraian: Sepatutnya beliau perlu mengakui kesalahan yang dilakukan serta terus memohon maaf bagi meredakan keadaan.

### (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

- Peristiwa: Medina sanggup menculik anaknya, Farisha dengan mengupah Farid dan Amin.  
Huraian: Sepatutnya perbincangan perlu dilakukan agar tidak melakukan kesalahan yang luar kawalan sehingga menyalahi undang-undang.
- Peristiwa: Karl tidak menjalankan tanggungjawab sebagai seorang suami dengan baik kerana memaksa isterinya, Rusmina untuk meninggalkan agama Islam.  
Huraian: Sepatutnya Sebagai seorang suami perlu bertanggungjawab untuk membimbing isteri atau keluarganya ke arah kebaikan.
- Peristiwa: Seorang wanita di Lapangan Terbang Senai telah bercakap menggunakan telefon dengan suara yang kuat sehingga mengganggu orang yang berada di sekelilingnya.  
Huraian: Kita perlu menghormati hak orang lain ketika berada di tempat awam.

### (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

- Peristiwa: Seman yang bersifat baran sering melakukan keganasan rumah tangga dengan memukul dan menyepak isterinya sendiri.  
Huraian: Sepatutnya sebagai masyarakat yang bertanggungjawab kita perlu membuat aduan kepada pihak berkuasa.
- Peristiwa: Datuk Lili menghisap rokok tembakau ketika berada bersama-sama Lili dan nenek.  
Huraian: Sepatutnya, sebagai seorang yang telah lanjut usia perlu berhenti merokok demi kesihatan yang baik.
- Peristiwa: Golongan tua di Kampung Sentosa masih mempercayai perkara karut seperti surau di kampung itu tidak boleh diubah suai sepanjang tempoh 50 tahun.  
Huraian: Sepatutnya masyarakat perlu membuat aduan kepada Majlis Agama bagi memberikan penjelasan yang baik.

#### (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

- Peristiwa: Doktor Uwang gagal melakukan pembedahan terhadap Unong Siron sebanyak 5 kali kerana mementingkan keuntungan.

Huraian: Sepatutnya waris perlu mendapatkan penjelasan sebaiknya dan menggantikan dengan doktor pakar.

- Peristiwa: Doktor Raiha dituduh di mahkamah oleh Doktor Sadiz sebagai punca kematian Ayu padahal dia yang menyebabkan kematian anaknya.

Huraian: Sepatutnya Doktor Raiha perlu mendapatkan khidmat peguam bagi membela diri sekiranya tidak bersalah.

- Peristiwa: Doktor Uwang menghabiskan masa dengan berfoya-foya di kelab malam walaupun telah beristeri.

Huraian: Sepatutnya, Doktor Uwang perlu mengamalkan gaya hidup sihat dan bermoral sebagai teladan dalam keluarga.

#### (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

- Peristiwa: Mak Aton menyindir Dahlia apabila dia melihat Azhari menghantar Dahlia pulang dari sekolah.

Huraian: Sepatutnya, kita perlu menasihati seseorang sekiranya terdapat kesalahan yang dilakukan.

- Peristiwa: Nek Kiah dan penduduk Kampung Parit Haji Rais menuduh Saleha macam orang gila kerana sering berkelakuan ganjil dan bercakap seorang diri.

Huraian: Sepatutnya, penduduk kampung perlu berbincang untuk mengatasi masalah mental.

- Peristiwa: Seman memujuk ibunya untuk menjual tanah tempat tinggal Embong sekeluarga untuk kepentingan peribadinya.

Huraian: Sepatutnya, demi kepentingan bersama, tindakan tegas perlu dilakukan bagi kepentingan masa yang akan datang.

#### (f) Tirani karya Beb Sabariah

- Peristiwa: Zahid tidak memberi nafkah kepada anaknya Izzati selepas bercerai dengan Waheeda selama 20 tahun.

Huraian: Sepatutnya sebagai seorang bapa perlu melaksanakan tanggungjawab memberi nafkah kepada anaknya.

- Peristiwa: Zahid menceraikan Waheeda di hadapan ibu bapanya tanpa usul periksa.

Huraian: Sepatutnya, sebagai seorang lelaki yang baik perlu mendapatkan pandangan orang lain yang lebih berpengalaman sebelum membuat keputusan.

- Peristiwa: Waheeda tidak memaafkan kesalahan Zahid walaupun Zahid sudah menyesal.

Huraian: Sepatutnya sebagai seorang insan kita perlu memaafkan kesalahan orang lain supaya hidup lebih tenang.

#### (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- Peristiwa: Tan Sri Muhaimin dan Puan Maryam Wickham bercerai kerana mereka lebih mementingkan kerjaya masing-masing.

Huraian: Sepatutnya, sebagai seorang anak kita perlu berusaha menyatukan ibu bapa yang dilanda masalah rumah tangga.

- Peristiwa: Muhammad Taufik mengambil tindakan sendiri untuk membebaskan Nurul Hafsa dengan mengikut arahan penculik berjumpa mereka di stesen minyak Petronas.

Huraian: Sepatutnya kita perlu berfikir terdahulu sebelum bertindak dengan membuat laporan polis.

- Peristiwa: Dato' Johann Arlington-Majid berendam terhadap Tan Sri Muhaimin sejak muda kerana berebutkan Maryam Wickham.

Huraian: Sepatutnya kita perlu mencari jodoh yang lain selagi ada pilihan.

#### (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

- Peristiwa: Umi tidak menyokong Haiqal terlibat bidang kesenian dan kesusasteraan kerana Umi tidak mahu anaknya mengikuti jejak ayahnya.

Huraian: Sepatutnya sebagai seorang ibu perlu menyokong segala kecenderungan minat anak dalam sesuatu perkara yang baik.

- Peristiwa: Abang Tauke Lim suka berjudi sehingga menyebabkan semua harta keluarga Tauke Lim habis digadai.

Huraian: Sepatutnya seseorang perlu berhijrah ke tempat yang baik untuk mengubah masa depan.

- Peristiwa: Sekumpulan remaja di kampung Seri Purnama yang suka duduk melepak tanpa melakukan perkara-perkara yang berfaedah.

Huraian: Sepatutnya pihak Jawatankuasa Keselamatan dan Kawalan Kampung perlu merancang program-program kemasyarakatan terutamanya kepada golongan remaja agar masa mereka dimanfaatkan sebaiknya.

#### 2 Peristiwa yang menimbulkan rasa kagum pembaca.

##### (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib

- Peristiwa: Adnan menyertai pertandingan pidato Bahasa Inggeris walaupun belum fasih berbahasa Inggeris semasa di peringkat persekolahannya dengan cara berlatih bersungguh-sungguh sehingga memenangi pertandingan tersebut.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana sikap sentiasa berusaha mampu melakarkan kejayaan yang diinginkan.

- Peristiwa: Adnan sentiasa membantu ayahnya di kebun getah pada waktu pagi dan ke sawah pada waktu petang.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana tingkah laku seorang anak yang ringan tulang membantu ayahnya.

- Peristiwa: Leftenan Adnan dan askar Melayu bersungguh-sungguh mempertahankan Bukit Candu daripada serangan tentera Jepun walaupun kaki Adnan tercedera akibat ditembak oleh tentera Jepun.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana semangat perjuangan yang tinggi dalam diri untuk menyelamatkan tanah air daripada cengkaman penjajah.

##### (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

- Peristiwa: Aqram telah menegur seorang wanita sewaktu urusan daftar masuk di kaunter lapangan terbang dengan sopan kerana berbual dengan suara yang kuat semasa menggunakan telefon.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana sikap hemah tinggi dalam diri seseorang ketika menegur orang lain tanpa mengeluarkan kata-kata kesat.

- Peristiwa: Aqram berusaha mendapatkan bukti yang kukuh untuk memastikan Farisha bersalah dengan mengambil cawan

yang mempunyai kesan air liur Farisha bagi ujian DNA.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana keunikan dan kecanggihan teknologi mampu menyelesaikan sesuatu masalah dengan lebih tepat.

- Peristiwa: Farisha berjaya melepasi sistem keselamatan Bank Sapurba yang tidak dapat dilakukan oleh orang lain sehingga dia ditawarkan projek mini di Soft Lab.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana kebijaksanaan seseorang dalam sesuatu bidang mampu membuka peluang dalam kehidupan.

#### (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

- Peristiwa: Lili memanfaatkan masa dengan membaca buku Panduan Pemakanan Sihat Melalui Sayur-Sayuran dan Buah-buahan sementara menunggu bas bergerak ke Dungun, Terengganu.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana keperibadian seseorang yang dapat memanfaatkan masa dengan perkara berfaedah.

- Peristiwa: Geetha yang bergaul mesra dengan Lili seolah-olah telah lama mengenali antara satu sama lain ketika di dalam bas menuju ke Dungun, Terengganu.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana sikap ramah mesra yang ditunjukkan walaupun berbeza kaum yang dapat memupuk perpaduan.

- Peristiwa: Lili sanggup menjadi saksi kes keganasan rumah tangga Che Jah apabila diminta oleh Kak Mimah.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana sikap sukarela untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh seseorang yang memerlukan pertolongan.

#### (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

- Peristiwa: Unong Siron terpaksa menjalani pembedahan sendi tulang pinggul sebanyak enam kali di Pusat Rawatan Pantai Kasih dan menanggung kesakitan yang berpanjangan.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana ketabahan seseorang pesakit yang telah dilakukan pembedahan pada tempat yang sama.

- Peristiwa: Doktor Raiha tetap bersemangat dan mencapai cita-cita untuk menjadi seorang doktor pakar bedah walaupun mendapat tentangan daripada ayahnya yang berpendapat doktor pakar bedah mempunyai cabaran yang besar dan sesuai untuk lelaki sahaja.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana pendirian yang tetap dalam kehidupan mampu mencapai cita-cita walaupun mendapat tentangan daripada pelbagai pihak.

- Peristiwa: Doktor Raiha memaafkan Felicia Landosi yang telah berterus terang bahawa dia terlibat dalam kejadian kemalangan yang menimpa anak Doktor Raiha.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana sikap memaafkan kesalahan orang lain demi mengeratkan hubungan baik antara sesama manusia.

#### (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

- Peristiwa: Penduduk kampung yang diketuai oleh Haji Sulaiman membina rumah Embong semula setelah rumahnya dihanyutkan air yang deras ketika banjir.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana semangat muafakat masyarakat dalam membantu antara satu sama lain.

- Peristiwa: Dahlia terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan Said yang lemas.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana keberanian seseorang perempuan untuk menyelamatkan nyawa tanpa mengira bahaya pada diri sendiri.

- Peristiwa: Dahlia gigih mengulang kaji pelajaran untuk menghadapi peperiksaan STPM walaupun berada di pusat pemindahan banjir Kampung Parit Haji Rais.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana sikap kegigihan seseorang pelajar yang sentiasa berusaha untuk mencapai kejayaan walaupun pelbagai cabaran yang dihadapi.

#### (f) Tirani karya Beb Sabariah

- Peristiwa: Raidah sanggup ke Singapura untuk menemani Waheeda menjalani pembedahan hidungnya yang mengambil masa selama 10 jam.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana sikap kasih sayang seorang ibu kepada anaknya dan sentiasa mengambil berat berkaitan kesihatan anak.

- Peristiwa: Waheeda dan Ghazzi mengambil alih chalet Iwana Iwani milik bapa saudaranya yang bankrap di Cameron Highland.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana sikap cepat dan cekap yang ditunjukkan merupakan peluang untuk memajukan sesuatu perniagaan.

- Peristiwa: Waheeda bertindak bijak dengan melakukan DNA terhadap anaknya untuk membuktikan kepada Zahid bahawa anak tersebut adalah hasil pernikahan mereka.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana kita perlu bertindak bijak dalam mengatasi sesuatu masalah yang dihadapi.

#### (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- Peristiwa: Nurul Hafsa membuat pembentangan kertas kerja Projek Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar, ahli akademik, ahli perniagaan dan orang awam di bangunan SUK Shah Alam.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana keberanian seseorang mengemukakan cadangan walaupun terdapat cubaan untuk menggagalkan usaha yang dilakukan.

- Peristiwa: Tan Sri Muhaimin berkahwin semula dengan bekas isterinya Maryam demi kebahagiaan anaknya Muhammad Taufik.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana ketepatan membuat keputusan mampu memberikan kebaikan dalam sesuatu perkara.

- Peristiwa: Nurul Hasfa menyambung pelajaran di Universiti Jordan dalam bidang Fizik dan kaji Falak.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana keinginan dan peluang melanjutkan pelajaran ke luar negara dalam sesuatu bidang yang luar biasa.

#### (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

- Peristiwa: Tauke Lim telah menyerahkan semua duit simpanan hasil jualan kelapa sawit serta ladang kelapa sawit milik Cikgu Amirulnizam kepada Haiqal.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana sikap amanah yang ditunjukkan dapat ditunaikan sepenuhnya walaupun berbeza bangsa dan agama.

- Peristiwa: Ratna sentiasa membantu ibunya mengurus gerai makanan dan mempunyai cita-cita tinggi untuk menjadi usahawan berjaya walaupun dia pernah gagal mendapatkan keputusan yang baik dalam SPM.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana sikap positif dan tidak berputus asa akan membolehkan seseorang mencapai cita-cita yang diinginkan.

- Peristiwa: Cikgu Latifah selalu pulang lewat untuk membimbing murid-murid yang lemah dalam mata pelajaran Matematik di sekolahnya.

Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana kerajinan dan kesungguhan dalam menjalankan tanggungjawab mendidik dan menyampaikan ilmu kepada anak bangsa.

### 3 Satu peristiwa yang dapat diteladani pembaca.

#### (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib

- Peristiwa Leftenan Renya Mutuguchi mengambil bayonet lalu menikam perut Leftenan Adnan. Kemudian, seorang demi seorang tentera Jepun mengambil giliran untuk menikam tubuh Leftenan Adnan. Jeneral A.E. Peristiwa ini dapat diteladani pembaca kerana babak tersebut menunjukkan betapa Leftenan Adnan berjuang mempertahankan tanah air sehingga sanggup mengabdikan nyawanya.
- Peristiwa penduduk kampung digambarkan menentang hasrat Pak Saidi untuk menghantar anak-anaknya bersekolah di sekolah Inggeris. Peristiwa itu dapat diteladani oleh pembaca kerana sebagai pembaca kita sepatutnya menilai kepentingan pendidikan terhadap masa depan negara dan perlu berfikir terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan.

#### (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

- Peristiwa Karl menghembuskan nafas yang terakhir tepat pukul 7.00 malam dan Karl berwasiat supaya mayatnya dibakar dan abunya ditaburkan di Selat Melaka. Upacara menaburkan abu mayat Karl telah dilakukan di Port Dickson. Menerusi peristiwa ini, pembaca boleh meneladani bahawa urusan kematian seseorang itu perlu disempurnakan dengan baik.
- Peristiwa Aqram menawarkan projek bernilai 1.5 juta kepada Farisha dan Rosman. Walaupun mereka baru sahaja berkenalan, tetapi Aqram dilihat bersungguh-sungguh dalam urusan berkenaan. Peristiwa ini boleh diteladani kerana, sebagai manusia kita perlu berhati-hati ketika berurusan dengan orang yang baru sahaja dikenali kerana bimbang ada niat yang buruk daripadanya.

#### (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

- Peristiwa Lili yang berasa gembira apabila melihat ibunya sedang berbual-bual mesra dengan datuk dan neneknya. Pada babak itu, nenek Lili memberitahunya sebab jendela dibina menghadap ke jalan. Dalam peristiwa ini, pembaca boleh meneladani kisah bahawa walaupun sesuatu hubungan itu sudah lama tidak terjalin, tetapi boleh disatukan semula selepas masing-masing menurunkan ego mereka.
- Peristiwa datuk Lili yang masih tidak pulang ke rumah walaupun hari sudah malam hingga mencetuskan kebimbangan kepada nenek. Peristiwa ini boleh diteladani oleh kita sebagai pembaca agar sentiasa memaklumkan keberadaan kita kepada orang lain supaya tidak menimbulkan kerisauan, terutamanya kepada ibu bapa yang menyayangi kita.

#### (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

- Peristiwa Felicia memanggil Raiha yang ketika itu sedang melangkah ke garaj kereta Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Felicia menangis tersedu-sedan dan meminta maaf daripada Raiha atas kesilapannya. Menerusi peristiwa itu, pembaca boleh meneladani sikap watak yang perlu meminta maaf selepas berbuat silap kepada orang lain untuk memastikan hubungan kekal.
- Peristiwa pencerobohan seorang pemuda yang tidak dikenali ke Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Semasa kejadian, suasana sangat kelam kabut dan telah menimbulkan suasana saspens. Daripada peristiwa ini, pembaca dapat meneladani untuk sentiasa berjaga-jaga dan memastikan keselamatan kawasan tempat tinggal seperti rumah dan sekolah yang turut boleh diceroboh sekiranya tidak dikawal dengan baik.

#### (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

- Peristiwa Azhari menemui Dahlia di stesen bas sebelum bas ekspres bertolak ke Kuala Lumpur dan mengucapkan Koi-bito kepada Dahlia. Azhari menghadiah Dahlia sehelai songket merah berbenang emas sebagai simbol bahawa mereka ialah orang Melayu yang kaya dengan adat dan budi bahasa. Peristiwa ini boleh diteladani oleh kita sebagai rakyat Malaysia untuk sentiasa berbangga dengan budaya dan warisan yang kita miliki.
- Peristiwa rumah Embong yang dinaiki air banjir dengan cepat hingga menenggelamkan anak-anak tangga dan mencecah lantai rumahnya. Walaupun begitu, digambarkan situasi bot penyelamat yang belum muncul. Peristiwa ini boleh diteladani kita sebagai pembaca untuk sentiasa bersedia dengan sebarang musibah yang boleh menimpa sesiapa sahaja tidak kira tempat dan masa.

#### (f) Tirani karya Beb Sabariah

- Peristiwa Zahid meluahkan penyesalannya atas kesalahan besarnya terhadap Waheeda dan anak kandung mereka, Izzati. Lais cuba menenteramkan perasaan Zahid dan Waheeda manakala Izzati pula memujuk ibunya agar memaafkan kesalahan bekas suaminya. Peristiwa ini boleh diteladani oleh pembaca kerana walaupun kita melakukan kesalahan yang besar tetapi hendaklah sentiasa jujur demi menjaga hubungan dengan orang lain. Selain itu, kita diajar untuk sentiasa memaafkan orang lain.
- Peristiwa Waheeda membuat pinjaman daripada tabung usahawan siswazah, Bank Pembangunan melalui Program Kemajuan Luar Bandar Sarawak. Pinjaman itu adalah bertujuan mengembangkan perniagaan kemudahan penginapan Chalet Tajau Emasnya itu. Daripada peristiwa ini, pembaca boleh meneladani sikap berani menghadapi cabaran dan risiko untuk mencapai kejayaan.

#### (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- Peristiwa Muhammad Taufik telah melamar Nurul Hafsa dan Nurul Hafsa menerima lamaran tersebut. Nurul Hafsa tersenyum apabila membaca mesej daripada Muhammad Taufik yang berbunyi "Kita ialah dua ekor kelip-kelip terakhir di dunia." Daripada peristiwa itu, pembaca boleh meneladani sikap menghargai seseorang yang disayangi untuk mencapai kebahagiaan hidup.
- Peristiwa Nurul Hafsa melihat tiga orang lelaki memotong rumput di tepi-tepi jalan di lorong ke rumahnya yang sunyi

sejak dua tiga hari. Perkara yang meragukan Nurul Hafsa ialah lalang masih meninggi. Peristiwa itu perlu diteladani bahawa kita perlulah sentiasa memastikan keadaan sekeliling kita sentiasa dalam keadaan yang selamat supaya tidak ada perkara yang buruk boleh berlaku.

#### (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

- Peristiwa Haiqal telah membuat keputusan untuk menyambung pelajaran di sebuah universiti di negeri Bumi Kenyalang selepas uminya melihat sendiri dia mempersembahkan tarian zapin di Kampung Seri Purnama, Batu Pahat Johor. Peristiwa ini perlu diteladani kerana sebagai remaja, kita perlulah mementingkan pendidikan untuk masa depan yang cerah.
- Peristiwa Haiqal pergi ke rumah See Hwa untuk memujuknya supaya menyertai persembahan tarian zapin dan berpasangan dengannya. Haiqal digambarkan sebagai seorang yang bersungguh-sungguh untuk menjayakan persembahan itu. Daripada peristiwa ini, kita dapat meneladani sikap Haiqal yang tidak mudah mengalah dalam melakukan sesuatu perkara sehinggalah dia berjaya dan boleh membuktikan kepada uminya.

- 4 (i) Pembahagian tugas dalam syarikat Tajau Emas yang disarankan oleh Waheeda ialah
- Ayahnya menjadi pemandu pelancong
  - Ibunya sebagai pengurus dapur.
  - Emak saudaranya sebagai ketua tukang masak dan yang lain di belakang tabir.
  - Fatimah menjadi akauntan bagi menjaga kewangan syarikat Tajau Emas.

- (ii) Dua peristiwa yang dapat menimbulkan keinsafan kepada pembaca.

#### (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib

- Peristiwa Adnan yang sentiasa mempunyai semangat pahlawan dalam dirinya meskipun banyak askar yang telah terkorban. Dalam kejadian itu, Adnan mengalami kecederaan yang sangat parah namun beliau tidak mahu mengalah dan berundur. Setelah bergelut dengan situasi yang mencemaskan, Adnan dibunuh di bawah pokok ceri dengan menggunakan bayonet. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana Adnan sanggup mempertaruhkan nyawanya untuk mempertahankan negara.
- Peristiwa Lebai Pian yang mencadangkan sesuatu berbaur hasutan supaya keluarga Pak Saidi dihalau keluar dari Kampung Sungai Ramal jika terus menghantar anak-anaknya ke Sekolah Ingeris. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana Adnan sebagai penduduk kampung, kita tidak sepatutnya mempunyai hasad dengki terhadap orang lain terutamanya dalam usaha mencari ilmu.

#### (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

- Peristiwa Farisha yang masih bayi menjadi uji kaji ayahnya. Ayahnya, Karl, menanam implan ke dalam tubuh Farisha semata-mata untuk menjadikan anaknya itu genius pada masa akan datang. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana sebagai bapa, Karl tidak sepatutnya bertindak sebegitu semata-mata untuk mencapai matlamat dirinya.

- Peristiwa Azraai yang memasang *retinal scanner* pada pintu rumah adik angkatnya, Farisha, untuk melindungi gadis itu daripada sebarang perkara yang tidak diingini. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana di luar sana masih ada adik-beradik yang sering bergaduh hanya disebabkan perkara yang kecil sedangkan kedua-dua watak ini menunjukkan contoh terbaik dan perlu diteladani.

#### (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

- Peristiwa Lili tidak membantah permintaan ibunya supaya dia pulang ke kampung halaman di Dungun, Terengganu pada cuti sekolah. Walaupun Lili sudah mempunyai rancangan sendiri bersama-sama rakannya yang lain, tetapi Lili tetap akur akan permintaan ibunya itu. Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana sebagai anak, kita hendaklah sentiasa menunaikan permintaan ibu sebelum sesuatu perkara tidak diingini berlaku.
- Peristiwa Seman yang sering memukul dan mendera isteri dan anak-anaknya. Seman digambarkan sebagai lelaki kaki pukul, kaki judi, kaki botol dan kaki perempuan. Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana golongan wanita dan kanak-kanak tidak wajar dilayan sedemikian rupa kerana mereka golongan yang sepatutnya dilindungi.

#### (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

- Peristiwa Sister Felicia yang memberikan layanan buruk kepada salah seorang ibu pesakit. Sister Felicia dengan kasarnya memanggil ibu Unong Siron dengan panggilan 'sapi tua'. Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana sebagai penjawat awam, Sister Felicia sepatutnya mengamalkan etika profesionalisme ketika berhadapan dengan orang awam walaupun sedang menghadapi masalah.
- Peristiwa Dr. Sadiz mengarahkan isterinya, Dr. Raiha mengugurkan kandungannya kerana bayi yang bakal lahir itu didapati OKU. Dr. Sadiz berasa malu akan keadaan anaknya dan bimbang jika masyarakat memandang serong terhadap mereka. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana setiap ibu bapa perlulah reda akan amanah yang diberikan oleh Allah dan perlulah menjaga amanah tersebut dengan baik.

#### (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

- Peristiwa Saleha pulih daripada penyakit kemurungannya selepas mendapatkan rawatan di Hospital Permai. Semasa menghidap penyakitnya itu, Saleha digambarkan sebagai orang yang bergelut dengan emosi diri sendiri dan menghadapi situasi yang sukar. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana kesukaran melalui detik-detik diri menghidapi penyakit itu memerlukan sikap positif yang sangat tinggi daripada pesakit itu sendiri.
- Peristiwa penduduk kampung yang berganding bahu membina rumah Embong semula yang telah musnah akibat dihanyutkan oleh banjir. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kerana pada masa ini nilai kemanusiaan dalam kalangan masyarakat sudah sukar dilihat dan nilai murni ini perlulah dicontohi oleh masyarakat di luar sana.

**(f) Tirani karya Beb Sabariah**

- Peristiwa zaman kanak-kanak Waheeda yang sering dicemuh kerana memiliki wajah yang tidak menarik. Walau bagaimanapun, keadaannya berubah sehinggalah dia memenangi pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana kita tidak sepatutnya memandang rendah terhadap kekurangan orang lain.
- Peristiwa Waheeda mendapatkan rawatan penyakit kemurungan di Pusat Rawatan Islam. Rawatan itu ditemani oleh ahli keluarganya. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kerana dia masih menerima sokongan moral daripada ahli keluarga dalam menghadapi keadaan yang sukar itu.

**(g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop**

- Peristiwa Johan Arlingtod yang diganggu ketika sesi pembentangan terbuka projek yang diusahakan oleh Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik. Disebabkan dendam dan sikap tamak untuk menguasai tender perniagaan, mereka sanggup berbuat apa-apa sahaja. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca supaya tidak melakukan perkara yang sama kerana perkara buruk akan menimpa orang yang berdendam.
- Peristiwa Nurul Hafsa yang dijadikan umpan untuk menculik Muhammad Taufik sehingga berlakunya kejadian penculikan oleh sekumpulan penjahat. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca supaya tidak menjalankan kegiatan negatif seperti penculikan kerana dapat menjejaskan pelbagai pihak.

**(h) Silir Daksina karya Nizar Parman**

- Peristiwa Haiqal tidak dibenarkan oleh uminya untuk melawat ayahnya yang berada di Kampung Sri Purnama, Batu Pahat. Walaupun Haiqal hanya sempat bertemu dengan ayahnya ketika dia berada dalam darjah enam, Haiqal tetap dilarang berjumpa dengan ayahnya itu disebabkan oleh dendam uminya. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana sebagai ibu yang berhati lembut, dia tidak sepatutnya menghalang hubungan antara ayah dengan anak.
- Peristiwa umi, Walid dan adik tiri Haiqal datang semasa persembahan tarian zapin oleh Haiqal di Batu Pahat. Walaupun umi tidak membenarkan Haiqal ke Batu Pahat, tetapi akhirnya dia memberikan restu dengan cara menyaksikan sendiri persembahan tersebut. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana ibu seharusnya menyokong tindak-tanduk anaknya lebih-lebih lagi perkara itu adalah sesuatu yang berfaedah.

**5 Peristiwa yang menimbulkan menggembarakan.**

**(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib**

- Peristiwa yang menggembarakan saya yang pertama ialah peristiwa Pak Saidi berjaya membunuh beberapa orang tentera Jepun. Pak Saidi telah melawan dan menikam tentera Jepun dengan hanya menggunakan sebilah keris pusaka peninggalan ayahnya. Pak Saidi telah berjaya membunuh lima orang dan mencederakan 15 orang tentera Jepun yang lain semasa dia dipaksa menaiki trak oleh Leftenan Renya Mutuguchi. Peristiwa ini menggembarakan saya kerana saya kagum akan semangat patriotik dan keberanian Pak Saidi yang sanggup

berjuang mempertahankan maruah negara dan keluarga hingga titisan darah terakhir.

- Peristiwa yang menggembarakan saya yang kedua ialah peristiwa penduduk kampung yang tidak memberikan maklumat kepada tentera Jepun yang mencari ahli keluarga Leftenan Adnan di Kampung Sungai Ramal. Mereka menyembunyikan keluarga Adnan. Hanya Pak Saidi yang berjaya dikesan oleh Leftenan Renya Mutuguchi. Peristiwa ini menggembarakan saya kerana wujudnya kerjasama dalam kalangan penduduk kampung untuk menyelamatkan keluarga Leftenan Adnan yang telah terkorban demi negara.

**(b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor**

- Peristiwa yang menggembarakan saya ialah peristiwa Farisha, Rosman dan Aqram telah menghadiri Simposium Keselamatan Sistem di Hotel Renaissance. Farisha teruja kerana setiap peserta diberi peluang untuk menggodam sistem komputer di Amerika Syarikat dan Jepun. Peristiwa ini menggembarakan saya kerana walaupun Farisha, Rosman dan Aqram telah menjadi pakar dalam bidang komputer tetapi mereka tidak melepaskan peluang untuk menambahkan pengetahuan dalam bidang tersebut.
- Peristiwa yang menggembarakan saya adalah apabila Shida, rakan serumah Farisha sentiasa membantu Farisha seperti menghantar Farisha ke stesen monorel, menghantar ke Softlab dan membantu Farisha menyemak dokumen kontrak. Saya berasa gembira kerana Farisha bertuah memiliki sahabat yang baik ketika susah dan senang.
- Peristiwa yang menggembarakan saya ialah peristiwa pertemuan Farisha dengan Karl ketika Karl sedang nazak. Farisha bertemu dengan Karl yang semakin tenat di rumah agama. Ketika pertemuan itu, Farisha hanya merenung wajah Karl yang kelihatan cengkung. Farisha berjanji kepada Karl bahawa dia akan sentiasa mengingati ayahnya itu. Farisha menangis mengucapkan selamat tinggal kepada Karl dan tidak semena-mena air mata mengalir di pipi lelaki itu. Pembaca berasa gembira kerana akhirnya Farisha berpeluang menemui ayah kandungnya buat kali terakhir.

**(c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin**

- Peristiwa yang menggembarakan saya ialah peristiwa kejayaan Lili menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga Che Jah. Contoh: Lili telah berjaya menyelesaikan kemelut rumah tangga Che Jah dengan bantuan Puan Hamimah, Pegawai Kebajikan Masyarakat.
- Peristiwa yang menggembarakan saya ialah peristiwa kejayaan Danel menyiapkan artikel 'Segalanya Tentang Pisang'. Contoh: Danel berjaya menyiapkan berbelas-belas artikel tentang pisang dalam sebuah buku.
- Peristiwa yang menggembarakan saya ialah peristiwa kejayaan Rafik dan Haziq menyambung pelajaran. Contoh: Mereka berdua telah berubah dan insaf dengan bantuan datuk Lili. Akhirnya mereka akan menduduki peperiksaan PMR sebagai calon persendirian.
- Peristiwa yang menggembarakan saya ialah peristiwa kejayaan Lili dan Danel menyelesaikan isu kubah.
- Contoh: Lili dan Danel berasa amat gembira kerana akhirnya mereka berjaya menyelesaikan isu kubah dengan mencadangkan kubah itu diletakkan di masjid baharu yang bakal dibina.

#### (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Doktor Raiha bertanggungjawab membedah Doktor Uwang setelah beliau terlibat dalam kemalangan iaitu terlanggar tembok garaj kereta. Pusat Rawatan Pantai Kasih. Pembedahan harus dilakukan segera bagi menyelamatkan nyawa Doktor Uwang dan menggantikan sendi pada lutut dan sebelah pergelangan tangannya yang parah. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana Doktor Raiha sentiasa bertanggungjawab terhadap tugasnya sebagai seorang doktor.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Doktor Raiha yang telah mengusap dahi Felicia Landosi sambil tersenyum dan menasihatinya. Doktor Raiha bersedia memaafkan Felicia Landosi dan menerima semua takdir itu dengan menyatakan bahawa mereka merupakan mangsa keadaan. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana Doktor Raiha telah memaafkan kesilapan Felicia Landosi dan beliau pasrah menerima takdir hidupnya.

#### (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

- Peristiwa kejayaan Dahlia melanjutkan pelajaran ke Jepun.  
Contoh: Dahlia berjaya melanjutkan pelajaran ke Jepun walaupun terpaksa mengharungi pelbagai kesusahan seperti kemiskinan hidup keluarga dan masalah keluarga.
- Peristiwa kejayaan keluarga Dahlia menginsafkan Nek Kiah.  
Contoh: Nek Kiah yang tidak menyukai keluarga Dahlia akhirnya insaf selepas dia dijaga oleh Dahlia dan adik-beradiknya semasa Nek Kiah sakit.
- Peristiwa kejayaan masyarakat kampung bermuafakat dan bekerjasama semasa banjir besar melanda.  
Contoh: Penduduk Kampung Haji Rais telah bermuafakat dan bekerjasama membina rumah Embong semula yang musnah akibat banjir. Kaum wanita bergotong-royong menyediakan makanan.
- Peristiwa kejayaan hubungan Dahlia dengan Azhari.  
Contoh: Dahlia dan Azhari akhirnya bertunang walaupun menempuh pelbagai dugaan dalam perhubungan mereka.

#### (f) Tirani karya Beb Sabariah

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Waheeda dan Ghazi membeli dan mengusahakan Chalet Iwana-Iwana yang terletak di Cameron Highlands daripada Pak Cik Aziz dan menukarkan nama chalet itu kepada Aya-Sajinah. Waheeda menggembeng kudratnya untuk membangunkan chalet itu walaupun kadang kala terpaksa berjauhan dengan anak kesayangannya, Izzati yang bersekolah di Sarawak. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana kegigihan Waheeda dalam perniagaan Chalet Aya-Sajinah telah berjaya membuahkan kejayaan apabila chalet tersebut menjadi tumpuan pelancong.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Zahid muncul pada waktu pagi di Kafe Iwana-Iwani dengan harapan akan dapat melihat wajah Izzati dengan lebih dekat lagi. Akhirnya, pertemuan Zahid dan Izzati mengungkap rasa kesal, sedih dan reda kerana gadis yang dilihat oleh Zahid dalam tiga hari ini ialah anaknya yang selama ini dirindukannya. Zahid juga ingin bertemu dengan Waheeda untuk meluahkan perasaan rindu, kesal dan bersalah akibat tindakannya mengabaikan dan meninggalkan Waheeda dan Izzati selama 20 tahun. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana Zahid akhirnya insaf atas kesilapannya selama ini yang mengabaikan keluarganya.

#### (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa seorang penduduk tempatan telah membuat aduan tentang aktiviti bukan perladangan di sebuah ladang kelapa sawit yang terletak jauh di pedalaman Bestari Jaya. Pasukan Gerak Khas telah diarahkan ke lokasi tersebut untuk mengadakan serbuan dan tangkapan. Selepas berbalas tembakan, Muhammad Taufik berjaya diselamatkan. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana wujudnya kerjasama daripada penduduk setempat dengan pihak polis sehingga berjaya menyelamatkan Muhammad Taufik.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Muhammad Taufik meluahkan isi hatinya terhadap Nurul Hafsa. Dia telah mengembalikan selendang hitam manik kristal yang disimpannya semenjak hari pertama dia mengetahui Nurul Hafsa diculik. Muhammad Taufik menyampaikan hasratnya untuk menghantar rombongan lamaran ke kediaman orang tua Nurul Hafsa. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana pada akhir cerita, Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa akan berkahwin.

#### (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa apabila Ratna gagal mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM, dia bertekad membantu emaknya menguruskan gerai dengan dibantu oleh abang dan adiknya. Ratna bercita-cita untuk membuka restoran sendiri dan menjadi seorang usahawan berjaya. Dia tidak menoleh ke belakang dan akhirnya dia telah diberikan kepercayaan oleh emaknya mengurus gerai itu. Kesungguhan Ratna menguruskan perniagaan keluarganya sehingga dia berjaya mencapai impiannya untuk menjadi ahli perniagaan membanggakan pembaca.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Tauke Ong yang terpaksa merantau dari Ipoh ke Batu Pahat, Johor kerana semua tanah mendiang bapanya habis digadaikan oleh abangnya yang suka berjudi. Tauke Ong sekeluarga terpaksa memulakan kehidupannya ditempat baharu dalam keadaan yang sukar. Tauke Ong bekerja menoreh getah di kebun ayah Cikgu Zam dan meraih hasil penduduk kampung pada waktu petang. Berkat kerajinannya, Tauke Ong telah berjaya membeli sebidang tanah untuk dijadikan tapak rumah. Saya berasa gembira dan terharu akan usaha gigih Tauke Ong memberikan penyelesaian kepada keluarganya.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Haiqal tetap dengan pendiriannya untuk pergi ke kampung ayahnya walaupun mendapat tentangan keras daripada uminya dan uminya menyatakan kepada Haiqal bahawa dia tidak akan memberinya wang saku walau satu sen pun ke sana. Namun, ketika Haiqal membuat persembahan zamin, ibunya, walid dan adik tirinya Siti Aishah hadir menyaksikan Haiqal membuat persembahan. Sikap umi yang akhirnya merestui minat Haiqal ini menggembirakan pembaca kerana hubungan yang renggang dapat dipulihkan semula.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah Peristiwa kesungguhan Ai Ling datang ke rumah Cikgu Zam setiap petang untuk belajar mengawal pernafasan selain perlukan konsentrasi ketika bersajak. Cikgu Zam mengajar Ai Ling cara mendeklamasikan sajak dengan sebutan dan intonasi yang betul sehingga pukul 6.30 petang setiap hari. Akhirnya Ai Ling memenangi pertandingan mendeklamasikan puisi peringkat

sekolah untuk murid-murid tahap satu. Saya berasa gembira dan bangga dengan usaha gigih Ai Ling sehingga berjaya dalam pertandingan tersebut.

- Peristiwa yang menggemirakan saya ialah peristiwa Abdullah Kayan yang sanggup berpisah dengan isteri dan anaknya kerana kecintaannya terhadap sastera dan warisan budaya iaitu tarian zapin yang ada di kampungnya iaitu Sri Purnama Batu Pahat, Johor. Semasa di Batu Pahat, Abdullah Kayan telah berusaha mengembangkan seni tarian zapin. Beliau telah menghidupkan semula kumpulan zapin D’Purnama dan menubuhkan Aksara untuk mengembangkan kesusasteraan dalam kalangan masyarakat Kampung Seri Purnama. Pembaca berasa gembira serta bangga kerana Abdullah Kayan sanggup menghidupkan semula warisan budaya yang telah lama dipinggirkan.

## KERTAS MODEL SPM

### KERTAS 1

#### BAHAGIAN A

##### Pendahuluan

Ramai mengetahui bahawa perbelanjaan berhemah dapat mengelakkan kebocoran simpanan dan menjaga keseimbangan kewangan – separuh rakyat Malaysia tidak dapat menyimpan RM1000 untuk kegunaan ketika kecemasan – mereka tidak mempunyai ilmu penyimpanan wang yang baik – menyebabkan masa depan mereka gelap dan sukar berhadapan dengan situasi mencabar – apakah panduan perbelanjaan secara berhemah?

##### Isi 1

Setiap individu perlu membuat senarai barang keperluan dan membandingkan harga sebelum membeli – untuk memastikan mereka membuat keputusan yang bijak sebelum mengeluarkan duit kepada perkara yang tidak berfaedah – boleh menggunakan *price catcher* untuk membandingkan harga barangan dalam tempoh yang singkat – menjadi pembeli yang bijak dan tidak boros – amalan ini perlu disebarluaskan kepada ramai orang supaya dapat membantu ekonomi masyarakat – hendaklah sentiasa membuat kira-kira terhadap komitmen seperti makan, minum, kereta, pengisian petrol dan bayaran bulanan rumah

##### Isi 2

Mengutamakan kualiti dan nilai serta tidak mudah terpengaruh dengan iklan dan promosi penjual – pembeli juga boleh mengamalkan prinsip tidak mengutamakan jenama – alah membeli menang memakai – ukur baju di badan sendiri – kempen boleh dilaksanakan agar lebih ramai yang cakna terhadap situasi ini dalam kehidupan yang semakin mencabar

##### Kesimpulan

Setiap orang perlu mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap perbelanjaan berhemah – mengelakkan tekanan emosi ketika menghadapi masalah kewangan – simpanan boleh digunakan ketika dalam kesempitan – orang sekeliling hendaklah saling mengingatkan agar tidak terlibat dengan pinjaman Ah Long yang boleh menyebabkan ahli keluarga terjerat sama

#### BAHAGIAN B

##### 1 Pendahuluan

Biar mati anak jangan mati adat – begitulah peribahasa yang sering diperdengarkan untuk memastikan aspek kebudayaan

terus dikekalkan sehingga ke hari ini – terdapat pelbagai keunikan kebudayaan kerana negara kita mempunyai pelbagai kaum etnik dengan setiap daripadanya menampilkan identiti budaya yang unik dan istimewa – setiap kumpulan etnik memiliki ciri-ciri budaya sendiri dan mereka mengecapi tahap integrasi yang berbeza – budaya boleh dilihat menerusi perayaan, adat resam dan pengaruh – namun aspek kebudayaan pada masa ini kelihatan goyah atas sebab-sebab tertentu

##### Isi 1

Pengaruh budaya luar yang semakin menjadi tumpuan generasi muda menjadi asbab peninggalan nenek moyang semakin ditelan dek zaman – budaya tersebut tersebar dengan meluasnya di media sosial dan boleh diakses oleh semua masyarakat lapisan umur – generasi muda yang seolah-olah mencuba perkara baharu semakin seronok meniru walaupun budaya tersebut melanggar norma budaya ketimuran – pada awalnya hanya suka-suka tapi alah bisa tegal biasa – mereka terus melupakan warisan terdahulu dan menganggapnya lapuk dan tidak sesuai dengan peredaran masa – hasilnya lebih ramai generasi muda hanyut dengan budaya Barat

##### Isi 2

Pandangan serong terhadap budaya juga menyebabkan sektor berkenaan tidak berkembang – segelintir masyarakat individu yang berkecimpung dengan aktiviti budaya tidak mempunyai masa depan yang cerah – membuang masa dan tidak mendatangkan keuntungan – sepatutnya generasi muda diberikan pendedahan tentang kepentingan menyuburkan kebudayaan di negara kita bukannya memberikan tanggapan negatif kepada penggiat seni seperti penari tradisional dan individu-individu yang memakai pakaian tradisi ketika majlis-majlis keramaian – penyediaan menu-menu pada sesuatu majlis juga perlu lebih mengetengahkan makanan tradisional seperti kuih-muih yang sudah jarang ditemui di mana-mana lokasi tumpuan – perkara ini perlu mendapat kerjasama daripada pihak berkepentingan seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya supaya generasi kini lebih mengamatinya berbanding budaya luar

##### Isi 3

Pengaruh gajet yang lebih menjadi tarikan kepada generasi muda – lihat sahaja apabila golongan muda yang pergi ke pertunjukan kebudayaan bersama ibu bapa, mereka seolah-olah tidak menghiraukan persembahan namun sibuk dengan permainan video di telefon pintar – keunikan yang ditampilkan di pentas persembahan tidak lagi menjadi tarikan kepada mereka – nasihat daripada ibu bapa juga diabaikan – sedangkan usaha ibu bapa yang membawa mereka ke tempat-tempat begitu merupakan usaha yang murni dalam memastikan kesuburan budaya tradisional namun dilihat seperti bertepuk sebelah tangan – pemberian nafas baharu terhadap kesenian dan kebudayaan perlu difikirkan agar dapat menarik minat mereka – pendedahan di peringkat sekolah juga perlu dipergiatkan seperti menggalakkan lebih ramai murid menyertai pertandingan di pelbagai peringkat – jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya

##### Kesimpulan

Meskipun banyak cabaran usaha penyuburan budaya dalam kalangan masyarakat perlu terus dipergiat – memastikan kesenian dan kebudayaan tidak luput ditelan zaman – semua

pihak perlu berganding bahu memastikan usaha ini berjaya – golongan muda juga hendaklah sentiasa mempunyai kesedaran tentang kepentingan menjaga kebudayaan tersebut – jika bukan kita siapa lagi yang ingin memastikan pengekalan budaya tersebut – membolehkan generasi akan datang merasai nikmat mengamalkan budaya sebagai identiti yang paling utama untuk masyarakat di Malaysia

## 2 Pendahuluan

Ibu bapa sememangnya perlu menyediakan aktiviti yang berfaedah kepada anak-anak terutamanya ketika musim cuti persekolahan – mengelakkan anak-anak daripada terdedah dengan gejala sosial – terlalu membuang masa dengan permainan video dan media sosial yang melalaikan – ibu bapa hendaklah membawa anak-anak berkunjung ke tempat yang memberikan pengetahuan seperti Petrosains di KLCC – banyak manfaat yang boleh saya miliki menerusi kunjungan ke tempat berkenaan

### Isi 1

Menambah pengetahuan saya tentang dunia sains – banyak informasi dan fakta yang dikongsikan di Petrosains – menambahkan pengetahuan semasa untuk diaplikasikan dalam pendidikan – menjadi sebahagian pembelajaran luar bilik darjah – apabila saya mempunyai pengetahuan yang luas mereka lebih yakin untuk berkomunikasi – sesuai dengan kehendak Kementerian yang mahukan murid mempunyai kemahiran berkomunikasi – tidak menjadi katak di bawah tempurung – berkongsi pengalaman yang sama dengan rakan-rakan di sekolah

### Isi 2

Menanamkan minat saya terhadap teknologi – melihat pelbagai ciptaan yang terkini dan canggih yang dipamerkan di Petrosains – boleh menyentuh dan merasai pengalaman itu sendiri dan menjadikannya pembelajaran bermakna – kemahiran IQ dan EQ saya semakin matang dan boleh berkembang menjadi seorang yang suka mencuba sesuatu yang baharu – memberikan idea yang segar ketika saya menjalankan projek reka cipta di sekolah – terlibat dengan pelbagai inovasi – anak-anak seperti kain putih, yang mencoraknya bermula sejak di rumah lagi – ibu bapa perlu meluangkan masa cuti sekolah untuk membolehkan saya menerokai kepelbagaian dunia luar

### Isi 3

Menetapkan kerjaya pilihan saya seawal peringkat usia – banyak perkongsian yang dikongsikan di Petrosains – pemikiran saya boleh terbuka untuk menceburi bidang aeroangkasa ketika alam kerjaya – persediaan awal dari peringkat sekolah supaya saya boleh memberikan tumpuan yang lebih kepada mata pelajaran berkaitan – memilih pakej aliran STEM semasa tingkatan 4 – Malaysia mengalami masalah apabila kerjaya sedemikian seolah-olah tidak menjadi pilihan – lawatan ke Petrosains merupakan langkah kesedaran yang boleh diambil

## Kesimpulan

Banyak manfaat yang boleh dimiliki oleh pelawat – selain meningkatkan nama negara menerusi tempat pelancongan, Petrosains memberi impak positif kepada generasi muda seperti saya – keunikan negara dipandang tinggi oleh para pelancong kerana mempunyai kepelbagaian tempat pelancongan – pelbagai

aktiviti yang disediakan untuk mewarnai percutian pelancong baik dari dalam mahupun luar negara

## 3 Pendahuluan

Generasi muda merupakan aset berharga kepada negara – bukan sahaja untuk memajukan ekonomi semata-mata namun menerajui kepimpinan – kelangsungan kemajuan negara terletak kepada corak pemerintahan masa hadapan – tidak mahu pisang berbuah dua kali kerana negara dijajah oleh kuasa asing – generasi kini sepatutnya perlu lebih prihatin terhadap perkembangan negara bukan sekadar terikut-ikut dengan pandangan negatif pihak tidak bertanggungjawab – apakah persediaan yang boleh dilakukan oleh generasi muda?

### Isi 1

Aspek pembangunan rohani dan jasmani perlu diterapkan secara seimbang dan menyeluruh ke dalam diri – rohani dan jasmani merupakan aspek penting dalam memastikan jati diri individu terus utuh – bakal pemimpin perlu menerapkan kedua-dua elemen itu memandangkan ia tonggak keutuhan pelbagai aspek termasuklah perpaduan rakyat – pemimpin yang memandu rakyat untuk sentiasa memandangnya sebagai asas pembentukan sesebuah negara – sekiranya rohani dan jasmani tidak menjadi keutamaan dalam kepimpinan, maka benteng negara mudah diperkotak-katikan oleh pihak tidak bertanggungjawab – kita boleh lihat ramai pemimpin yang mempunyai keseimbangan rohani dan jasmani – boleh dijadikan contoh

### Isi 2

Proses membentuk jati diri generasi muda terutama dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah menengah harus mempunyai kesinambungan berterusan – tidak terhenti di peringkat sekolah – elemen pendidikan sudah mantap namun tidak perlu menerima kesinambungan di pelbagai peringkat sama ada institusi pendidikan tinggi mahupun sektor pekerjaan – semasa mereka dewasa, tahap pengawasan sudah mula berkurangan namun pemantauan dan kesedaran hendaklah sentiasa dilakukan supaya mereka tidak tersasar dari landasan yang tepat – mengelakkan juga gejala sosial daripada meningkat dan membimbangkan ramai pihak – peranan media sosial dan pelaksanaan program bersifat kepimpinan perlu diperkasakan melibatkan seluruh generasi tanpa pengecualian – sebagai contoh PLKN dan pengambilan kadet-kadet pengurusan dan diplomatik

### Isi 3

Persediaan dari aspek mental dan ketahanan daya saing – untuk memastikan mereka boleh berhadapan dengan cabaran yang lebih besar ketika memimpin negara – remaja perlu memperbanyak bahan bacaan untuk menambah ilmu pengetahuan – dengan ilmu akan menguatkan lagi kecerdasan pemikiran mereka untuk mengatur strategi pembangunan negara yang lebih mantap – memastikan negara sentiasa dipandang tinggi oleh negara lain – lebih ramai generasi yang berilmu maka masalah sosial akan berkurangan kerana mereka boleh berfikir secara rasional dan matang – setiap individu mempunyai kepakaran sendiri maka ilmu itu bukan hanya memfokuskan ilmu teori semata-mata namun ilmu ketenteraan dan ilmu pengurusan juga perlu diperkasakan dalam kalangan generasi muda – supaya kepimpinan negara lengkap dan tidak mudah dicabar oleh kuasa asing

## Kesimpulan

Pelbagai persediaan lain boleh dilakukan – pihak berkepentingan perlulah sentiasa merangka pelan strategik untuk memastikan aset negara tidak hanyut dek keseronokan teknologi kini – pelbagaikan lagi program bersifat kesedaran supaya timbul rasa tanggungjawab terhadap negara tercinta ini – yang patah tumbuh hilang berganti maka pewaris kepimpinan hendaklah diteruskan supaya kegemilangan negara yang dikecapi kini dapat dikekalkan untuk generasi yang mendatang – kerjasama daripada generasi muda juga diperlukan agar usaha kerajaan kini tidak diibaratkan mencurahkan air ke daun keladi

## 4 Pendahuluan

Saban tahun ada sahaja khabar berita gembira di media massa berkaitan kecemerlangan atlet negara – mereka telah mengharumkan nama di pelbagai peringkat – duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan negara maju – pastinya kejayaan tersebut menjadi kebanggaan setiap masyarakat yang sentiasa mengharapkan kilauan emas dalam apa-apa temasya sukan – Datuk Wira Lee Chong Wei, Datuk Nicol Ann David serta Datuk Azizulhasni Awang merupakan antara nama-nama yang menjadi bualan rakyat – pastinya kejayaan mereka disebabkan sikap profesional dan ciri-ciri istimewa dalam diri – apakah ciri-ciri tersebut?

### Isi 1

Seorang atlet perlulah bermotivasi tinggi – personaliti, sosial dan kognitif memainkan peranan ketika seorang atlet ingin beraksi dan bermatlamat mencapai wawasan – perlu disokong oleh faktor persekitaran seperti dorongan jurulatih, tidak mudah mengaku kalah dengan kegagalan dalam pertandingan dan cuaca yang menjadi antara penghalang untuk seorang atlet menonjolkan kehebatan – atlet perlu menggabungkan ciri keperibadian mereka dengan faktor persekitaran tersebut sebagai pendorong kepada arah kejayaan yang ingin dilakar – apabila atlet ke luar negara mereka tidak boleh mengaku kalah dengan perbezaan di negara luar sebaliknya perlu segera beradaptasi agar kejayaan dapat dilakar

### Isi 2

Menanamkan sikap berani menghadapi cabaran – bagi memastikan mereka mencapai objektif utama dalam memburu impian walaupun berhadapan dengan sesiapa lawan – sikap berani akan menonjolkan keterampilan diri seorang atlet dan mewujudkan persaingan kepada pihak lawan – selain itu, sikap berani ini juga perlu dibentuk untuk memastikan atlet negara terus bersedia menghadapi segala cabaran yang mendatang – kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai – hendaklah sentiasa menampilkan persembahan yang terbaik kerana mereka sudah memilih kerjaya ini – alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan – menghadapi lawan dengan semangat juang sekali gus dapat melakukan sesuatu di luar jangkaan dengan mematuhi syarat yang ditetapkan

### Isi 3

Berdisiplin tinggi juga merupakan ciri yang perlu dimiliki oleh seorang atlet – mendidik atlet untuk mematuhi peraturan, arahan dan ketetapan masa yang ditetapkan – disiplin bukan sekadar ketika di pentas perlawanan namun dari aspek latihan dan gaya hidup – sebagai contoh disiplin pemakanan, gaya hidup

dan sesi latihan – disiplin bermula dari bangun tidur sehingga tidur semula kerana melibatkan pengawasan atau pengawalan dalam proses menjadi atlet yang berjaya – menampilkan juga sikap tanggungjawab kerana bukan sahaja membawa nama negara tetapi mereka cenderung untuk mempertahankan nilai-nilai murni dalam setiap tindak-tanduknya – atlet akan memiliki kesedaran diri untuk berlatih sendiri, meningkatkan keterampilan dalam menjaga fizikal dan ketahanan jasmani

## Kesimpulan

Banyak lagi ciri yang boleh diterapkan dalam diri seorang atlet untuk menjadikan mereka lebih profesional dan sentiasa dipandang mulia dalam dunia sukan – mereka yang dianggap sebagai ayam tambatan kepada negara hendaklah sentiasa terus berusaha memastikan mutu terbaik dalam setiap temasya yang disertai – perlu menghargai sokongan yang diberikan oleh pelbagai pihak termasuklah daripada kerajaan dan rakyat yang sentiasa meletakkan harapan tinggi untuk mereka membawa pingat setiap kali mewakili negara – tuah ayam nampak di kaki tuah manusia siapa yang tahu

## KERTAS 2

### BAHAGIAN A

#### 1 Empat kata hubung:

- yang  
Rumah yang terletak bersebelahan dengan kebun getah itu musnah akibat kebakaran malam tadi.
- atau  
Ibu meminta adik supaya meninggalkan sikap buruknya itu atau dia akan dikenakan hukuman yang setimpal.
- sejak  
Kesedaran menjaga kebersihan sungai hendaklah dipupuk dalam kalangan masyarakat sejak usia muda lagi.
- dengan  
Ayah mencantas ranting-ranting pokok di hadapan rumah dengan menggunakan gunting yang sangat tajam.
- untuk  
Kek hari ulang tahun ini disediakan khas untuk guru kesayangan kelas 5 Bestari.
- kerana  
Azim perlu menonjolkan bakatnya dalam sukan bola sepak kerana dia merupakan harapan abang-abangnya yang juga pemain sukan itu.

#### 2 Hutan ini berfungsi untuk mengawal hakisan pantai dan menjadi habitat beberapa hidupan akuatik.

- Hutan ini berfungsi untuk mengawal hakisan pantai.
  - Hutan ini berfungsi untuk menjadi habitat beberapa hidupan akuatik.
- Pengusaha kilang arang kayu bakau tidak boleh sesuka hati menebang bakau untuk menjadikannya arang.
- Pengusaha kilang arang kayu bakau tidak boleh sesuka hati menebang bakau.
  - Pengusaha kilang arang kayu bakau tidak boleh menjadikan kayu bakau arang.
- Proses untuk menghasilkan arang kayu bakau ini memerlukan kepakaran tenaga kerja yang mencabar.
- Proses untuk menghasilkan arang kayu bakau ini memerlukan kepakaran tenaga kerja.
  - Proses untuk menghasilkan arang kayu bakau ini mencabar.

3

Salah	Betul
dan	hingga
diharapkan	mengharapkan
pada	kepada
ketahuan	pengetahuan
kepelbagaian budaya-budaya	Kepelbagaian budaya/ budaya-budaya
patriotisma	patriotisme
bersendiri	tersendiri
seringkali	sering kali
Walaubagaimanapun	Walau bagaimanapun
memperaktiskan	mempraktikkan
adalah	ialah

4 Selepas Kertala Sari hadir ke rumahnya, dia mengajukan soalan kepada ibunya, “Wahai ibu, ke manakah bapa pergi kerana saya tidak melihatnya dari tadi?”

Lalu ibunya pun menangis dan memberitahu, “Bapamu telah meninggal dunia kerana dibunuh oleh orang Melayu yang bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

- 5
- banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragamnya:
    - lain dulang lain kaki, lain orang lain hati
    - lain lubuk, lain ikannya
    - lain padang lain belalang, lain orang lain ragamnya
    - rambut sama hitam tetapi hati masing-masing lain
  - setinggi-tinggi terbang bangau akhirnya hinggap di belakang kerbau juga:
    - belut pulang ke lumpur
    - haruan pulang ke lubuk
    - siri pulang ke gagang
    - hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri
  - sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi:
    - habis madu sepah dibuang
    - sudah dapat gubah dikarang, bunga sekaki dicampak buang
    - guna-guna alu, sesudah menumbuk dicampakkan
    - telah dapat gading bertuah, terbuang tanduk kerbau mati

## BAHAGIAN B

- 6 (i) keadaan membimbangkan  
(ii) Masalah-masalah yang berlaku dalam sektor pertanian, perikanan dan penternakan ialah:

### Bahan 1

- Sektor pertanian, perikanan dan penternakan mengalami kerugian lebih RM90 juta kerana bencana banjir pada akhir 2021
- Monsun timur laut pula telah menjejaskan seramai 8,166 golongan sasar melibatkan 13,244 hektar kawasan pertanian dengan anggaran nilai kerosakan sebanyak RM48.6 juta
- Seramai 871 orang penternak akuakultur dan 81 pengusaha produk perikanan di seluruh negara telah mengalami kerugian berjumlah RM55 juta

## Bahan 2

- Kesan pencemaran alam sekitar seperti sisa akuakultur, termasuk sisa makanan yang tidak digunakan termasuk najis ternakan dilepaskan ke alam sekitar
  - Dianggarkan 100 hingga 200 kilogram (kg) nitrogen dan 10 hingga 15kg fosforus menyumbang kepada sekurang-kurangnya 30 peratus sisa air kolam setiap tahun
- (iii) Kesan-kesan negatif sekiranya pencemaran tersebut tidak ditangani dengan segera ialah:
- Mendatangkan banyak penyakit
  - Pencemaran alam sekitar yang berlaku boleh mendatangkan banyak penyakit
  - Boleh menyebabkan bencana alam
  - Menyebabkan keseimbangan alam sekitar terjejas
- (iv) Peranan saya sebagai penduduk ketika itu ialah:
- Menegur tindakan si pelaku yang tidak bertanggungjawab itu.
  - Mengambil gambar keadaan yang berlaku
  - Menelefon pihak berkuasa untuk memberitahu keadaan yang berlaku
  - Melaporkan tindakan tidak bertanggungjawab itu
- 7 (i) Maksud perenggan ketiga sajak ialah penyajak memandang ke atas dan melihat keadaan alam semula jadi yang semakin tercemar. Pencemaran alam semula jadi dikaitkan dengan keadaan Bahasa Melayu yang semakin kurang didaulatkan penggunaannya. Penyajak juga berpendapat bahawa kemakmuran negara tidak dapat menjamin kedaulatan bahasa Melayu.
- (ii) Alasan seseorang itu perlu memartabatkan bahasa Melayu:
- Bahan 1**
- Mempertahankan nasib bangsa
  - Menjamin kemakmuran negara
- Bahan 2**
- Merupakan warisan yang kita masih ada
  - Mengekalkan maruah dan mengelakkan dilaknati Allah
- (iii) Peranan pelbagai pihak untuk memastikan hasrat kerajaan itu dapat dilaksanakan:
- Media massa hendaklah menjadi platform yang penting dalam penggunaan bahasa Melayu secara serius
  - Institusi pendidikan perlu lebih menekankan penggunaan bahasa Melayu dalam semua program yang dianjurkan
  - Badan-badan kerajaan dan pihak swasta hendaklah mewajibkan penggunaan bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi
  - Ibu bapa perlulah menggalakkan pendidikan bahasa Melayu dari rumah
- (iv) Usaha saya untuk memastikan masalah tersebut tidak berterusan:
- Saya akan mengambil gambar papan tanda tersebut
  - Memberitahu ibu bapa tentang kesalahan tersebut
  - Meminta ibu bapa melaporkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa tempatan
  - Menasihatkan adik-beradik lain untuk tidak melakukan kesalahan yang sama
- 8 (i) Anggapan ibu tentang seseorang yang menggemari kafein dan rokok ialah
- Menghidapi penyakit seperti kemurungan, tekanan darah tinggi, kekeliruan mental, osteoporosis, kanser dan kardiovaskular akan memendekkan jangka hayat manusia

- Mungkin hanya akan hidup tidak lebih daripada 50 tahun atau lebih singkat
- Memudaratkan diri

(ii) Dua peristiwa yang boleh dijadikan contoh kepada pembaca

**(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib**

- Peristiwa Leftenan Adnan dan Datuk Penghulu menangkap tali barut Jepun. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca kerana setiap rakyat bertanggungjawab untuk memastikan negara dalam keadaan selamat dan terhindar daripada tali barut yang menjejaskan kebebasan negara.
- Peristiwa peperangan sengit yang berlaku di Bukit Candu. Walaupun ramai pemimpin terkorban, namun askar Tanah Melayu tidak menyerah kalah dan berundur daripada peperangan itu. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kerana pejuang-pejuang tanah air itu telah menerapkan semangat patriotisme dalam diri pembaca untuk terus mencintai tanah air

**(b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor**

- Peristiwa Farisha menangis kesedihan waktu pertama kali melihat wajah ayahnya kandungnya, Karl. Peristiwa ini memberi contoh kepada pembaca untuk menanamkan sikap sayang-menyayangi anggota keluarga walaupun sebenarnya Farisha merupakan anak yang tidak sah taraf.
- Peristiwa Karl memasukkan pelbagai jenis ubat ke dalam tubuh Farisha pada usianya masih bayi hanya dengan tujuan untuk menjadikannya anaknya itu genius. Peristiwa ini memberikan contoh kepada pembaca sebagai ibu bapa tidak boleh melawan hukum manusia dengan berbuat perkara yang tidak diizinkan sebaliknya ibu bapa perlu mendidik dengan cara yang betul mengikut nasihat daripada Kementerian Kesihatan.

**(c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin**

- Peristiwa Lili menghabiskan masa cuti persekolahannya di kampung bersama nenek dan datuk atas permintaan ibunya. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca untuk sentiasa meluangkan masa dengan orang yang tersayang sebelum terlambat.
- Peristiwa Lili sanggup memaafkan Rafik dan Haziq yang telah mengurung dan menjadikannya sebagai tebusan dalam satu insiden culik di kampung. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca untuk tidak menjadi seorang pendendam kerana memaafkan orang merupakan amalan yang sangat mulia.

**(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin**

- Peristiwa Raiha tetap dengan pendiriannya untuk mengekalkan janin dalam kandungannya kerana janin itu merupakan anak daripada hubungan perkahwinan yang halal. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca untuk tidak sewenang-wenangnya menggugurkan kandungan kerana anak tersebut tidak berdosa.
- Peristiwa Doktor Uwang yang berusaha lima kali menjalankan pembedahan sendi pinggul terhadap Unong Siron walaupun tidak berhasil. Peristiwa ini menjadi contoh kepada pembaca untuk terus berusaha menyelamatkan nyawa seseorang lebih-lebih lagi apabila kita menggalas tanggungjawab tersebut.

**(e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip**

- Peristiwa Tauke Lim yang prihatin terhadap kesusahan dan kemiskinan hidup dialami oleh keluarga Embong. Tauke Lim sanggup memberikan makanan dan wang kepada mereka. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kerana kita perlulah menyelami kesusahan orang lain dan berkongsi rezeki dengan individu yang memerlukan bantuan.
- Peristiwa semasa Bakar mengemas bahagian bawah rumah dan terjumpa dua biji telur ayam berwarna hitam yang berbau busuk. Telur itu juga mengandungi pelbagai bahan berkaitan aktiviti sihir. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca untuk tidak mengamalkan budaya khurafat kerana melanggar hukum agama dan kemanusiaan.

**(f) Tirani karya Beb Sabariah**

- Peristiwa Waheeda digambarkan sebagai seorang yang berani mengambil risiko apabila dia mengambil alih perniagaan Pak Cik Abdul Aziz walaupun pada ketika itu syarikat tersebut menghadapi masalah kewangan akibat penyelewengan. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kerana Waheeda mempunyai niat yang baik untuk membantu Pak Cik Abdul Aziz yang menghadapi masalah dan sebagai seorang yang berpengalaman dia sanggup untuk menghadapi risiko berkenaan untuk mencapai kejayaan.
- Peristiwa Zahid yang cemburu dan bersikap curiga terhadap isterinya sehingga menjatuhkan talak satu. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca terutamanya para suami di luar sana untuk berfikir terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara demi menyelamatkan rumah tangga.

**(g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop**

- Peristiwa Nurul Hafsa dan Budiman yang digambarkan gigih dalam usaha mencari dan mengumpul data-data tentang kepupusan kelip-kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor. Peristiwa ini memberikan contoh kepada pembaca kerana dalam melakukan sesuatu pekerjaan kita hendaklah menunjukkan hasil dan kualiti kerja yang terbaik.
- Peristiwa Muhammad Taufik diserang dan dipukul ketika dia baru pulang dari masjid namun diselamatkan oleh Budiman dan Nurul Hafsa yang berada di kawasan berhampiran. Peristiwa ini menjadi contoh kepada kita sebagai pembaca untuk sentiasa membantu orang lain yang berada dalam keadaan kecemasan kerana kita tidak tahu apa yang akan berlaku kepada kita pada masa akan datang.

**(h) Silir Daksina karya Nizar Parman**

- Peristiwa Haiqal yang bersikap hormat terhadap tindakan ibunya semasa tidak membenarkan dia menziarahi jenazah ayahnya di Batu Pahat Johor untuk memberi keutamaan kepada peperiksaan UPSR. Peristiwa ini menjadi contoh kepada pembaca untuk mematuhi perintah ibu yang telah banyak berkorban untuk kita sebagai seorang anak.
- Haiqal pulang ke Kampung Seri Purnama, Batu Pahat Johor untuk mewarisi peninggalan ayahnya itu. Haiqal membangunkan semula seni persembahan arwah ayahnya sehingga berjaya. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh

kerana sebagai anak hendaklah mewarisi peninggalan arwah ayahnya kerana menjadi pahala berterusan sekiranya memberi manfaat kepada masyarakat.

## BAHAGIAN C

### 9 Pendahuluan

- Rumusan membincangkan faedah-faedah tinggal di asrama, punca-punca murid belum sesuai tinggal di asrama dan tip-tip mengendalikan stres anak-anak di sekolah.
- Rumusan membincangkan faedah-faedah tinggal di asrama dan punca-punca murid belum sesuai tinggal di asrama.
- Rumusan membincangkan faedah-faedah tinggal di asrama dan tip-tip mengendalikan stres anak-anak di sekolah.

#### Isi

##### Bahan 1 – Faedah tinggal di asrama

- Waktu belajar yang telah diatur oleh pihak sekolah berasrama lebih padat berbanding sekolah harian
- Pembentukan disiplin yang tinggi dalam kalangan murid
- Suasana pembelajaran di asrama juga lebih baik dan teratur
- Persaingan yang sihat antara murid itu juga boleh wujud
- Terdapat juga pelbagai kemudahan riadah

##### Bahan 1 – Punca-punca murid belum sesuai tinggal di asrama

- Mereka masih mentah dan belum bersedia dari segi psikologi untuk berhadapan cabaran hidup
- Pada usia itu remaja memerlukan bimbingan ibu bapa dalam membentuk serta memantapkan acuan diri
- Mereka masih tercari-cari dan belum mengenal identiti diri sekali gus tidak dapat membuat keputusan terbaik
- Mereka lebih cenderung mendengar nasihat serta mempercayai rakan berbanding ibu bapa

##### Bahan 2 – Tip mengendalikan stres anak-anak di sekolah

- Mewujudkan keadaan sekolah yang selamat dan sihat
- Membentuk ciri “Sekolah Penyayang” dalam kalangan guru dan murid
- Memberikan kebebasan murid mengekspresikan bakat menerusi pelbagai aktiviti
- Menyediakan prasarana lengkap untuk aktiviti kokurikulum
- Menyediakan bantuan kaunseling kepada semua warga sekolah

#### Kesimpulan

Kesimpulannya, tinggal di asrama perlu diberikan perhatian khusus oleh semua pihak agar anak-anak dapat menjalani pendidikan dengan berkualiti.

## KERTAS 3

### BAHAGIAN A: Taksiran Individu

- 1 Hari Pengguna Kebangsaan 2023 diadakan di Piazza Pavilion, Bukit Jalil.
- 2 Tujuan sambutan Hari Pengguna Kebangsaan (HPK) 2023 anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) adalah bukan sahaja untuk meraikan pengguna tetapi untuk mengingatkan mereka tentang hak yang perlu dipertahankan.
- 3 Pada pendapat saya, antara ciri pengguna yang bijak adalah mengutamakan keperluan berbanding kehendak. Di samping itu, pengguna yang bijak seharusnya mengelakkan untuk berhutang dalam berbelanja. Pengguna yang bijak juga seharusnya membeli barangan yang berkualiti kerana barangan berkualiti

dapat menjamin kepuasan pengguna dan mempunyai daya tahan yang lebih lama berbanding barang yang rendah kualitinya.

- 4 Pada pendapat saya, untuk melahirkan pengguna yang bijak, media massa memainkan peranan yang signifikan. Sama ada pihak media elektronik seperti televisyen atau pihak media cetak terutama akhbar perlu menerapkan pengetahuan atau hak-hak pengguna kepada khalayak ramai. Hal ini dikatakan demikian kerana media massa mempunyai pengaruh yang besar kepada masyarakat kita. Dengan bantuan media, pengguna akan mengetahui cara-cara yang berkesan untuk menuntut hak mereka daripada dimanipulasikan oleh peniaga. Selain itu, Badan-badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) perlu bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk mengadakan “Kempen Pengguna Yang Bijak”. Dalam konteks ini, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) perlu memikul amanah untuk mengadakan kempen tersebut dari semasa ke semasa supaya orang ramai benar-benar mengetahui hak mereka sebagai pengguna. Aktiviti tentang ceramah, pameran, forum, persidangan, pertandingan koir, peraduan melukis poster dan menulis esei tentang hak pengguna harus diadakan bersempena dengan kempen tersebut.

### BAHAGIAN B: Taksiran Kumpulan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pekerja ialah orang yang bekerja yang lazimnya untuk mendapat bayaran atau memperoleh pendapatan. Dalam konteks ini, pekerja mempunyai nilai yang sangat tinggi dalam sesebuah organisasi bahkan pihak kerajaan telah menggubal Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja untuk menjamin keselamatan pekerja di tempat kerja. Akta ini bertujuan untuk melindungi pekerja, rakan sekerja, ahli keluarga, majikan, pelanggan serta individu yang mungkin terjejas akibat persekitaran tempat kerja. Oleh itu, sudah pastilah majikan mengharapkan pekerjaannya yang benar-benar berkualiti untuk kesejahteraan sesebuah organisasi untuk memperoleh hasil pengeluaran yang bermutu tinggi kelak. Setiap majikan mempunyai ciri pilihan mereka berdasarkan corak perniagaan atau kerja yang dijalankan. Jika melibatkan pekerjaan fizikal sudah tentu kekuatan menjadi pilihan majikan. Namun, sikap dan perangai setiap manusia berlainan bak kata pepatah Melayu rambut sama hitam, hati lain-lain. Wajar untuk kita bincangkan apakah ciri-ciri pekerja berkualiti idaman para majikan supaya dapat menjadi rujukan untuk semua.

Menelusuri ciri perdana yang diidamkan oleh majikan terhadap pekerja mereka ialah mempunyai keterampilan diri yang menarik. Keterampilan diri ialah gaya yang ditunjukkan oleh setiap individu seperti berpakaian kemas dan memakai bau-bauan yang menenangkan. Ciri ini sangat penting terutamanya dalam bidang yang memerlukan pekerja menjadi wakil kepada syarikat atau majikan dan pelanggan yang berurusan dengan mereka akan berasa tertarik dengan nilai yang ditunjukkan oleh pekerja. Bukan setakat itu sahaja, pekerja yang mempunyai keyakinan diri yang baik malah dilengkapi tatasusila yang unggul pasti membantu setiap pekerja dalam syarikat atau organisasi terbabit untuk bersikap lebih profesional. Terdapat segelintir individu terutamanya golongan pencari kerja yang baharu tamat pengajian di institusi pengajian tinggi mempunyai biodata dan profil yang meyakinkan tetapi apabila hadir ke sesi temu duga, kebanyakannya kurang dari segi keterampilan diri yang menarik ibarat indah khabar daripada rupa. Izharnya, keterampilan diri merupakan ciri pekerja yang berkualiti yang diidamkan oleh majikan.

Beralih pula kepada fokus yang kedua, majikan lazimnya mengidamkan pekerja yang mempunyai kemahiran komunikasi yang baik. Sejak di bangku persekolahan lagi, kita telah diterapkan bahawa komunikasi merupakan kunci kepada segala peluang. Kemahiran untuk berkomunikasi pula perlu diasah dan lahir daripada pengalaman setiap individu kerana pelbagai faktor yang menyumbang kepada cara kita berkomunikasi. Sebagai majikan, mereka pastinya memerlukan pekerja yang jujur dalam menjalankan tugas, pandai mengutarakan pendapat apabila berlaku perselisihan dan cadangan serta bijak mendengar dan memerhati apa-apa yang dikehendaki oleh majikan. Selain itu, majikan juga gemar kepada pekerja yang pandai bergaul dan membiasakan diri dengan budaya kerja mereka ibarat masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang harimau mengaum. Hal ini dikatakan demikian kerana jika syarikat dan organisasi tersebut besar dan sudah lama bertapak, mereka pasti mempunyai budaya kerja yang wajar dipatuhi oleh pekerja baharu. Tegasnya, kemahiran berkomunikasi yang tinggi akan membawa pekerja ke tahap yang lebih baik dan memberi manfaat kepada majikan.

Pada nada yang sama, majikan pastinya mengimpikan pekerja yang berkualiti dengan memiliki kecerdasan dalam menyelesaikan tugas atau masalah yang dihadapi. Kecerdasan dalam konteks ini bermaksud keupayaan untuk merancang, menganjur, menetapkan keutamaan, menyelesaikan masalah dan menyelesaikan tugas yang diberi. Kecerdasan merujuk kepada tahap akal dan keupayaan praktikal pekerja dalam menangani cabaran dunia pekerjaan. Bukan anak-anak yang pergi sekolah sahaja menitikberatkan mengenai kecerdasan, tetapi pekerja juga perlu kekal cerdas dan cergas, barulah produktiviti meningkat. Salah satu kaedah yang boleh digunakan oleh majikan menilai tahap kecerdasan pekerja adalah melalui cara soalan yang ditanya. Seseorang pekerja boleh menunjukkan tahap kecerdasan dengan bertanya soalan dan mendengar jawapan yang baik. Hal ini jelas membuktikan bahawa kecerdasan seseorang itu amat penting sebagai seorang pekerja yang berkualiti.

Bagi menyimpulkan perbincangan yang telah dihuraikan di atas, ciri-ciri yang diidamkan oleh majikan terhadap pekerja adalah mengikut variasi dan corak syarikat atau organisasi masing-masing. Umum sedia maklum bahawa majikan merupakan kepala kepada struktur organisasi atau syarikat tetapi pekerja merupakan kaki dan tangan yang melakukan pekerjaan yang perlu bagi menjayakan objektif yang ditetapkan oleh majikan. Sehubungan dengan itu, layanan yang seyogianya harus diberikan kepada semua pekerja yang berkorban tenaga dan masa demi memenuhi hasrat dan visi majikan dengan memastikan kebajikan serta kadar gaji mereka diberikan mengikut ketetapan Kementerian Sumber Manusia. Ibarat dayung sudah di tangan, perahu sudah di air terletak kepada para majikan untuk menggilap dan melahirkan golongan pekerja profesional tempatan yang akan menjadi khazanah berguna untuk negara dan nusa bangsa.

## KERTAS 4

### PETIKAN PERTAMA

1	<b>Nama penuh</b>	Arif Aiman bin Mohd Hanapi
	<b>Tarikh Lahir</b>	4 Mei 2002
	<b>Tempat Lahir</b>	Kuantan, Pahang
	<b>Memakai jersey bernombor</b>	42

- 2 Pada tahun 2018
- 3 Pemain Paling Bernilai, Penyerang Terbaik
- 4 C

### PETIKAN KEDUA

- 1 26 Mei 2023 sehingga 4 Jun 2023.
- 2 Majlis Buku Kebangsaan Malaysia
- 3 – Acara Bilik Kuala Lumpur  
– Bengkel

4	<b>Nama Bengkel</b>	<b>Pembimbing</b>
	Bengkel Terjemahan Buku	Dr Hasuria Che Omar
	Bengkel Penulisan Tesis kepada Buku	Profesor Dr. Roosfa Hashim
	Bengkel Penyuntingan Bahasa	Puan Alimie Liman

- 5 penerbitan buku sendiri atau swaterbit, penulis risalah, ilustrator dan pengusaha buku foto.

### PETIKAN KETIGA

- 1 Penyajak memandang ke langit lalu memerhatikan keadaan langit. Dengan perasaan penuh kesyukuran, dia menghayati keindahan alam.
- 2 Personifikasi
- 3 (i) ✓  
(ii) ✓  
(iii) ✗
- 4 Mesej yang hendak disampaikan oleh penyajak ialah kita mestilah cinta akan bahasa Melayu.

### PETIKAN KEEMPAT

- 1 Solehah yang tenat, pundi janinnya pecah di ovari, dan juga sedang koma.
- 2 bertanggungjawab, prihatin
- 3 Tuan Besar Musa telah banyak menyumbangkan dana kepada kelab elit.
- 4 C
- 5 Nilai keprihatinan